

BAB I

PENDAHULUAN

1. Latarbelakang Masalah Kajian

Islam mula masuk ke Alam Melayu pada abad ke tujuh Masihi.¹ Penyebaran agama Islam yang dilakukan secara damai oleh para pedagang Arab yang mahir dan arif dalam bidang agama dan khusus para pendakwah Arab, disambut baik oleh para penduduk bahagian pesisir Sumatera. Sejak daripada itulah Islam mulai berkembang dan dianut oleh masyarakat penduduk tempatan yang bermukim di sekitar kepulauan Nusantara.²

Para pendakwah Islam pada masa itu mula berdakwah di wilayah pesisir sahaja, seperti; pesisir akeh, Melaka, Palembang, Batam, Tuban, Gresik dan sebagainya. Para pendakwah itu, ada yang datang sebagai pedagang dan ada juga yang datang sebagai da'i dan ulama. Pada umumnya mereka datang untuk memperkenalkan suatu cara kehidupan kemasyarakatan yang baharu, tanpa membezakan warna kulit dan perkauman. Dengan itu, maka para mubaligh berjaya mengislamkan masyarakat setempat dengan cara damai.³

Terjadinya proses penyebaran agama Islam di Nusantara disebabkan adanya dua faktor, iaitu: *pertama*; orang-orang muslim pendatang daripada tanah

¹ Azyumardi Azra (1995), **Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII**. c.2. Bandung: Penerbit Mizan, h. 24-36.

² A. Hasymi (1981), **Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia**. Bandung: al-Ma'arif, h. 7.

³ Marwati Djoened Poesponegoro & Nugroho Notosusanto (1984), **Sejarah Nasional Indonesia III**. c.3, Jakarta: Balai Pustaka, h. 179.

Arab dan menyebarkan Islam dan *kedua*; golongan masyarakat Indonesia pribumi sendiri. Cara-cara yang diguna pakai oleh orang-orang muslim dalam penyebaran Islam disesuaikan dengan keadaan sosial budaya yang sedia ada. Oleh itu, pada tahap permulaan Islamisasi dilakukan dengan mengambil kira keadaan serta kedudukan masyarakat sekitar.

Dalam proses pertama penyebaran agama Islam, orang-orang Arab mempunyai peranan penting dalam menyebarkan agama Islam, tetapi dalam proses pengislaman selanjutlah dapat diteruskan oleh orang-orang tempatan, ikut aktif mengambil bahagian dalam proses penyebaran agama Islam. Seperti di pulau Jawa, tokoh yang dikenali dengan sebutan “*Wali Songo*” atau “*Wali Sembilan*” yang dipercayai sebagai pembawa dan penyebar agama Islam di daerah-daerah pesisir pulau tersebut.

Diantara Wali Songo atau Wali Sembilan yang berasal daripada tanah Jawa itu adalah Syeikh Maulana Malik Ibrahim di Gresik, Sunan Bonang di Tuban, Sunan Drajat di Sidayu, Sunan Ampel di Surabaya, Sunan Muria di Muria, Sunan Kalijaga di Dermayu, Sunan Giri di Gresik, Sunan Kudus di Kudus dan Sunan Gunung Jati di Cirebon.⁴ Mereka semua ini adalah para wali Allah SWT. yang berjaya menyebarkan Islam di Nusantara Khususnya di Pulau Jawa. Penyebaran ini berlaku selangkah demi selangkah tanpa adanya paksaan dan

⁴ Maklumat yang lengkap tentang Wali Songo. Lihat: Ridin Sofwan, H. Wasit & H. Mundari (2000), **Islamisasi di Jawa Walisongo Penyebar Islam di Jawa Menurut Penuturan Babad**. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 24-200.

peperangan, melainkan dengan cara damai, toleransi serta saling menghargai antara para pendakwah Islam dengan para pengikut agama Hindu dan Budha.⁵

Ditengah-tengah proses perubahan sosial yang damai demikian itu, datanglah suatu pergantian iaitu, pergantian sejarah dalam bentuk kehadiran pedagang-pedagang Barat, seperti pedagang Portugis, Spain serta pedagang Inggeris dan Belanda. Kehadiran pedagang Barat yang beragama Kristian itu, selain berdagang mereka juga mahu menguasai dan menjajah negara di kawasan Asia serta menyebarkan agama Kristian pada masyarakat tempatan. Dengan cara menggunakan kekerasan terutama dengan teknologi persenjataan mereka yang lebih unggul daripada persenjataan rakyat tempatan. Matlamatnya ialah menaklukkan kerajaan-kerajaan Islam di daerah pesisir kepulauan Nusantara Alam Melayu.⁶

Kerajaan-kerajaan yang pernah wujud di Nusantara bukan hanya satu tetapi dengan jumlah yang begitu banyak, sebahagian diantaranya adalah sebagai berikut; di daerah Sulawesi terdapat kerajaan Gowa dan kerajaan Laikang. Di daerah Kalimantan terdapat kerajaan Tanjung Pura, kerajaan Sambas, kerajaan Kubu, kerajaan Pontianak dan kerajaan Ambawang.⁷ Sedangkan ada beberapa kerajaan yang berkuasa wujud di daerah Sumatera, iaitu; *pertama*, kerajaan Perlak; *kedua*, kerajaan Samudera Pasai; *ketiga*, kerajaan Aceh; *keempat*, kerajaan Haru; *kelima*, kerajaan Siak; dan juga kerajaan Batubara.

⁵ Endang Saifuddin Anshari (1983), **Wawasan Islam Pokok-pokok Pikiran Tentang Islam dan Ummatnya**. Bandung: Pustaka, h. 214.

⁶ A. Hasymi (1981), *op. cit.*, h. 117.

⁷ Maklumat lengkap tentang kerajaan-kerajaan yang terdapat di Kalimantan. Lihat: Muhammad Syamsu AS (1996), **Ulama Pembawa Islam di Indonesia dan sekitarnya**. Jakarta: Penerbit Lentera, h. 96-111.

Pertama, Tentang kerajaan Perlak. Pada tahun 173 H, sebuah kapal layar telah berlabuh di bandar Perlak, membawa angkatan dakwah di bawah pimpinan nakhoda Khalifah, yang datang daripada Teluk Kambay Gujarat.

Pada tarikh 1 Muharram 225 H. Angkatan dakwah itu berjumlah 100 orang yang terdiri daripada orang-orang Arab, Parsia dan India datang ke Perlak. Mereka inilah yang menyebarkan agama Islam pada penduduk tempatan dan keluarga Istana. Salah seorang daripadanya adalah al-Sayid Ali dari Suku Quraisy yang kahwin dengan seorang puteri, iaitu Makhdum Tansyuri, salah seorang adik dari Maurah Perlak yang bernama Syahir Nuwi. Dari perkahwinan inilah lahirlah al-Sayid Abdul Aziz, putera campuran Arab-Perlak.

Pada tahun 255 H, kerajaan Perlak Islam didirikan dengan seorang raja yang pertama yang berketurunan daripada Arab-Perlak itu yakni Sayid Abdul Aziz, maka kerajaan Islam Perlak itu adalah sebuah kerajaan Islam yang pertama ditubuhkan di Nusantara Alam Melayu dan pada abad ke-3 H atau abad ke-9 M.⁸

Kedua, Tentang kerajaan Samudera Pasai. Kerajaan ini terletak di pantai timur Sumatera antara sungai Jambu Air dan sungai Pasai di Aceh Utara. Sebagai pusat bandarnya adalah Cut Astama atau sekarang dikenali sebagai Blang Me. Pada mulanya terdapat dua buah kerajaan yang berasingan, iaitu kerajaan Samudera dan kerajaan Pasai.

⁸ A. Hasjmy (1981), *op. cit.*, h. 140. Lihat: Muhammad Syamsu AS (1996), *op. cit.*, h. 9-10.

Kedua-dua kerajaan ini menjadi tumpuan para pedagang antarabangsa, terutama bangsa Arab, Parsi dan India. Setelah agama Islam bertapak dan berkuasa di daerah ini, kedua-dua kerajaan tersebut digabungkan menjadi Samudera Pasai.⁹ Bani Mamluk yang berkuasa di negeri Arab pada 1285-1522 M, turut memberi dukungan diasaskanya kerajaan Samudera Pasai ini.¹⁰ Dipercayai bahawa utusan Mamluk yang dipimpin Syeikh Ismail telah diperintahkan untuk menobatkan Meurah Silu sebagai sultan di Samudera Pasai.¹¹ Setelah dinobatkan menjadi sultan, Meurah Silu dikenali sebagai Sultan Malik al-Saleh.

Ketiga, Kerajaan Aceh. Sultan-sultan Aceh sangat menghormati dan menyukai para ulama. Bila orang - orang alim datang dari luar negeri, ia akan mendapat tempat istimewa di Aceh, kerana pada masa itu, bukanlah bangsa yang menjadi ukuran melainkan agama yang diutamakan. Syeikh Abdullah Arif, yang datang dari tanah Arab adalah salah seorang pembawa agama Islam ke Aceh. Muridnya Burhanuddin menyebarkan ajaran agama Islam di Pariaman, Sumatera Barat.¹²

Kerajaan Aceh diasaskan pada tahun 1205 M oleh Johan Syah yang datang bersama-sama angkatan muda yang dipimpin oleh As-syeikh Abdullah Kan'an, pemimpin Dayah Cot Kala di Perlak. Bagaimanapun baru pada masa pemerintahan Sultan Ali Mughyat Syah (1511-1538 M) kerajaan Aceh mulai mencapai kegemilangannya. Kejayaan itu bukan hanya kerana kejatuhan Melaka pada tahun 1511 M, yang menyebabkan pedagang-pedagang lalu menuju ke

⁹ Edi S. Ekadjadi (1975), **Penyebar Agama Islam di Pulau Sumatera**. Bandung: PT. Sanggarbuana, h. 19.

¹⁰ Ismail Hamid (1985), **Pengantar Sejarah Umat Islam**. Kuala Lumpur: Heineman, h. 140.

¹¹ Edi S Ekadjadi (1975), *op. cit.*, h. 19.

¹² Hamka (1981), **Sejarah Umat Islam**. Jakarta: Bulan Bintang, h. 141.

Acheh pula, tetapi kerana pada tahun 1520 M, ia beroleh kemerdekaan dari Sultan Pidi dan sekali gus berhasil menyatupadukan kerajaan-kerajaan kecil yang terletak di Acheh Besar.¹³

Kerajaan Acheh telah diiktiraf sebagai satu daripada kerajaan Islam yang terbesar di dunia ketika itu. Ada beberapa sebab yang meletakkannya ke arah sedemikian. Pertama, dari segi politiknya kerana kewibawaan Sultan Iskandar Muda (1606-1636 M) sebagai pemerintah dan juga pahlawan. Kejayaan bukan setakat menakluki kawasan-kawasan penting di Sumatera atau menawan Kedah, Perak dan Pahang, bahkan dengan gigihnya terus-menerus menyerang penempatan Portugis di Melaka yang ternyata begitu kuat.

Kebesaran Acheh juga begitu rapat dengan kedudukannya sebagai pusat pengajian Islam di Nusantara Alam Melayu yang terpenting ketika itu. Pada zaman inilah, iaitu pada abad ke-17 M, munculnya para ulama samada dari dalam mahupun dari luar Acheh. Peranan mereka pun berbagai-bagai; ada yang menjadi pentadbir, mengajar, mengarang dan sebagainya. Perkembangan ilmu pengetahuan yang sangat pesat inilah, kemudian akhirnya kerajaan Acheh menjadi ikutan bagi negeri-negeri lain melalui pusaka ilmu yang ditinggalkan.¹⁴

Keempat, Kerajaan Haru. Kerajaan Haru dianggarkan telah berdiri di daerah pesisir Sumatera Timur sekitar 800 tahun. Ianya bermula dari satu

¹³ Abdul Rahman Hj. Abdullah (2006), **Sejarah dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional**. Selangor: Karisma Publications, h. 83.

¹⁴ *Ibid.* h. 84.

kumpulan kecil daripada golongan Melayu Muda yang bercampur baur dengan golongan Melayu Purba. Oleh yang demikian maka lahirlah sebuah kerajaan.¹⁵

Menurut pakar sejarah bahawa kerajaan Haru yang paling awal adalah di daerah Basitang Sumatera Timur, kerajaan ini berdiri kurang lebih lapan ratus tahun lamanya dengan melalui sejarah yang begitu panjang kerana pusat pentadbiran kerajaannya selalu berpindah-pindah dari suatu tempat ketempat lain dikawasan Sumataera Timur, oleh kerana sistem pemerintahannya berbentuk *konfederasi*, iaitu menobatkan dan mendaulatkan raja yang lebih tua dikalangan raja-raja yang ada didalam kerajaan Haru.¹⁶ Maka secara tidak langsung pusat pemerintahan tertumpu dimana sahaja kedudukan raja yang tertua berada, antara pusat pemerintahan Haru ialah:

1. Kampung Sikandar (Besitang-Langkat) tahun 800-1024 M.
2. Kota Batu Gohor Lama (Sungai wampu) tahun 1024-1200 M
3. Deli Tua (Haru Deli Tua) tahun 1200-1608 M.
4. Barumun (Tapanuli Selatan) tahun 1608-1683 M.
5. Silau (Simalungun) tahun 1683 M.¹⁷

Pada zaman pemerintahan kerajaan Haru lebih mengutamakan politik persahabatan kepada semua negeri-negeri yang berjiran seperti kerajaan Nagur, Srivijaya dan lain-lain. Kerajaan Haru telah mencapai kejayaannya tersendiri hampir menandingi kerajaan Samudera dan Pasai di Aceh.

¹⁵ Admansyah (t.t.), **Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur**. Medan: Yayasan Karya Budaya Nasional, h.17.

¹⁶ *Ibit*, h. 21.

¹⁷ Timbul Sir (1980), **Sejarah Kota Medan**. Medan: Y.A.S. Pembina Jiwa Pancasila, h. 33.

Kelima, Kerajaan Siak. Kerajaan ini diasaskan pada tahun 1723 M, oleh raja Kecil, yang dikenali dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rachmat Syah. Sebutan orang Siak mempunyai erti bagi seseorang yang dianggap alim dalam agama Islam. Kerajaan ini memegang peranan sebagai kerajaan di selat Melaka bagi perdagangan antara India, China dan Singosari atau Majapahit.¹⁸

Keenam, Kerajaan Melayu Batubara. Kerajaan ini diasaskan pada tahun 1723 M. Sedangkan masa berakhirnya kekuasaan kerajaan Melayu Batubara ini pada tahun 1945 M, ketika Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan. Secara rasminya, kerajaan Melayu Batubara turut menyerahkan kekuasaannya dan bersatu dalam negara Republik Indonesia.

Dalam sejarahnya, kerajaan Melayu Batubara yang terletak di Sumatera Utara, merupakan suatu kerajaan Melayu dan Islam. Namun masih ada didapati pada sebahagian masyarakat tempatan masih ada yang mempercayai fahaman animisme dan dinamisme yang diwarisi turun temurun dari kalangan mereka. Selain itu pula, terdapat juga fahaman Hindu dan Budha. Fahaman animisme, dinamisme serta Hindu dan Budha sebahagiannya menjadi tradisi atau pegangan sesetengah pihak, kebiasaan yang dianggap sebagai adat resam masyarakat tempatan secara turun-temurun daripada satu generasi kepada generasi seterusnya, yang telah dipakai berabad-abad lamanya, namun ianya adalah jumlah yang kecil.

¹⁸ Muhammad Syamsu AS (1996), *op. cit.* h. 27.

Setelah kedatangan Islam, amalan dan adat resam dapat terhakis secara perlahan. Yakni bagaimana pengaruh Islam terhadap kerajaan Melayu Batubara. Hal inilah yang memotivasi penulis, untuk membuat kajian dalam sebuah karya ilmiah ini.

2. Latarbelakang Kerajaan Melayu Batubara

Membicarakan masalah kerajaan Melayu Batubara tidak terlepas daripada peranan Raja Kecil. Namun ada beberapa pendapat tentang Raja Kecil;

“Syahdan, maka tersebutlah dalam kisah ada seorang perempuan; orang di dalam Johor, pergi ke Sumatera bersama anaknya yang baharu berumur lima tahun. Maka dilihat oleh segala menteri akan budak lelaki itu, mereka terlalulah berkenan, kerana seperti kelakuan anak –anak raja. Maka mereka tanya pada perempuan itu, “anak siapa ini?” Maka jawab perempuan itu. “Budak ini anak Marhum Mangkat di Julanglah”. Maka segala menteri itu pun sangatlah sukacita. Disuruh mereka pelihara budak itu dengan sebegininya.

Setelah besar, maka menteri-menteri Minangkabau pun hendak merajakannya, dibawalah budak itu ke balai dan disandarkanlah kesebuah tiang jelatang, jika dia tidak merasa kegatalan maka bolehlah ia menjadi raja. Budak itupun tiada merasa kegatalan, maka dinobatkanlah sebagai raja dan dinamakan Raja Kecil. Kemudian Raja Kecil telah mula dapat berkuasa di Bukit Batu, setelah mempersiapkan kekuatan, Raja Kecil kembali ke Johor menuntut takhta, menyerang Sultan Abdul Jalil dan Sultan Muda Zainal Abidin, setelah dapat dikalahkan, Raja Kecil menjadi raja di kerajaan Johor, intaha.¹⁹”

¹⁹ A.Samad Ahmad (1989), **Serangkai Warisan Sejarah**. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45

Mengikut seorang Kapten Alexander Hamilton, ada dua pendapat asal usul Raja Kecil ini. Satu pihak yang lebih kuat mengatakan bahawa beliau ialah anak Sultan Mahmud mangkat dijulang, yang telah dilahirkan selepas kemangkatan ayahandanya. Raja Kecil dikatakan terselamat menerima nasib yang sama dengan ayahandanya oleh kerana ibu yang mengandung nya mula-mula telah diseludup ke Muar dan kemudian ke Sumatera. Disinilah beliau menghabiskan masa mudanya dan berkhidmat dibawah **Sultan Palembang**. namun ada juga pihak yang berpendapat bahawa ia hanya merupakan seorang pengembara yang mendakwa keturunan Diraja untuk menyenangkan kenaikan ke takhta kerajaan Johor. Tetapi walau apa-apa pun asal usulnya, Raja Kecil telah memperolehi sokongan yang kuat dari orang-orang Melayu Sumatera seperti Siak, Kampar(panglima-panglima Batubara) dan Minangkabau, dan telahpun dipilih oleh orang-orang Siak sebagai pemerintah mereka. Beliau kemudian telah menyerang dan menawan Bengkalis dan seterusnya membuat perhubungan dengan pelaut-pelaut lain, termasuk Bugis, Daeng Chelak dan Daeng Parani.²⁰

Raja Kecil mula digeruni, Sultan Abdul Jalil dari Johor telah menghantar satu utusan ke Batawi dan memohon kepada Belanda agar memulihkan persediaan perlindungan, yang ditandatangani sejak tahun 1606 dahulu. Pihak Belanda akhirnya bersetuju. Tetapi tidaklah menakutkan Raja Kecil, secara sulit telah dapat mengumpulkan bantuan dari pembesar-pembesar yang tidak puas hati di Johor. Raja Kecil melancarkan serangan mengejut, semasa Raja Muda sedang bermain catur, beliau sangat marah akan perbuatannya, peristiwa ini membunuh ramai dari ahli keluarganya, sementara, Bendahara - Sultan, telah lari ke hulu

²⁰ Joginder Singh Jessy (1975), **Malaysia Singapura dan Brenai 1400-1965**. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Berhad, h.125

sungai. Ibunegeri Johor akhirnya ditawan oleh Raja Kecil pada bulan Mac, 1717, Abdul Jalil tidak lama kemudian telah pulang ke Johor dan tunduk di bawah Raja Kecil. Tetapi beliau, walau bagaimanapun, telah diturunkan pangkat kepada seorang Bendahara kembali dan Raja Kecil dilantik menjadi Sultan.

Perebutan kuasa diantara Raja Kecil dan Raja Sulaiman, anak kepada Sultan Abdul Jalil, kembali meletus, bantuan orang-orang Bugis bukan sahaja melibatkan peperangan terbuka dengan orang-orang penyokong Raja Kecil akan tetapi juga memberi peluang kepada golongan yang terakhir ini untuk campur tangan didalam perbalahan politik pemerintah-pemerintah Melayu.

Orang-orang Bugis mula ikut dalam percaturan politik di Tanah Melayu, mengikut cerita, ketika Sulawesi dapat ditawan Belanda para sudagar Bugis lari merentasi laut-laut ke Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Borneo menjadi pelut-pelaut dan lanun-lanun yang handal. Diikuti ketibaan Daeng Rilaka bersama lima orang anaknya dan para pengikutnya, telah dipaksa meninggalkan Sulawesi ke Borneo, gugusan Riau-Lingga dan Semenanjung Tanah Melayu apabila salah seorang dari anak-anaknya, Daeng Parani, membunuh anak raja Makasar oleh kerana cinta dengan seorang gundik Raja dari Boni.

Kehadiran Bugis ke Tanah Melayu menjadi satu sejarah tersendiri. Pada tahun 1681, orang-orang Bugis telah menubuhkan penempatan-penempatan di Muara sungai Selangor dan Kelang. Bugis mula diikuti sertakan dalam percaturan di Johor, ketika Raja Kecil menyerang Puchang, ibunegeri Sultan Abdul Jalil IV. Bugis bersedia membantu Raja Kecil dengan janji, mereka diangkat menjadi Tuan Muda Johor. Tetapi sementara orang-orang Bugis sedang menyediakan angkatan

mereka di Selangor, Raja Kecil telah melancarkan serangan yang mengejut keatas kerajaan tanpa mengikut sertakan orang-orang Bugis²¹

Mengikut sumber lain, sejarah Raja Kecil ini adalah putera kepada seorang Raja Johor, iaitu Sultan Mahmud Shah II dan isterinya bernama Che Pong anak seorang laksamana.²² Che Pong mengandung sewaktu baginda mangkat dan para pembesar Johor sedang sibuk merundingkan hal almarhum dan hal mencari gantinya. Che Pong dilarikan oleh Panglima Lais ke Pagar Ruyong Sumatera dan melahirkan seorang putera diserahkan kepada Puteri Jenilan. dipanggil Tuan Bujang atau Si Buyong yang kemudiannya, dikenali sebagai Raja Kecil.²³ (yakni sudah dikenali sebagai Raja semasa kecil)

Pada masa remaja, Raja Kecil menyerang kerajaan Johor pada tahun 1717 M, untuk merampas balik takhta kerajaan ayahandanya Sultan Mahmud Shah II yang pada masa itu kerajaan Johor dipimpin oleh Sultan Abdul Jalil IV. Raja Kecil menyerang Johor dibantu oleh pengikut-pengikutnya, orang-orang Siak, Kampar (panglima-panglima Melayu Batubara) dan orang-orang Minangkabau. Peperangan antara Raja Kecil dengan Sultan Abd. Jalil IV amat dahsyat. Oleh kerana ada orang Johor yang berpaling tadah ke pihak lawan (Raja Kecil). Kebanyakan orang-orang besarnya telah lemah hati untuk meneruskan peperangan itu. Akhirnya pihak kerajaan Johor terpaksa menyerah kalah. Kemudian Sultan abd. Jalil IV bersama putera puterinya berpindah ke Terengganu. Dengan

²¹ *Ibid*, h.126

²² R.O. Winstep (2003), **A History of Johore**. Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, h. 63.

²³ Shaharom Husain (1995), **Sejarah Johor Kaitannya dengan Negeri Melayu**. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti SDN BHD, h. 27.

demikian pada tahun 1717 M, Raja Kecil telah naik takhta menjadi raja pada kerajaan Johor-Riau dan Sultan Abdul Jalil IV dijadikan bendahara.²⁴

Setelah naik takhta, Sultan Raja Kecil bertunang dengan puteri Sultan Abdul Jalil IV yang bernama Tengku Tengah. Pada masa hari raya Sultan Abdul Jalil IV dengan puterinya yang bongsu telah mengunjungi baginda. Tiba-tiba Raja Kecil telah jatuh hati kepada Tengku Kamariah, puteri bongsu Sultan Abdul Jalil IV itu.²⁵ Akhirnya Raja Kecil berkahwin dengan Tengku Kamariah dan bersemayam di Johor. Adapun Tengku Tengah dikahwini oleh pemimpin Bugis Daeng Parani. Raja Kecil memerintah Kerajaan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rachmat Shah.²⁶

Selanjutnya, pada tahun 1722 M, orang-orang Bugis pula turut membantu Sultan yang digulingkan untuk menguasai Johor dan berjanji supaya melantik orang Bugis menjadi Yam Tuan Muda Johor, apabila mereka dapat mengalahkan Raja Kecil maka ditabalkan Tengku Sulaiman (anak bongsu lelaki daripada Sultan Abdul Jalil IV) sebagai raja Kerajaan Johor.²⁷ Kemudiannya Raja Kecil kembali ke Sumatera menuju Pulau Bintan dan terus ke Bengkalis, hingga akhirnya sampai di pendalaman Sungai Siak, tepatnya di daerah Buantan dan menetap disitu karena merasa lebih aman dan tenteram. Letak Buantan lebih kurang 10 km di hilir kota Siak Sri Indrapura. Sultan Abdul Jalil Rachmat Shah kemudian diangkat sebagai Sultan Siak dengan gelar yang sama ketika ia masih

²⁴ Mazlan bin Abdullah (1979), **Sejarah Tanah Melayu 1400-1965**. c.5. Kuala Lumpur: Pustaka Sistem Pelajaran SDN BHD, h. 53.

²⁵ Shaharom Husain (1995), *op. cit.*, h. 28.

²⁶ Mazlan bin Abdullah (1979), *op. cit.*, h. 54.

²⁷ *Ibid.* h. 53.

menjadi raja di kerajaan Johor - Riau oleh rakyat setempat. Beliau mengasaskan Kerajaan Siak.

Selanjutnya, Sultan Abdul Jalil Rachmat Shah melakukan rombakan ekonomi dan ketenteraan untuk menakluki kerajaan Johor. Namun, mengalami kegagalan. Ia mangkat pada tahun 1744, dan digantikan oleh puteranya, Sultan Mohamad Abdul Jalil Jalaludin Shah. Baginda kemudian memindahkan pusat pentadbiran ke Mempura dan terakhir di Kota Tinggi, yang lebih dikenal dengan nama Siak Sri Indrapura.

3. Wilayah Kerajaan Melayu Batubara

Luas wilayah Batubara adalah 92.220 Ha, yang terdiri daripada 7 kecamatan, iaitu: *pertama*, Kecamatan Tanjung Tiram luas wilayah 17.379 Ha; *kedua*, Kecamatan Sei Balai luas wilayah 10.988 Ha; *ketiga*, Kecamatan Telawi luas wilayah 8.980 Ha; *keempat*, Kecamatan Lima Puluh luas wilayah 23.955 Ha; *kelima*, Kecamatan Air Putih luas wilayah 7.224 Ha; *keenam*, Kecamatan Sei Suka luas wilayah 17.147 Ha dan *ketujuh*, Kecamatan Medang Deras luas wilayah 6.547 Ha.²⁸

Menurut Datuk Muhammad Azmin Syah wilayah Kerajaan Batubara semasa dibawah pemerintahan beraja, adalah lebih luas, sesuai dengan data lengkap yang disimpannya iaitu *peta kuno* sebagai peninggalan sejarah yang terbuat dari kain sutera putih berusia ratusan tahun lamanya, bermula dari Silau

²⁸ Majalah Bias (2007), *op. cit.* h. 12.

Laut Asahan, Perdagangan Simalunngun, namun setelah mardeka wilayah itu dimasukkan kedalam wilayah Asahan dan Simalungun.

Wilayah laut Batubara yang terletak di Selat Malaka seluas 12 mil daripada pantai dan pantai Batubara memanjang seluas 60 km, bersempadan dengan Kabupaten Asahan hingga Kabupaten Serdang Bedagai (sebelumnya Deli Serdang). Wilayah ini letaknya adalah strategik kerana menjadi kota transit (persinggahan) antara kabupaten di Sumatera Utara seperti Kabupaten Asahan, Kabupaten Simalungun, Kabupaten Labuhan Batu, Kabupaten Serdang Bedagai dan Kabupaten Deli Serdang, terus menuju ke Medan pusat bandar Sumatera Utara. Di Medan terdapat jalan lintas antara propinsi Sumatera Utara dengan propinsi Riau, juga terdapat jalan lintas Sumatera yang dapat menghubungkan pulau Sumatera dengan Pulau Jawa.

Sedangkan, batas-batas wilayah Batubara sebagai berikut: sebelah Barat berbatasan dengan Kecamatan Bandar Khalifah dan Kecamatan Tebing Tinggi, Kabupaten Serdang Bedagai. Di sebelah Timur berbatasan dengan selat Melaka dan sebelah selatan berbatasan dengan Kecamatan Meranti dan Kecamatan air Joman, Kabupaten Asahan. Di sebelah Utara berbatasan dengan Kecamatan Bandar Masilam, Kecamatan Dolok batu Nanggar, Kecamatan Bosar Maligas dan Kecamatan Ujung Pandang Kabupaten Simalungun.²⁹

²⁹ *Ibid.* h. 12.

Secara *geografik* Kerajaan Batubara terletak dibahagian Timur pulau Sumatera dan penduduk asalnya adalah suku Melayu pesisir Sumatera Timur. Berdasarkan wilayah kekuasaan kerajaan, maka wilayahnya meliputi hampir-hampir ke Kisaran Asahan dan perdagangan Simalungun hingga ke Pagurawan. Sebelah pantai terdapat Selat Malaka, oleh demikian wilayah ini dahulunya adalah *strategik* letaknya bagi pendakwah-pendakwah Islam dan pedagang-pedagang asing yang datang.

Kedudukan wilayah Batubara yang strategik itu, kerana mempunyai keluasan pantai yang dapat menghubungi ke beberapa kerajaan Melayu yang lain di Sumatera dan Semenanjung Malaysia. Kerajaan melayu tersebut adalah di sebelah Barat ialah: Kerajaan Serdang, Kerajaan Deli, Kerajaan Stabat, Kerajaan Haru dan Kerajaan Aceh. Di sebelah Timur ialah: Kerajaan Asahan, Kerajaan Labuhan Batu, Kerajaan Siak Indrapura Riau. Sedangkan di Semenanjung ialah: Kerajaan Perak, Melaka, Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Johor. Ini kerana tiada sempadan bagi Batubara dengan semenanjung kecuali Selat Malaka, bahkan Istana Niat Lima Laras, istana Kerajaan Batubara yang masih ada hingga sekarang sebagai peninggalan sejarah itu kayu-kayan bangunan tersebut berasal dari Semenanjung Malaysia.³⁰

Bahawa pada masa dahulu, semasa Jepun mahu menjajah Indonesia. Askar-askar Jepun mendarat dipantai Sumatera. Beliau mengatakan pantai yang

³⁰ **Majalah Ummat**, 22 Safar 1417 H, No1/ Thn.II/8 Juli 1996, h. 54.

digunakan askar-askar Jepun mendarat adalah pantai Sejarah, pantai Perupuk, pantai Bogak dan pantai Kuala Tanjung. Dahulunya hubungan dagang antarabangsa melalui pantai-pantai ini. Hubungan saudagar dari Semenanjung ke Batubara adalah salah satu faktor kemajuan yang terbina dizaman kerajaan pada masa itu. Memandangkan letak wilayah ini yang *strategik* bagi saudagar, pendakwah atau muballigh.³¹

Pada tahun 1900 M, Kerajaan Melayu Batubara semasa dipimpin Datuk Muhammad Yoeda berhubung erat dengan raja-raja yang ada di Semenanjung, melalui pantai-pantai tersebut. Mereka selalu berulang-alik menyeberangi Selat Melaka termasuk urusan perdagangan. Dari segi politik, raja telah menggunakan strategi tertentu seperti memasang bendera Inggeris sepanjang pantai Kerajaan Batubara, bermula dari Silau sampai ke Pagurawan, dengan tujuan untuk menakut-nakuti penjajah Belanda.

Hal ini mengakibatkan Belanda curiga terhadap raja-raja melayu, bahawa raja-raja melayu ada hubungan sulit dengan Inggeris yang ada di Semenanjung. Walaupun Belanda menjajah di Batubara, namun Belanda berhati-hati dan menjaga sopan santun adat tempatan. Hal ini terjadi ketika seorang ketua pemerintah Belanda datang merangkak (melutut) menghadap baginda raja sebagai tanda hormat kepada raja. Selain itu pula, dikawasan Batubara Belanda tidak berani melakukan kerja-kerja paksa terhadap masyarakat setempat.

³¹ Temu bual dengan Tuk Abdul, Pada Pukul 4.30-5.30pm Pada 7 Juni 2007 Di Kediamannya Di Medan Sumatera Utara. Beliau merupakan dari kalangan orang tua masyarakat Batubara yang mengetahui tentang sejarah Kerajaan Melayu Batubara.

4. Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini, penulis membuat beberapa pernyataan masalah yang sehati dengan tajuk kajian. Secara lebih terperinci, masalah-masalah yang akan dikaji dalam penyelidikan ini adalah sebagai berikut:

1. Bagaimana teori dan metode kedatangan, penyebaran Islam di Nusantara Alam Melayu menurut para pakar sejarah?.
2. Bagaimana sejarah penubuhan dan perkembangan kerajaan Islam di Nusantara Alam Melayu khususnya di Sumatera kerajaan Melayu Batubara?
3. Apakah faktor-faktor atas perkembangan Islam di kerajaan Melayu Batubara?
4. Bagaiman pengaruh Islam terhadap kerajaan Melayu Batubara dalam menyebar dan mempertahankan Islam di daerah Sumatera Utara dan Batubara khasnya?

5. Objektif Kajian

Selaras dengan pernyataan masalah tersebut di atas, maka dapatlah dirumuskan objektif kajian dalam penulisan ini, sebagai berikut:

1. Mengkaji sejarah kemajuan kerajaan Melayu Batubara
2. Mengkaji sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu khususnya di Batubara

3. Mengkaji kesan dan menganalisis tentang penyebaran Islam di kerajaan Melayu Batubara
4. Mengkaji mengenai sumbangan Islam terhadap kerajaan Melayu Batubara

6. Kepentingan Kajian

Dalam kajian tentang tajuk di atas itu, penulis mempunyai beberapa kepentingan kajian yakni:

1. Kajian ini diharapkan dapat memberikan suatu pendedahan, khususnya kepada masyarakat Sumatera Utara dan amnya kepada seluruh masyarakat Indonesia tentang kerajaan Melayu Batubara. Agar sejarah dan fakta masa lalu itu tidak hilang begitu sahaja ditelan zaman kerana ianya adalah aset bagi umat Islam
2. Memberi penerangan kepada masyarakat Batubara mengenai jati diri mereka hari ini sudah jauh berubah dan tertinggal dibelakang arus perjuangan bahawa pada suatu ketika dahulu mereka pernah maju bersama-sama ke hadapan dan orang-orang Melayu Batubara telah mencatat sejarah kegemilangannya tersendiri, ini disebabkan oleh kerana Islam
3. Menjelaskan kepada generasi masyarakat Batubara agar mencontohi perjuangan orang-orang terdahulu yang bersusah payah dan bertungkus lumus bagi membina tamadun Islam serta mempertahankan kerajaan Islam yakni kerajaan Melayu Batubara.

4. Kajian ini diharapkan agar masyarakat Melayu Batubara dapat mengambil pelajaran dan iktibar terhadap fakta sejarah masa lampau, untuk dijadikan sebagai pedoman, rujukan dan acuan bagi generasi masa hadapan, bahawa perubahan, ketinggalan bahkan kehancuran nilai-nilai murni masyarakat Batubara hari ini kerana meninggalkan perjuangan dan nilai-nilai Islam, sebaliknya kejayaan dan kegemilangan masa lampau kerana Islam, Melayu bermarwah dan bermartabat kerana Islam, sesungguhnya jati diri yang sebenarnya adalah Islam.

7. Skop Dan Pembatasan Kajian

Kajian ini akan membahas tentang sejarah dan peranan kerajaan Islam Melayu Batubara. Dalam hal ini, penulis akan bermula membahas tentang sejarah penubuhan kerajaan Islam, letak geografi dan luas wilayah kekuasaan kerajaan Islam ini. Kemudian bagaimana peranan kerajaan Islam Melayu Batubara dalam mempertahankan agama Islam daripada missionaris penjajah Belanda untuk menyebarkan agama Kristian di Sumatera khususnya wilayah kekuasaan kerajaan Islam Melayu Batubara. Untuk tidak terlalu luas dalam pembahasannya, maka penulis akan membatasi kajian ini yakni:

1. Kerajaan Islam Melayu Batubara dari mula 1900M sampai tahun 1945M.
2. Penelitian dilakukan hanya pada bekas wilayah kekuasaan kerajaan Islam Melayu Batubara.

3. Pengkaji melakukan kajian ini dengan menggunakan temu bual terhadap keturunan raja-raja kerajaan Islam Melayu Batubara dan para pakar sejarah yang mengkaji dalam bidang sejarah khususnya yang mengetahui sejarah tentang kerajaan Islam Melayu Batubara.

8. Pengertian Tajuk Kajian

Kajian disertasi ini bertajuk, “ISLAM DAN PENGARUHNYA TERHADAP KERAJAAN MELAYU BATUBARA (1900-1945) SUMATERA UTARA INDONESIA”. Berasaskan pada tajuk kajian ini, maka penulis akan membuat identifikasi pengertian tajuk, pada kata yang dianggap perlu untuk menghindari adanya kesalahan interpretasi. Kata-kata tersebut adalah:

1. Islam

Perkataan “Islam” berasal dari kata “*Salima*” yang bermaksud sejahtera.³² Menurut bahasa perkataan “Islam” bermaksud patuh dan berserah diri kepada Allah SWT.³³ Dalam istilah Syarak pula perkataan “Islam” adalah agama yang terdiri daripada lima asas atau rukun yang wajib dikerjakan oleh umat Islam.³⁴ Dalam definisi lain disebutkan “Islam” adalah agama *samawi* (langit) yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.³⁵

³² Idris al-Marbawi (1990), **Kamus Al- Marbawi (Arab – Melayu)**. Kuala Lumpur: Dar al- Fikri, h. 299.

³³ Mustafa al-Bugha (1997), **al-Wafi Fi Syarhi al- Arbain al-Nawawiyah**. c 9, Beirut: Dar al- Kalim, h. 72.

³⁴ *Ibid.*,

³⁵ Muhammad Ghassan al- Jabban (1996), **Al-Daurah al-Ta’hiliyah al-Rabi’ah**. Damsyiq: Muja’ma’ Abu al- Nur al-Islami, h.191.

Mengikut Kamus Dewan bahawa Islam adalah agama yang disampaikan oleh nabi Muhammad s.a.w.³⁶ Sedangkan mengikut kamus Bahasa Indonesia bahawa Islam adalah agama yang diajarkan oleh nabi Muhammad s.a.w. berpedoman pada kitab suci al-Quran, yang diturunkan ke dunia melalui wahyu Allah SWT.³⁷

2. Pengaruh

Perkataan “Pengaruh” bererti daya yang ada atau timbul dari sesuatu yang ikut membentuk watak, kepercayaan atau perbuatan seseorang.³⁸ Mengikut kamus Dewan, pengaruh diertikan sebagai kuasa yang terbit daripada orang atas orang lain, yang meninggalkan kesan pada orang lain.³⁹ Sedangkan mengikut Prof DR J.S. Badadu Pengaruh bererti sesuatu yang dapat membentuk atau mengubah sesuatu yang lain.⁴⁰ Dalam kajian ini pengaruh diertikan sesuatu yang dapat membentuk atau mengubah atau memberi kesan pada watak, kepercayaan atau perbuatan orang lain.

3. Kerajaan

Perkataan “Kerajaan” berasal dari kata “Raja” yang bererti seseorang yang mengepalai dan memerintah suatu kerajaan.⁴¹ Kata “Raja” ini mendapat awalan “ke” dan akhiran “an” sehingga menjadi kata “Kerajaan” yang bererti

³⁶ **Kamus Dewan** (2000), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 501.

³⁷ Tim Penyusun Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa (1989), **Kamus Besar Bahasa Indonesia**. Jakarta: Balai Pustaka, h. 340.

³⁸ *Ibid.*, h. 664.

³⁹ Kamus Dewan (2000), *op. cit.*, h. 1006.

⁴⁰ J.S. Badadu & Sutan Mohammad Zain (1994), **Kamus Umum Bahasa Indonesia**. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, h. 1031.

⁴¹ *Ibid.* h. 1120.

pemerintahan negara yang dikuasai oleh raja⁴² atau negara yang dikepalai oleh raja.⁴³ Perbahasan mengenai kerajaan ini, akan dipaparkan pada bab III semasa membincangkan sejarah kerajaan Batubara.

4. Batubara

Perkataan Batubara terdiri daripada dua suku kata iaitu, “Batu” dan “Bara”. Mengikut Kamus Dewan, Batu bererti bahan galian pepejal yang bukan logam.⁴⁴ Sedangkan Bara bererti api serpihan yang bernyala dalam api yang hampir padam.⁴⁵ Sedangkan kalau mengikut sejarah masa lampau, ada beberapa pendapat mengenainya, diantaranya: bahawa di wilayah Sumatera Utara Kecamatan (daerah) Lima Puluh, kawasan Simpang Dolok, terdapat sebuah kuburan besar diatas bukit Kuala Gunung dipercayai “makam seorang wali Allah” Yang sudah berabad lamanya, dikenali sebagai “Kubah Batubara” Dahulunya setiap malam Jumat masyarakat akan berziarah ke makam tersebut dan membaca tahlil.

Ketika itu, maka nampaklah batu nisan pada makam tersebut terang bagaikan bara api, menurut masyarakat tempatan, setiap malam Jumaat bunyi suara membaca tahlil dan zikir di *Kubah Batubara* sentiasa kedengaran sekalipun tiada orang yang datang membacakan tahlil disitu, pancaran cahaya terang itu dapat dilihat dari jauh hingga ke kawasan Tanjung Tiram dan Labuhan Ruku.

⁴² Bambang Marhiyanto (t.t.), **Kamus Lengkap Bahasa Indonesia**. Surabaya: Media Centre, h. 507.

⁴³ WJS Poerwadarminta (1982), **Kamus Umum Bahasa Indonesia**. Jakarta: PN Balai Pustaka, h. 792.

⁴⁴ Kamus Dewan (2000), *Op. Cit.* h. 113.

⁴⁵ *Ibid.* h. 107.

Didapati juga sebuah batu besar di kawasan Pantai Bogak, Tanjung Tiram, ada juga pendapat mengatakan, bahawa suatu ketika dahulu batu itu pernah mengeluarkan cahaya bagaikan bara api. Menurut John Anderson seorang penulis berbangsa Inggeris, datang ke Batubara membuat penelitian pada tahun 1823 M. dalam bukunya "Mission to east coast of Sumatra ", Edinburgh, 1826, ms.310

"Batubara is so called from a large stone in the interior, wick at night has the apprance of being red hot, and throws a light around it".⁴⁶

Ertinya: "Batubara yang dinamakan dari sebuah batu besar dikawasan pendalaman dimalam hari Nampak merah membara dan memancar disekitarnya".

Menurut pendapat lain mengatakan bahawa, Batubara asal mulanya dengan sebutan "Batu Bahara" iaitu batu penimbang atau batu neraca kapal perahu yang pertama berlabuh di pelabuhan Ruku, sekarang dikenali dengan nama "Labuhan Ruku," yang sudah menjadi daratan, kemudian batu itu nampak mengeluarkan cahaya terang dimalam hari, tak ubahnya seperti bara api. Menurut Nek Hjh Halimah, Batubara adalah kata kiasan, batu bermaksud keras dan kuat, bara bermaksud panas membakar dan terang, istilah ini sudah dipakai sebelum berdirinya kerajaan Batubara, iaitu semasa penguasaan para panglima Melayu dahulu lagi. Panglima-panglima Melayu ketika itu mati-matian mempertahankan wilayah ini diceroboh oleh pihak luar sehingga para panglima Melayu Batubara ketika itu selalu berperang mengusir mereka demi menjaga wilayah ini untuk tidak dimasuki oleh unsur-unsur lain seperti kemasukan agama lain selain Islam dan budaya selain Melayu.

⁴⁶ Ismail bin Tahir (Drs. Ustaz Haji) (t.t), **Lintasan Sejarah Batu Baro**. Kuala Lumpur, Malaysia 1956 -1997, h.74

Ini terbukti bahawa Melayu dapat mempertahankan kerajaannya dan hanya Islam sahaja agama di bumi Batubara, sesuai kata panglima Melayu, Panglima Nyang Gindo, "*Batubara Tanah Melayu Yang Bertuah*". Pendapat yang lain pula mengatakan bahawa Batubara bermaksud dengan kata kiasan iaitu batu maksudnya keras dan teguh serta gagah sedangkan bara adalah sentiasa bersemangat membara kerana mengikut asal usul masyarakat Melayu Batubara, bahawa Melayu Batubara berasal dari dua suku dari keturunan yang sama, kemudian menjadi satu. Iaitu Bani Jawi (Melayu) turunan nabi Ibrahim a.s. dari Kan'an berpindah randah melalui jalan darat berakhir di Semananjung Tanah Melayu (Pattani/Malaya) adapun turunan Nabi Ibrahim a.s. yang berpindah randah melalui jalan laut (Raja Mus) berakhir di pulau Sumatera.

Kemudian terjadilah suatu pertemuan antara masyarakat Melayu dari turunan darat dengan turunan laut, sehingga terjadilah penempatan baru dan masyarakat baru, tepatnya didaerah pantai kawasan Selat Malaka, kemudian dengan beberapa peristiwa inilah yang mengilhami wujudnya perkataan "Batubara".

5. Sumatera Utara

Pada zaman kerajaan Melayu Batubara, dahulu sebelumnya daerah ini dikenali dengan sebutan "Sumatera Timur". Iaitu wilayah kerajaan Melayu/Islam, bekas peninggalan kerajaan Haru, iaitu salah satu kerajaan Melayu yang tertua di

Nusantara Alam Melayu ini (mula berdiri tahun 800 M. – 1683 M.). Pada masa sekarang sebutan “Sumatera Timur” sudah tidak wujud lagi, lantaran diganti dengan sebutan “Sumatera Utara”.

Setelah mardeka, Sumatera dipimpin oleh seorang Gabenor dan pusat pentadbirannya berada di Medan. Pada 29 September 1945 Mr. Teuku Mohd. Hasan dilantik menjadi Gabenor Sumatera, sebagai wakil pemerintah pusat. Pada 15 April 1948 diwartakan UU No. 10 tahun 1948 tentang Pemerintahan Sumatera, Undang-undang itu antara lain berbunyi sebagai berikut: Berhubung luasnya pulau Sumatera, maka perlu dibagi dalam tiga provinsi, iaitu Provinsi Sumatera Utara, Provinsi Sumatera Tengah dan Provinsi Sumatera Selatan. Provinsi Sumatera Utara ialah yang meliputi Keresidenan Aceh, Keresidenan Sumatera Timur dan Keresidenan Tapanuli.⁴⁷

Setelah tahun 1945 sistem pentadbiran pemerintah berubah, diantaranya, memasukkan wilayah sebelah Utara iaitu kawasan pegunungan yang dihuni oleh majoriti orang-orang Batak Kristian ke dalam wilayah Sumatera Timur. Oleh itu, dalam kajian ini akan menggunakan sebutan yang terkini dan semasa, iaitu “Sumatera Utara”.

⁴⁷ Ardin Drs(1987), **Diktat Tata Negara Republik Indonesia**. IAIN SU kalangan sendiri, h.38

9. Kajian-kajian Lepas

Penulis mengkaji, meneliti dan menganalisa beberapa buku sejarah Islam atau manuskrip-manuskrip sebagai bukti-bukti sejarah masa kejayaan dan berakhirnya kerajaan Islam di Nusantara Alam Melayu yang berkaitan dengan tajuk ini. Oleh kerana itu, penulis akan mengkaji beberapa buku dan tulisan kertas kerja atau tesis yang sedikit ada hubung kaitnya dengan kajian tersebut yakni:

Pertama, Haji Ismail bin Tahir, dalam bukunya: “*Lintasan Sejarah Batu Baro*,” Kuala Lumpur, Malaysia, 1956 -1997. Beliau membahas tentang kajian secara mitos ini, memaparkan asal usul Melayu Batubara dengan kisah-kisah dongeng, asal usul dan penempatan pertama masyarakat Melayu Batubara bermula.

Kedua, Suhaimi Muhammad Shaleh, disertasi sarjana Usuluddin, University Malaya.2005 yang bertajuk: “ *Pengaruh Islam Terhadap Kerajaan Melayu Deli: Suatu Kajian Di Medan, Indonesia*.” Kajian-kajian yang memaparkan tentang kehebatan Islam di kerajaan Melayu Deli di Medan. Menggambarkan bahawa zaman kegemilangan kerajaan Melayu bersinarnya dakwah Islam dan Tamadunya.

Ketiga, Ajidar Matsyah, disertasi sarjana Usuluddin,Universiti Malaya,2004 yang berjudul: “*Sejarah Kerajaan Islam Di Aceh: Kajian Faktor Perkembangan dan Kemosotan*”. Kajian secara deskriptif ini, memaparkan faktor-faktor perkembangan dan kemosotan kerajaan-kerajaan yang wujud di

daerah Aceh. Dua kerajaan yang dikaji dalam tesis ini, adalah kerajaan sebelum Aceh Darussalam dan kerajaan Aceh Darussalam dengan menganalisa faktor-faktor perkembangan dan kemerosotan.

Keempat, Arifin Omar (1999), Revolusi Indonesia dan Bangsa Melayu: Runtuhnya Kerajaan Melayu Sumatera Timur pada tahun 1946, Pulau Pinang:USM.

Kelima, Tengku Lukman Sinar Basyarsya SH (1991), Sejarah Medan, Sumatera Timur Tempo Doeloe, Perwira Medan.

Keenam, Lukman Sinar II, Tuanku (1986), Sari Sejarah Serdang 2, Medan: Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan.

Keempat, H. Rusdy Cosim, dalam makalahnya yang berjudul: “*Sejarah Kerajaan Palembang dan Perkembangan Hukum Islam*”. Tulisan ini membicarakan sejarah masuk dan berkembangnya agama Islam di Kerajaan Palembang yang dibawa langsung oleh orang Arab Muslim, terutama akibat percanggahan antara puak Bani Umaiyah dan puak Bani Abasiyah dengan puak Alawiyin. Selain itu, ada juga ulama-ulama daripada Iran dan India, tetapi tidak dapat mengatasi pengaruh Arab, baik daripada segi jumlah mahupun kualitinya.

Melihat kajian di atas, penulis dapati tidak ada yang langsung membahas tentang kerajaan Islam Melayu Batubara tetapi hanya ada pengkaji yang mengkaji tentang kerajaan Islam Melayu Deli. Akhirnya penulis

mempunyai inisiatif untuk mengkaji dalam disertasi ini dengan tajuk “ Islam Dan Pengaruhnya Terhadap Kerajaan Melayu Batubara Sumatera Utara”, dari Mula Berdiri, terutama tahun 1900 hingga Tahun 1945

10. Metodologi Kajian

Metodologi penyelidikan bermaksud ilmu tentang tatacara mengadakan penelitian.⁴⁸ Metodologi memainkan peranan yang penting, kerana ianya merupakan cara untuk memahami sasaran penelitian.⁴⁹ Sesuatu penelitian akan tinggi mutunya apabila metode-metode yang digunakan tepat sesuai dengan objek penelitian.

Kajian ini tidak bermaksud untuk menguji suatu hipotesis mahupun teori tertentu, melainkan ianya merupakan suatu usaha penelusuran ke arah menemukan pemahaman baharu mengenai fenomena yang dikaji. Cara kerja dalam penelitian ini bersifat *subjektif* ke *objektif* dan *induktif* ke *deduktif*.⁵⁰

Dalam penyelidikan ini, peneliti sebagai *instrumen* utama, bergerak daripada perkara-perkara yang khusus, daripada satu tahap ke tahap berikutnya, sehingga pada akhirnya dapatlah ditemukan kesimpulan-kesimpulan. Dengan sikap demikian, maka pendekatan dalam penelitian ini adalah pendekatan *kualitatif naturalistik*.

⁴⁸ Imam Barnabib (1982), **Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan**. Jogjakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, h. 51.

⁴⁹ Koentjaraningrat (1977), **Metode-Metode Penelitian Masyarakat**. Jakarta: Gramedia, h. 16.

⁵⁰ Lecomte & Goetz (1984), **Ethnography and Qualitative Design in Education Research**. London: Academic Press Inc, h. 4.

Mengikut Bogdan, pendekatan *kualitatif naturalistik* merupakan pendekatan penelitian yang menghasilkan data *deskriptif*.⁵¹ Penelitian *kualitatif* lebih berupa kata-kata berbanding angka-angka. Untuk mempermudah dalam melakukan kajian ini, penulis telah membuat beberapa metode digunakan dalam menyiapkan kajian ini, di antaranya adalah:

1. Metode Pengumpulan Data
2. Metode Penganalisaan Data

10.1. Metode Pengumpulan Data

Dalam pengumpulan data, penulis menggunakan beberapa metode dalam melakukan penyelidikan yang ada hubungkaitnya dengan kajian ini, agar data itu mudah terkumpul. Metode itu adalah:

10.1.1. Metode Penyelidikan Perpustakaan

Kajian ini digunakan untuk mencari bahan-bahan atau data yang berkaitan dengan manuskrip, buku-buku sejarah atau buku-buku, kertas kerja, jurnal, akbar atau lainya yang ada hubungkaitnya dengan kajian ini. Metode ini dipakai oleh penulis untuk melengkapi data yang berkaitan dengan landasan teori juga untuk melengkapi data pada bab-bab lainnya. Oleh sebab itu, penulis melakukan penyelidikan di beberapa perpustakaan iaitu:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Universiti Sumatera Utara.

⁵¹ Bogdan & Taylor (1975), **Introduction to Qualitative Research in Education: A Phenomenological approach to social science**. New York: John Wiley, h. 5.

3. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
4. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa
5. Perpustakaan Institut Agama Islam Medan.

10.1.2. Metode Penyelidikan Lapangan

Metode ini digunakan oleh penulis untuk melakukan penyelidikan lapangan yang berkaitan dengan bekas kerajaan Melayu Batubara baik berupa bangunan Istana, keturunan raja-raja Melayu Batubara yang masih hidup. Dalam hal ini, penulis melakukan penyelidikan ini untuk melengkapi data pada bab empat. Oleh kerana itu, penulis menggunakan beberapa metode dalam melakukan penyelidikan lapangan, yakni:

a) Metode Historis

Metode historis bermaksud studi tentang masa lalu dengan menggunakan kerangka atau rancangan paparan dan penjelasan.⁵² Sehubungan dengan itu, penulis mengkaji dengan kritis terhadap keadaan-keadaan, perkembangan serta pengalaman dimasa lampau dan menimbang secara cukup teliti dan hati-hati tentang bukti *validitas* tentang sumber sejarah serta *interpretasi* dari sumber-sumber keterangan tersebut, yang berkaitan dengan sejarah kedatangan Islam di Nusantara, Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Kerajaan Islam di Nusantara khususnya di Sumatera juga tentang sejarah

⁵² Jalaluddin Rahmat (1985), **Metode Penelitian Komunikasi**. Bandung: Remadja Karya, h. 31.

tentang penubuhan dan perkembangan kerajaan Melayu Batubara. Metode ini dipakai oleh penulis untuk melengkapi data-data pada bab dua, tiga dan empat

b) Metode Temu Bual

Menurut pendapat Nasution bahawa temu bual terkandung maksud untuk mengetahui apa yang ada dalam fikiran responden.⁵³ Selain itu pula, tujuan mengadakan temu bual ialah untuk mengkonstruksi mengenai orang, kejadian, organisasi, perasaan, motivasi, tuntutan dan kepedulian.⁵⁴ Itulah sebabnya salah satu cara yang di tempuh oleh penulis ialah temubual secara mendalam terhadap objek penelitian dengan tetap berpegang teguh kepada arah, sasaran dan fokus penelitian kajian, iaitu pengaruh Islam terhadap kerajaan Melayu Batubara.

Oleh sebab itu, Temubual akan dijalankan dengan orang-orang yang masih ada hubungan keturunan kerajaan Melayu Batubara, seperti karabat diraja Lima Laras Batubara Datuk Azman Syah (abang, sebagai pewaris takhta kerajaan) dan Datuk Muhmamad Imin Syah (adik, sebagai pemegang/penjaga bahan-bahan peninggalan istana). Juga saksi hidup, seperti Nek Ingah, Nek Hj Halimah, Tuan Imam Usman dan Tuk Abdul. Serta Pakar Sejarah Prof Tengku Lukman Sinar SH dan Yohanan Bahar. Metode temu bual ini dipakai oleh penulis untuk melengkapi data pada bab empat tentang sejarah kerajaan Melayu Batubara dan pengaruhnya terhadap perkembangan Islam di Sumatera Utara.

⁵³ Nasution (1985), **Penelitian Kualitatif Naturalistik**. Bandung: Jemmars, h. 73.

⁵⁴ Yvonna S. Lincoln & Egon G. Guba (1985), **Naturalistic Inquiry**. Beverly Hills: Sage Publications, h. 266.

c) Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi adalah metode mencari data mengenai perkara-perkara atau variabel yang berupa catitan, transkrip, buletin dan lain-lain.⁵⁵ Metode ini diguna pakai oleh penulis untuk memperolehi data yang bersifat dokumenter yang terdapat pada Kabupaten Batubara.

Data yang bersifat dokumenter yang terdapat di Kabupaten Batubara, Sumatera Utara berupa sejarah penubuhan kerajaan Melayu Batubara, wilayah dan sistem pemerintahan dan sebagainya. Dalam hal ini, penulis memakai metode ini untuk melengkapi data pada bab empat yang berkaitan dengan sejarah penubuhan kerajaan Melayu Batubara dan peranannya dalam perkembangan Islam di Sumatera Utara.

10.2. Metode Penganalisaan Data

Bahagian kedua dalam metodologi kajian ini adalah bahagian penganalisaan data. Semua bahan yang didapati daripada sumber tersebut di atas akan dibuat penganalisaan, penafsiran, perbandingan, penilaian dan kemudian penulis akan mengklasifikasikan data tersebut. Hal ini selaras dengan tujuan memenuhi keperluan menjawab tiga objektif kajian yang telah ditetapkan diawal penulisan. Setelah dianalisis, ditafsir, dibanding dan dinilai, penulis akan membuat suatu sintesis melalui empat pendekatan yang dipilih, iaitu:

⁵⁵ Suharsimi Arikunto (1985), **Prosedur Penelitian**. Jakarta: Bina Aksara, h. 132.

10.2.1. Metode Deskriptif

Kamus dalam mendefinisikan deskriptif adalah bersifat menggambarkan apa adanya.⁵⁶ Mengikut Whitney, bahawa deskriptif adalah pencarian fakta dengan interpretasi yang tepat.⁵⁷ Secara harfiahnya, deskriptif adalah metode penelitian untuk membuat gambaran mengenai situasi atau kejadian, sehingga metode ini berkehendak mengadakan pengumpulan data asas sahaja.⁵⁸

Dalam proses sintesis penulis, pendekatan deskriptif akan digunakan dengan ketara dalam bab ketiga, yakni membahas tentang penubuhan dan perkembangan kerajaan Islam di Nusantara khususnya di Sumatera

10.2.2. Metode Induktif

Metode induktif adalah cara menganalisa data melalui pola pikir yang mencari pembuktiannya daripada perkara-perkara yang bersifat khusus menuju kepada kesimpulan yang umum.⁵⁹ Metode ini telah digunakan oleh penulis untuk menganalisa data-data yang telah terkumpul sehingga data itu benar-benar *valid* dan boleh diambil kesimpulan untuk menjelaskan suatu permasalahan yang bersifat umum dengan data yang bersifat khusus. Dalam hal ini, penulis menggunakan metode ini untuk menganalisa data yang berkaitan dengan semua bab.

⁵⁶ Bambang Marhiyanto (t.t.), *op. cit.*, h. 153.

⁵⁷ Moh Nazir (1999), *op. cit.*, h. 63.

⁵⁸ *Ibid.*, h. 64.

⁵⁹ Peter A. Angeles (1981), *A Dictionary of philosophy*. London: Harepr and Row Publishers, h. 132.

10.2.3. Metode Deduktif

Metode deduktif adalah suatu cara menganalisa suatu data dengan berpijak pada dalil umum memberi penggambaran data yang bersifat khusus.⁶⁰ Oleh sebab itu, penulis menganalisa semua data-data yang sifatnya umum untuk menghasilkan suatu kesimpulan yang bersifat khusus, maka penulis telah menggunakan metode ini untuk menganalisa data yang berkaitan dengan bab dua, tiga dan empat, bahkan boleh juga digunakan untuk membuat kesimpulan pada bab lima.

10.2.4. Metode Komparatif

Metode Komparatif adalah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data-data dan fakta-fakta yang diperoleh dalam masa penelitian dijalankan. Penulis menggunakan metode ini, untuk membuat perbandingan tentang data-data yang menyangkut dengan teori dan metode kedatangan Islam di Nusantara khususnya di Sumatera, sejarah penubuhan kerajaan-kerajaan Islam di Sumatera dan juga sejarah penubuhan dan perkembangan kerajaan Melayu Batubara dalam mempertahankan agama Islam daripada pengaruh missionaris kristian yang dibawa oleh penjajah Belanda.

11. Sistematika Penulisan

Dalam penulisan disertasi ini terdiri daripada lima bab. Pada bahagian bab pertama merupakan pendahuluan. Bab pertama mengandungi beberapa sub pokok

⁶⁰ *Ibid.* h. 55.

perbahasan, iaitu: Latarbelakang masalah kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, pengertian tajuk, kajian-kajian lepas, masalah kajian, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Pada bab kedua akan membincangkan landasan teori tentang teori kedatangan Islam di Nusantara, Faktor-Faktor Penyebaran Islam, agama Islam merupakan fitrah manusia serta agama Islam dan pengaruhnya dalam kehidupan, baik mengenai pengaruhnya terhadap individu, masyarakat mahupun negara.

Pada bab tiga, penulis menjelaskan tentang kerajaan Islam di Sumatera dengan bermula daripada kerajaan Perlak, kerajaan Samudera Pasai, kerajaan Aceh Darussalam, kerajaan Siak.

Pada bab keempat, penulis memaparkan tentang sejarah kerajaan Melayu Batubara yang mengandungi latarbelakang diasaskannya kerajaan Melayu Batubara, wilayah sistem pemerintahannya serta perkembangan kerajaan Melayu Batubara, pengaruh Islam terhadap kerajaan Melayu Batubara dan peranan kerajaan Melayu Batubara dalam menyebarkan Islam di Sumatera Utara.

Dan sebagai bab terakhir, iaitu bab lima merupakan kesimpulan. Dalam bab ini, mengandungi kesimpulan kajian, saranan-saranan terhadap masyarakat Melayu Batubara dan penutup.

BAB II

LANDASAN TEORI PERKEMBANGAN ISLAM DI BATUBARA

2.0. Perkembangan Islam Di Nusantara

2.1. Pengenalan

Islam datang ke Nusantara Alam Melayu membawa perubahan pada susunan kehidupan masyarakat hingga sekarang baik dalam kehidupan bermasyarakat, ekonomi, berbudaya, berpolitik dan sebagainya. Pada peringkat awal masyarakat di Alam Melayu (Nusantara) menerima Islam itu bermula kurun abad ke tujuh Masihi. Tetapi menurut ahli sejarah, Islam masuk ke Sumatera Timur bermula pada abad ke 13 - ke 14 Masihi.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu (Nusantara) pelbagai teori yang dihasilkan oleh para ahli sejarah dan pandangan atau pendapat mereka berdasarkan hasil kajian dan bukti sejarah yang berbeza-beza. Kemudian, Islamisasi masyarakat Alam Melayu (Nusantara) juga pelbagai faktor yang dilakukan oleh para pendakwah atau pedagang Islam itu. Ajaran Islam yang dibawa oleh para pendakwah itu adalah salah satu perbahasan dalam kajian ini untuk melengkapi data dalam perbahasan teori landasan ini.

2.2. Teori Kedatangan Islam

Sejarah Arab ada menunjukkan bahawa saudagar-saudagar Arab yang datang ke Alam Melayu itu melalui pelbagai jalan sama ada jalan laut, bermula dari pantai Jeddah menerusi laut Merah terus ke Aden, Selatan Semenanjung Arab kemudian ke Gujerat (India) seterusnya ke gugusan Alam Melayu. Ada yang mengikuti jalan darat yakni, bermula dari Syria atau Iraq ke Khurasan, utara Parsi ke Afganistan kemudian ke negeri China dan menerusi gugusan kepulauan Alam Melayu.

Berdasarkan data di atas, para ahli sejarah membahagi teori kedatangan Islam ke Alam Melayu ini menjadi tiga teori yakni: pertama, Islam datang dan dibawa dari Tanah Arab. Kedua, Islam datang dan dibawa dari benua kecil (India) dan ketiga, Islam datang dan dibawa dari China dan Champa.

2.2.1. Islam Datang Dan Dibawa Dari Tanah Arab

Hubungan perdagangan antara orang Arab Selatan dan masyarakat Alam Melayu sudah terjalin semenjak sebelum kelahiran Islam lagi. Kedua-dua pihak telah menjalin perniagaan dan barangan yang diperniagakan pada ketika itu ialah seperti bau-bauan, kayu gaharu, kulit binatang, emas, perak, intan permata dan rempah antara barangan yang dibawa dari kepulauan Nusantara.⁶¹

⁶¹ Mahayudin Haji Yahaya (1998), **Islam Di Alam Melayu**, c.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 4.

Pada tahun 610M, Nabi Muhammad s.a.w. diangkat menjadi Rasul, maka Islam mula bersinar dari Mekah. Berita kedatangan Islam itu tersebar ke seluruh semenanjung tanah Arab dengan melalui perniagaan. Pada tahun 630M, dikenal dengan tahun perutusan, yakni kabilah-kabilah Arab telah menghantar mereka ke Yasrib dan penduduk Yasrib menyatakan taat setia kepada Rasul. Sesudah itu, Rasulullah s.a.w. mengutus pula para sahabat termasuk Muaz bin Jabal ke selatan semenanjung tanah Arab (Yaman) untuk menagajar al-Quaran dan hukum-hakam Islam dadapun masyarakat Yaman telah menerima Islam sepenuhnya dan mempelajari nya dengan baik. Ajaran pokok dalam Islam adalah beriman kepada Allah SWT. dan Muhammad s.a.w. sebagai Rasul.⁶²

Pada abad pertama dalam Islam (abad ke 7 M), orang-orang Arab telah datang ke Sumatera, dan pada tahun 684 M, mereka telah membuat perkampungan di bahagian barat pulau Sumatera. Pada masa Khalifah Muawiyah bin Abi Sufyan (661-680M) telah mengirim surat kepada Lokitavarman Raja Srivijaya dengan tujuan mengajak beliau supaya bersedia memeluk agama Islam dan juga menjalin hubungan kerjasama dalam perniagaan. Hubungan perniagaan itu diteruskan oleh Khalifah Sulaiman bin Ab. Malik (715-717M) dengan mengirimkan armada laut yang terdiri dari 35 buah kapal ke Muara Sabak di Jambi, kemudian meneruskan ke Ceylon menuju Srivijaya (Palembang). Mereka singgah beberapa bulan di sana kemudian menyambung perjalanan ke China.⁶³

Pada masa Khalifah Umar bin Abdul Aziz (717-720M), misi dakwah Islamiyah ke Nusantara Alam Melayu telah mengalami perkembangan yang

⁶² *Ibid.*, h. 5.

⁶³ Haji Abdullah Ishak (1991), **Islam di India, Nusantara Dan China**, c.1, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 101-102.

memberangsangkan dan kemajuan yang mula menampakkan hasil yakni raja Srindravarman kerajaan Srivijaya telah memeluk Islam sekitar tahun 718M oleh demikian setelah menerima Islam, kerajaan Srivijaya lebih dikenali dengan Srivijaya Islam. Kemudian, pada abad ke 8M dan ke 9M, pengembara-pengembara daripada saudagar-saudagar Arab, Parsi, India banyak tertumpu ke gugusan kepulauan Nusantara Alam Melayu terutama pada masa kegemilangan kerajaan Srivijaya.⁶⁴

Pada tahun 800M, rombongan dari Tanah Arab seramai 100 orang singgah ke Perlak dan pada masa itu Perlak diperintah oleh Meurah Shahr Nuwi dari keturunan Parsi. Ali bin Muhammad ibnu Jaafar salah seorang rombongan dikahwinkan dengan puteri Makhdum Tanshuri adik perempuan raja Perlak. Hasil perkahwinan itu melahirkan seorang putera yang bernama Syed Abdul Aziz dan kelak dikemudian hari, pada tahun 840M beliau dilantik menjadi Sultan Perlak dengan gelaran Sultan Ala al-Din Syed Maulana Abdul Aziz Shah.⁶⁵

Kemudian berdasarkan Hikayat Raja-Raja Pasai dan Sejarah Melayu terdapat huraian yang jelas menunjukkan peranan yang dimainkan oleh orang-orang Arab dalam mengislamkan orang-orang Melayu. Kisah pengasas kerajaan Pasai iaitu Merah Silu bermimpi bertemu dengan Rasulullah, diislamkan dan dikenali dengan Sultan Malikul Saleh. Turut dikisahkan, bahawa Syeikh Ismail tiba di Pasai telah dihantar oleh pemerintah Mekah bagi menyebarkan agama Islam kepada penduduk Pasai. Dalam sejarah Melayu, Sultan Muhammad Shah Melaka bermimpi dengan Rasulullah dan mengajarnya syahadah. Dalam

⁶⁴ *Ibid.*, h. 102.

⁶⁵ *Ibid.*, h. 103

mimpinya, baginda diminta untuk menjemput keesokan harinya di pelabuhan seorang pendakwah Islam yang datang daripada Jeddah bernama Sayyid Abdul Aziz.⁶⁶

Selanjutnya, bukti bahawa Islam langsung dibawa dari Tanah arab adalah Syeikh Abdullah bin Syeikh Ahmad al-Qaumiri al-Yamani seorang ulama yang datang dari Yaman dan mengislamkan Raja Kedah yang bernama Maharaja Derbar Raja II itu. Setelah baginda masuk Islam ditukar namanya dengan Sultan Muzaffar Shah. Bukti selanjutnya, penemuan batu nisan yang bertuliskan tulisan Arab bertarikh 419H/ 1028M di Teluk Cik Munah, Pekan Pahang. Ini menunjukkan bahawa Islam telah tersebar di Tanah Melayu sekitar Abad ke 11M.

Penemuan batu nisan Syeikh Abdul Kadir Ibn Husayn Shah Alirah bertarikh 290H/902M di Tanjung Ingeris, Alor Setar, ini juga suatu bukti bahawa Islam sudah tersebar di Tanah Melayu sekitar Abad ke 10M. penemuan wang dinar Kelantan bertarikh 557H/1181 M pula menunjukkan bahawa Islam telah diamalkan dan berpengaruh di negeri tersebut menjelang abad ke 12M.⁶⁷

2.2.2. Islam Datang Dan Dibawa Dari Benua Kecil (India)

Teori kedua adalah Islam datang daripada Benua Kecil yakni India, ini berdasarkan hasil kajian para ahli sejarah orientalis Barat dan kebanyakan berasal daripada Belanda. Azyumardi Azra seorang professor dalam bidang sejarah dan

⁶⁶ Muhammad Redzuan Othman (2005), **Islam Dan Masyarakat Melayu Peranan Dan Pengaruh Timur Tengah**, c.1, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 8.

⁶⁷ *Ibid.*, h. 9. Lihat: Haji Abdullah Ishak (1991), *op. cit.*, h.103 .

dalam bukunya “*Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*” mengambil beberapa pendapat ahli sejarah Barat yakni:⁶⁸

Pertama, Pijnappel berpendapat bahwa mengaitkan asal mula Islam di Nusantara dengan wilayah Gujarat dan Malabar. Menurut dia bahwa orang-orang Arab yang berpindah dan menetap di wilayah India tersebut kemudian membawa Islam ke Nusantara.

Kedua, Snouck Hurgronje mengembangkan teori Pijnappel dengan menambahkan hujahnya bahwa Islam telah berpijak kukuh di beberapa pelabuhan Anak Benua India. Banyak Muslim yang menetap di sana sebagai peniaga dan perantara perniagaan dari Timur Tengah dengan Nusantara Alam Melayu. Mereka datang ke Alam Melayu ini sebagai pendakwah pertama. Setelah itu mereka disusuli oleh para pendakwah yang mengaku sebagai keturunan Rasulullah dengan memakai gelaran *Sharif* atau *Sayyid*. Tetapi ia menyebutkan abad ke 12 sebagai awal penyebaran Islam di Nusantara.⁶⁹

Ketiga, Moquette, seorang ahli sejarah dari Belanda juga memberi kesimpulan bahwa tempat asal Islam di Nusantara adalah Gujerat. Ia berkesimpulan dengan mengemukakan bukti sejarah yang ia temukan berupa batu nisan di Pasai, kawasan utara Sumatera, khususnya yang bertarikh 17 Dzu al-

⁶⁸ Azyumardi Azra (Prof. Dr.) (2004), **Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII Akar Pembaharuan Islam Indonesia**, c.1, Jakarta: Kencana Prenada Media Group, h. 2-3.

⁶⁹ Snouck Hurgronje tidak membuktikan tentang daerah asal mana kedatangan Islam dari Benua Kecil India itu. Dia hanya menyebutkan dari India selatan. Jadi berdasarkan hasil temuan Azyumardi Azra itu, dalam bukunya, **Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII Akar Pembaharuan Islam Indonesia**, c.1, Jakarta: Kencana Prenada Media Group, Ibid, h.5. penulis menambahkan pendapat Snouck itu masih sangat lemah untuk dijadikan sebagai hujah tentang teori kedatangan Islam itu kerana dia tidak memberikan bukti sejarah yang kuat baik berupa batu nisan atau bentuk-bentuk lainnya.

Hijjah 831H/ 27 September 1428M. batu nisan yang ditemukan di Pasai itu ada kesamaan dengan batu nisan yang ditemukan di makam Maulana Malik Ibrahim (w. 822H/ 1429M) di Gresik Jawa Timur. Itu serupa dengan batu nisan di Cambay, Gujarat. Berdasarkan batu nisan itu, Moquette berkesimpulan bahawa Islam yang dianut oleh orang-orang Nusantara Alam Melayu ini telah datang dari Gujarat.⁷⁰

2.2.3. Islam Datang Dan Dibawa Dari China Dan Champa

Orang-orang Arab menjalin hubungan perdagangan atau perniagaan dengan China semenjak kedatangan Islam lagi. Mereka melakukan penukaran barang dagangan seperti bau-bauan, batu-batu berharga dan mutiara itu daripada Arab. Sedangkan barang dagangan yang daripada China seperti sutera, kain-kain dan tembikar. Jadi hubungan perdagangan itu berlanjut tatkala orang-orang Arab telah menganut agama Islam dan mereka datang ke China pada zaman pemerintahan Raja Tai Tsuing dari Dinasti Pang (627-650M).

Pendakwah Islam yang pertama pada masa Rasulullah s.a.w. yang diutus adalah Wahab bin Abi Kabsyah dan beliau setelah sampai ke Canton meninggal dunia dan dikubur di sana. Pada masa Khalifah Usman bin Affan mengutus sahabat untuk berdakwah iaitu Saad bin Abi Waqqas, beliau dikatakan meletakan

⁷⁰ Pendapat para orientalis itu menurut para ahli sejarah Melayu seperti Haji Abdullah Ishak sangat lemah kerana pembuktian diambil oleh Para Orientalis itu sangat tidak bersesuaian dengan bukti-bukti dan tarikh kedatangan Islam di Nusantara. Lihat: Haji Abdullah Ishak (1991), *op. cit.*, h. 105-106.

batu Masjid pertama yang dibangun di Canton dengan nama masjid Wai-Shin-zi (Kenangan Nabi).⁷¹

Setelah orang-orang Arab banyak yang menetap dan bermukim menjadi warga Negara China. Maka mereka saling mempengaruhi antara budaya dan bahasa. Kerana orang-orang Arab sangat gigih dalam berniaga sehingga mereka mampu bersaing dengan penduduk tempatan dan terjadi ketidak senangan penduduk tempatan. Maka pada tahun 878 M, pada zaman pemerintahan His Tsung terjadi timbulnya pemberontakan di Canton menyebabkan seramai 10.000 orang asing yang terbunuh terutama orang Arab-Islam.

Akhirnya, orang-orang Arab ramai melarikan diri ke Palembang. Pada masa akhir pemerintahan Dinasti T'ang (618-905M) terjadi pemberontakan yang kedua kalinya yang mengakibatkan seramai 5000 orang Arab terbunuh di wilayah Yang Chow. Akibat peristiwa itu, orang-orang Arab mencari tempat dan mengungsi ke wilayah Nusantara.⁷²

Orang-orang Arab ke Nusantara itu bukan hanya mencari tempat yang aman tetapi mereka memperkenalkan dan menyebarkan agama Islam ke rantau ini. Berdasarkan pandangan itu, sebahagian ahli sejarah berpendapat bahawa Islam datang daripada China. Untuk menguatkan pandangan itu, mereka menjadikan beberapa batu nisan yang terdapat di Nusantara. Batu nisan itu adalah makam seorang wali Allah keturunan Arab, bertarikh 419 H/ 1028M yang

⁷¹ *Ibid.*, h.107-8.

⁷² *Ibid.*, h. 109.

terdapat di Pekan Pahang. Selain itu, batu bersurat yang ditemukan di Kuala Terengganu, bertarikh 702 H/ 1303 M. selain dari China.⁷³

Ada teori yang mengatakan bahawa Islam yang datang ke Nusantara Alam Melayu ini datang daripada Champa atau Kembodia. Menurut R.A. Kern, orang-orang Islam di Nusantara berasal dari Indochina, dalam kurun abad 7 M. ia mengatakan bahawa orang-orang Melayu sudah melakukan hubungan dengan penduduk-penduduk Champa dan Kembodia. Perhubungan itu dilakukan dengan melakukan perkahwinan antara keluarga diraja. Islam telah berkembang di Champa sejak tahun 960M yakni wilayah Phanrang semasa pemerintahan Dinasti Sung. Jadi kalau melihat bukti itu, ada kemungkinan Islam di Nusantara ini dibawa daripada Champa.⁷⁴

Bukti sejarah yang membuktikan bahawa Islam datang daripada Champa itu adalah sebuah batu nisan yang bertulisan Khat Kufi bertarikh 1039M dan sebuah Monument “Tugu” bertarikh 1025 M dan 1035 M. Jadi melihat batu nisan di Champa itu banyak persamaan dengan batu nisan yang ditemukan di Nusantara.⁷⁵

⁷³ *Ibid.*, h. 132.

⁷⁴ *Op.cit.*, h. 114.

⁷⁵ *Ibid.*, h. 114.

2.3. Faktor-Faktor Penyebaran Dan Perkembangan Islam

2.3.1. Faktor Perdagangan

Para pedagang Arab Islam banyak yang tinggal dipesisir pulau Sumatera, sebagai tempat bertapak sementara bagi berdagang dan berdakwah untuk menyebarkan agama Islam. Mengikut Datuk Azman Syah⁷⁶ mengatakan bahawa para ulama Arab ini selain berdagang, mereka juga berdakwah terhadap masyarakat tempatan. Hal ini termotivasi daripada ajaran Islam itu sendiri. Dalam al-Quran iaitu:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Surah al- 'Imran (3):104

Maksudnya:

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

Atas motivasi ayat tersebut di atas, mengikut Datuk Azman Syah, sehingga para pedagang Arab mempunyai keinginan yang kuat untuk menyebarkan agama Islam pada masyarakat Batubara. Atas jasa ulama pedagang Arab, maka Islam dapat berkembang dengan baik sehinggalah ke hari ini.

⁷⁶.Hasil temubual dengan Datuk Azman Syah, Kisaran, pada 26 Julai 2008. Beliau adalah merupakan pewaris takhta, keturunan Diraja Datuk Muhammad Yoeda, Raja ke-11 kerajaan Melayu Batubara. nama lengkapnya adalah Datuk Azman Syah ibni al-Marhum Datuk Abdul Ghani ibni al-Marhum Datuk Muhammad Yoeda.

Melalui cara inilah dengan berdagang dan berdakwah, sedikit demi sedikit mempengaruhi masyarakat tempatan untuk menyebarkan agama Islam. Selain itu pula, para pedagang Arab ini juga melakukan hubungan perdagangan dengan para penguasa dan pegawai-pegawai kerajaan. Dengan hubungan tersebut dapat menambah lebih erat diantara mereka, sehingga para penguasa dan pegawai-pegawai itu, akhirnya mempelajari Islam. Dalam perkembangan selanjutnya, para penguasa dan pegawai-pegawai kerajaan mengambil alih perdagangan dan penyebaran agama Islam.

Pantai timur Sumatera merupakan salah satu daerah yang paling penting dalam proses penyebaran dan pengembangan agama Islam di Nusantara ini. Menerusi pantai timur Sumatera, para pedagang Arab datang ke Sumatera. Di daerah ini telah wujud penempatan para pedagang Arab.⁷⁷ Pada masa itu, terdapat dua buah pelabuhan besar di Sumatera Timur yang menjadi tumpuan para pedagang antarabangsa, iaitu pelabuhan Barus dan pelabuhan Haru. Barus merupakan pelabuhan penting yang terkenal di seluruh dunia, sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Pelabuhan ini ramai dikunjungi oleh pedagang terutamanya para pedagang Arab.⁷⁸ Hal ini menunjukkan, bahawa Sumatera merupakan tempat dan tumpuan para pedagang serta merupakan daerah yang penting dalam hubungan antarabangsa.

Disebabkan keadaannya yang menjadi tumpuan perdagangan antarabangsa, terutamanya pedagang Arab yang beragama Islam, maka tidak

⁷⁷ Thomas Arnold (1968), **The Preaching of Islam**. Jakarta: Penerbit Wijaya, h. 318.

⁷⁸ Edis Ekadjati (1975), **Penyebar Agama Islam di Pulau Sumatera**. Jakarta: P.T. Sanggabuwana, h. 10.

hairanlah jika agama Islam paling awal sekali bertapak di rantau ini. Bermula di Aceh sehingga akhirnya tersebar luas diseluruh pelosok Nusantara, khususnya pada masyarakat Batubara. Cara Islamisasi melaui perdagangan ini sangat menguntungkan, kerana para raja dan bangsawan turut serta dalam kegiatan perdagangan. Seperti contoh raja Batubara, iaitu Datuk Muhammad Yoeda yang berdagang sampai ke Malaysia, Pattani dan Singapura. Beliau ini merupakan seorang raja yang berjaya menjalankan perniagaan sehingga dapat membangun *Istana Lima Lara*⁷⁹ pada kerajaan Melayu Batubara.⁸⁰

Menurut Nek Hj.Halimah, mengatakan bahawa Tuan Syeikh Muhammad Zain Nuruddin dikenali sebagai ulama agung Batubara telah pergi ke Makah berserta semua keluarga dan kaum kerabatnya dengan jumlah wang yang besar, kemudian beliau tinggal di Mekah bertahun-tahun lamanya menuntut ilmu, ini adalah hasil perniagaan keluarga beliau sendiri iaitu ayah mentuanya H. Muhammad Taib Adis seorang usahawan mempunyai Kapal besar mengangkut barang-barang dari Pulau Jawa kemudian membawa nya ke Semenanjung Tanah Melayu dan mempunyai beberapa skudai (ialah kereta kuda sebagai alat pengangkutan darat ketika itu).⁸¹

Adapun barang-barang dari Batubara diantaranya kuda, rotan, ikan masin, kain bertabur, dan songket adapun barang-barang *import* adalah candu, benang emas, garam, kain pelbagai ragam.⁸² Penduduk Batubara merupakan pemilik (empunya) kapal dan pekerja kapal-kapal yang mengangkut barang-barang dari

⁷⁹ Lihat, gambar Istana Lima Laras dibahagian Lampiran penulisan tesis ini.

⁸⁰ Ismail bin Tahir (t.t), 1956 -1997, *op.cit*, h.19

⁸¹ Temu bual Nek Hj. Halimah, Pesisir Dahari, Kec.Talawi, pada 17 April 2007.

⁸² *Op.cit*, h.7.

negeri-negeri Melayu di pantai Sumatera Timur ke Penang dan Melaka. Kebanyakan penduduknya (dikala itu) kaya raya dan mempunyai kapal-kapal besar. Hamba-hamba orang Batak dari pendalaman diangkut dalam jumlah yang besar. Ada 600 buah kapal besar yang dimiliki oleh orang-orang tempatan Batubara⁸³ bagi kegunaan dalam urusa-urusan perniagaan.

Pada setiap rumah di Batubara ditemui industri pembuatan tenun dikenali dengan *songket Batubara* dan *dieksport* ke negeri – negeri Melayu di Sumatera dan Malaya bahkan sampai ke Eropah melalui negeri Belanda. Batubara adalah ‘*free-port*’, pelabuhan bebas dan mata-wang pelbagai negara dapat digunakan di sini.⁸⁴

Semasa zaman keemasan Kerajaan Batubara terdapat pelabuhan antarabangsa yang disinggahi oleh kapal-kapal asing yang melalui Selat Malaka, pelabuhan yang maju ketika itu terdapat diwilayah Syahbandar iaitu diwilayah Bogak, namun sekarang wilayah itu sudah musnah dan menjadi lautan, lokasinya antara muara dua sungai (Sungai Titi Besi Lima Laras dan sungai Pengkalan, sekarang dikenali dengan nama Bom) di Tanjung Tiram hingga ke Pantai Bunga.

Sebagai tanda kemajuannya dizaman silam, telah ditemui beberapa meriam dan bangkai kapal yang berharga berusia ratusan tahun sebagai bukti sejarah. Meriam ini sengaja didatangkan untuk tujuan keamanan dari lanun-lanun dan perompak kerana disinilah sebagai *stor* wang dan harta benda. Disebelahnya

⁸³ Tengku Luckman Sinar (1985), **Seminar Sejarah Melayu Sumatera, USU Medan**, h. 27

⁸⁴ Edis Ekadjati (1975), *op. cit.*, h. 5.

terdapat pusat perekonomian Batubara yang dipimpin langsung oleh Laksamana Datuk Sembilan iaitu abang Raja Datuk Muhammad Yoeda yang dinamakan Bandarkota (*Bandarkoto*) iaitu sekarang dikenali sebagai Bagan Luar, dan ada beberapa lagi Pelabuhan lain seperti Pelabuhan Teluk Piai, muara sungai Gambus Laut dan Kuala Tanjung⁸⁵.

2.3.2. Faktor Perkahwinan

Dalam penyebaran agama Islam bahawa factor perkahwinan juga adalah memainkan peranan yang penting, kerana dengan perkahwinan ini dapat mempermudah usaha-usaha dakwah dijalankan. Adakalanya para pedagang muslim dapat mengahwini wanita-wanita tempatan, lebih menarik lagi para mubaligh muslim dapat mengahwini puteri-puteri dikalangan istana, oleh demikian penyebaran Islam lebih mudah dan cepat dilakukan. Jika dilihat sejarah dinegeri China semasa Dinasti Tang,, ramai pedagang-pedagang Arab (muslim) berkahwin dengan wanita-wanita tempatan.

Begitu juga raja Melaka Paramiswara berkahwin dengan seorang puteri Pasai sehingga misi-misi dakwah lebih mendapat tempat lagi masuk ke Melaka. Kerajaan Asahan di Sumatera Timur dapat didirikan oleh sultan Iskandar Muda setelah mengahwini puteri kenamaan di wilayah itu⁸⁶. Kemudian dapat mengembangkan misi dakwah Islam dan mengatur pemerintahan dibawah kekuasaan Aceh. Daripada sudut ekonomi, kadangkala para pedagang Arab

⁸⁵ Hasil Temu bual dengan Datuk Muhammad Imin Syah, Lima Laras, pada 30 Mei 2007. Nama lengkap beliau adalah Datuk Muhammad Azmin Syah ibni al-Marhum Datuk Abdul Ghani ibni al-Marhum Datuk Seri maharaja Indra Muhammad Yoeda . Beliau ini adalah merupakan adik daripada Datuk Azman Syah.

⁸⁶ Lukman Sinar (1991), Sari Sejarah Serdang 2, h.67

memiliki status sosial yang lebih baik daripada penduduk tempatan, sehingga sebahagian penduduk tempatan tertarik untuk menjadi isteri pedagang Arab.

Melalui ikatan perkahwinan antara para pedagang Arab dengan penduduk tempatan, merupakan salahsatu cara yang digunakan oleh para pedagang Arab, untuk menarik dan mengajak penduduk tempatan bagi memeluk agama Islam.⁸⁷ Dengan demikian dapatlah dikatakan bahawa pedagang Arab telah memainkan peranan yang penting untuk mengeratkan sistem kekeluargaan dengan cara mengahwini masyarakat tempatan, sehingga dapat menjalankan misi-misi dakwah lebih berkesan lagi.

Sebagaimana contoh, seperti al-Sayid Usman bin Syahabuddin. Beliau adalah seorang ulama yang alim dengan akhlak yang mulia dan menyebarkan agama Islam di daerah Riau. Kerana tertarik dengan akhlak mulia dan kealimannya, maka Sultan mengahwinkan beliau dengan Tengku Embung Badariah yang merupakan puteri kerajaan Siak. Maka anak cucu daripada al-Sayid Usman bin Syahabuddin ini yang menjadi Sultan-sultan di Riau sejak Sultan ke VII sehingga berakhirnya kesultanan Siak.⁸⁸

Dengan terjadinya perkahwinan pedagang Arab al-Sayid Usman bin Syahabuddin tersebut, maka kerajaan Siak dapat dikatakan juga sebagai kerajaan warisan ulama. Kerajaan Siak adalah merupakan kerajaan yang berkuasa atas kerajaan Melayu Batubara, maka sudah tentu perkahwinan tersebut mempunyai pengaruh tersendiri terhadap perkembangan kerajaan Melayu Batubara. Pada

⁸⁷ Hj. Abdullah Ishak (1990), **Islam di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)**. Kuala Lumpur: Penerbit al-Rahmaniah, h. 74.

⁸⁸ Muhammad Syamsu AS (1996), *op. cit.*, h. 26-27.

masa itu, perkahwinan semacam itu merupakan perkara biasa, bahkan mendapat sambutan baik daripada kalangan masyarakat tempatan.

Pada perkembangan selanjutnya, tradisi perkahwinan yang wujud pada kerajaan Siak tersebar pula pada Kerajaan Melayu Batubara. Para ulama tempatan, Tuan Syeikh, Tuan Guru yang terdapat di kerajaan Melayu Batubara juga melakukan perkara yang sama berkahwin dengan masyarakat tempatan, bahkan ada juga yang mempunyai isteri empat, namun tidak menjadi suatu masalah pada masa itu, justeru itu akan memudahkan penyebaran agama Islam.

Mengikut Nek Hj Halimah⁸⁹ mengatakan bahawa masyarakat Batubara sangat hormat dan patuh pada ulama, Tuan Syeikh, Tuan Guru dan sehingga wujud istilah dikalangan masyarakat pada masa itu, dengan istilah “*zakat anak*”. Zakat anak ini bermaksud bahawa sesiapa yang mempunyai ramai anak, iaitu mempunyai anak perempuan sehingga 12 orang, maka seeloknyalah mereka menawarkan kepada ulama untuk dikahwininya, jika ulama itu berhajat.

2.3.3. Faktor Kepribadian Golongan Dakwah Dan Ahli-Ahli Sufi

Para pendakwah Arab ini mempunyai akhlak yang mulia dan keperibadian yang baik, terlihat daripada cara berdakwah yang lembut serta penuh hikmah tanpa menampakkan sesuatu sikap yang kasar dan perangai yang bercanggah dengan ajaran agama suci ini sehingga masyarakat tempatan sangat tertarik hati menerima Islam, mereka dapat menerima realisasi ajaran Islam

⁸⁹ Temu bual dengan Tuan Imam Usman, Tasak Kuala Tanjung, pada 2 Ogos 2008. Beliau adalah imam mesjid al-Mua'allim, mesjid Tuan Syeikh Muhammad Zain Nuruddin dan cucu daripada ulama Agung Batubara.

sebagai asas utama, kebanyakan mereka lebih dikenali berwatakan *sufi*.

Sebagaimana firman Allah SWT. iaitu:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Surah al-Nahl (125)

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”.

Cara-cara bijaksana yang telah dilakukan ulama sufi dalam berdakwah, sangat sesuai dengan situasi dan keadaan masyarakat tempatan.⁹⁰ Dengan cara semacam ini, maka agama Islam dapat diterima dengan baik sehingga hal ini dapat mempercepatkan lagi proses penyebaran agama Islam. Ulama-ulama Sufi adalah terdiri daripada orang-orang yang sangat bertakwa kepada Allah dan berakhlak mulia. Dengan ketokohan dan kepribadian juga pengorbanan mereka dalam menyebarkan Islam di daerah tersebut menjadikan golongan raja-raja, para pembesar negeri serta rakyat jelata amat terpengaruh dengan Islam.⁹¹

⁹⁰ Cara-cara semacam ini, juga digunapakai oleh “Wali Sembilan” dalam menyebarkan agam Islam di Jawa. Maklumat mengenai “Wali Sembilan”. Lihat: Drg. H. Muhammad Syamsu AS (1996), *op. cit.* h, 47-88.

⁹¹ Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 117.

Ulama-ulama Sufi itu sangat berpengaruh sekali dan mempunyai kedudukan yang sangat istimewa juga diberi kedudukan dalam bidang politik atau pentadbiran pada masa kerajaan Melaka, Aceh dan Demak. Antara mereka yang diberi kedudukan pada masa kerajaan Melaka adalah seperti Sheikh Ismail, Syed Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Maulana Ishak, Maulana Yusuf, dan Sidi Arab. Di Aceh antaranya seperti Hamzah fansuri, Shamsudin al-Sumaterani, Nurudin al-Raniri, Abdul Rauf Singkil dan lain-lain.⁹²

Sedangkan pada zaman kerajaan Demak (1475-1550), terdapat beberapa ulama sufi yang melibatkan diri memainkan peranan dakwah di Jawa. Antara mereka adalah golongan wali sembilan iaitu: Sheikh Maulana Malik Ibrahim, Sunan Ampel, Sunan Bonang, Sunan Derajat, Sunan Giri, Sunan Kalijaga, Sunan Gunung Jati, Sunan Kudus, Sunan Muria. Mereka selain tugasnya menyebarkan agama Islam tetapi juga boleh menguruskan strategi politik dalam kerajaan Demak.⁹³

2.3.4. Faktor Perlumbaan Dalam Penyebaran Agama

Kedatangan orang-orang Barat, terutamanya bangsa Belanda mula mengalihkan perhatian ke kepulauan Nusantara Alam Melayu, terutamanya di Kepulauan Nusantara Melayu. Mereka berlumba-lumba datang ke rantau ini untuk menjajah mengaut seberapa banyak hasil bumi dan hasil kekayaan alamnya serta menyebarkan agama Kristian dengan segala cara, untuk mencabar dan bersaing

⁹²*Ibid.*, h. 118.

⁹³*Ibid.*, h. 119.

dengan orang-orang Islam. Dengan wujudnya perlumbaan ini, maka semakin menjadi dorongan bagi kegiatan penyebaran agama Islam di rantau ini.⁹⁴

Kedatangan Belanda ke daerah Sumatera merupakan satu cabaran yang hebat bagi orang-orang Islam. Belanda datang kedaerah ini dengan tujuan untuk menyiarkan agama Kristian kepada masyarakat tempatan. Hal semacam ini mendapat tentangan daripada seluruh lapisan masyarakat Melayu termasuk masyarakat Melayu Batubara.

Mengikut Yohanan Bahar, Panglima Putih dan Panglima Nyang Gindo merupakan panglima yang ditakuti dan disegani, kerana dipercayai mempunyai ilmu hebat, seperti mempunyai kuasa gaib.⁹⁵ Pada masa kedatangan Belanda di Batubara, para panglima, seperti panglima Putih dan panglima Nyang Gindo bersatu untuk menentang misi kristian tersebut. Dengan bersatunya Panglima Putih dan Panglima Nyang Gindo, penjajah Belanda tidak berjaya mengkristiankan masyarakat Batubara. Dengan sebab itu, maka penjajah mengalihkan perhatian misi kristian ke daerah Batak, seperti di daerah Simalungun, Karo dan sebagainya.

Di sinilah penjajah berjaya membawa misi kristian pada masyarakat Batak, sehingga pada masa sekarang kristian merupakan agama mereka yang dianutinya. Oleh demikian para panglima Batubara pernah berkali-kali mengadakan perlawanan untuk mengusir orang-orang Kristian iaitu orang-orang Batak untuk masuk ke wilayah Batubara kerana ditakuti mereka datang membawa

⁹⁴ Haji Abdullah Ishak (1990), *op. cit.*, h. 71.

⁹⁵ Hasil temubual dengan Yohanan Bahar, Tanjung Tiram pada 10 Ogos 2008. Beliau merupakan bekas pengerusi bahagian Kebudayaan di Sumatera Utara.

agamanya ke wilayah ini. Maka termaktublah slogan Panglima Gindo. selepas itu dengan perkataan, "*Batubahara Tanah Melayu Yang Bertuah*", Maksudnya bertuah kerana dapat mendaulatkan hanya agama Islam sahaja yang wujud di Batubara.⁹⁶

Walaupun sangat lama Belanda menjajah masyarakat Melayu Batubara, akan tetapi masyarakat Melayu Batubara dapat mempertahankan nilai-nilai Islam, Belanda dapat menjajah dan mengambil hasil buminya seperti hasil perkebunan dan lain-lain tetapi Belanda gagal samasekali membawa agama mereka ke Batubara bukan hanya tidak berjaya mendirikan gereja di tanah Melayu yang bertuah itu tadi bahkan tidak dapat memurtadkan penduduk tempatan seorangpun juga, sehinggalah tahun 1945 M.

Selepas Kerajaan Batubara bergabung dengan negara Republik Indonesia (NKRI), maka mula pelbagai agama masuk ke wilayah Batubara seperti Kristian. Hal ini, disebabkan dalam Undang-undang Republik Indonesia kedudukan semua agama adalah sama. Maka orang-orang Kristian mengambil manfaat dan kesempatan dari terjemahan undang-undang tersebut, dengan mendirikan gereja di daerah Batubara dimana sahaja, setiap pemukiman mereka.

Mengikut Prof Tengku Luckman Sinar SH,⁹⁷ mengatakan masyarakat Batubara keseluruhan pada asasnya beragama Islam, bila terdapat orang beragama Kristian bukanlah masyarakat tempatan, melainkan merupakan masyarakat pendatang kewilayah ini, baik itu pendatang daripada berbagai bandar di seluruh

⁹⁶ Ibid

⁹⁷ Temu bual dengan Prof. Tengku Luckman Sinar SH, Medan, pada 15 Ogos 2008. Beliau adalah Pensyarah di USU (Universitas Sumatera Utara) dan merupakan pakar sejarah.

Indonesia mahupun daripada kawasan-kawasan pegunungan datang berpindah ke Batubara.

BAB III

SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN KERAJAAN ISLAM DI ALAM MELAYU

3. Awal Penubuhan Kerajaan Islam

Pada awal mula Islam bertapak di Sumatera dan Nusantara Alam Melayu sekitar abad ke 7 M dan masyarakat tempatan sudah banyak yang memeluk Islam. Para pendakwah Islam juga sudah banyak mengislamkan para pemimpin masyarakat tempatan seperti keluarga raja-raja, para pembesar dan juga masyarakat awam lainnya. Maka para pendakwah itu berusaha untuk memasukkan nilai-nilai Islam pada kerajaan-kerajaan sedia ada atau menubuhkan kerajaan-kerajaan baharu yang dapat mencorakkan Islam kedalamnya.

Pertama sekali kerajaan Islam di Sumatera mula ditubuhkan ketika Islam dapat bertapak di pulau itu yakni kerajaan Perlak, kerajaan Samudera Pasai, kerajaan Aceh Darussalam, kerajaan, kerajaan Siak, kerajaan Sumatera Timur/kerajaan Batubara dan kerajaan-kerajaan Islam lainnya.

3.1. Kerajaan Perlak (840-986M)

Para ahli sejarah melakukan pengkajian terhadap kedatangan Islam di Sumatera, yakni: bahawa tempat pertama yang didatangi oleh para pedagang Arab-Parsi adalah di Barus. Berdasarkan bukti epigrafi daripada makam Syeikh

Rukunuddin yang bertarikh 48H/668M, membuktikan orang Islam telah bermukim di Barus.⁹⁸

Bahkan di pantai barat Sumatera terdapat perkampungan Arab-Islam yang dikenali sebagai Ta-shi pada tahun 674M. Lokasi perkampungan Ta-shi itu berkemungkinan terdapat di Barus, kerana sesuai dengan peranannya sebagai pelabuhan yang terawal di Sumatera. Begitu juga ditemukannya makam Mahligai di Barus ianya lebih tua daripada penemuan di Samudera-Pasai.

Menurut ahli sejarah Abū Ishaq al-Mekrāni al-Parsi dalam bukunya bertajuk; *Izhar al-Ḥaq fī Silsilah Raja Perlak*. Beliau menjelaskan tentang kedatangan Islam di Perlak yakni pertama segolongan Syiah Alawiyyah yang dipimpin oleh Nahkoda Kalifah. Mereka datang setelah gagal dalam pemberontakan yang dipimpin oleh Muḥammad bin Ja‘far al-Ṣādiq⁹⁹ melawan Kalifah al-Makmun (183H/833M). Di Perlak, mereka bukan sahaja mengislamkan Meurah Syahir Nuwi, bahkan seorang anggota mereka yang bernama Ali bin Muḥammad bin Ja‘far al-Ṣādiq telah dinikahkan oleh Meurah Perlak dengan adik perempuannya, Puteri Makdhum Tansyuri.¹⁰⁰

Jadi hasil dari perkahwinan inilah lahirnya Syed Abdul Aziz, pada tahun 225H/840M beliau dilantik menjadi Raja Perlak pertama dengan gelaran Sultan Alaidin Syed Maulana Abdul Aziz Syah. Dengan pelantikan raja pertama pada

⁹⁸Abdul Rahman Abdullah (2000), **Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam**, c.1, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors SDN BHD, h. 307, h. 237.

⁹⁹ Bahawa Muḥammad bin Ja‘far al-Ṣādiq dan keluarganya adalah golongan Ahl al-Bayt yang pertama masuk ke wilayah Sumatera.

¹⁰⁰ Keterangan ini dikutip oleh Abdul Rahman Abdullah. Lihat: *Ibid.*, h. 240.

tahun 840M, jadilah kerajaan Perlak Islam yang pertama di Asia tenggara yang berfahaman Syiah Alawiyyah.¹⁰¹

3.1.1. Kerajaan Perlak Terbahagi Dua

Selepas Sultan Maulana Abdul Aziz Syah mangkat, kerajaan Perlak diperintah oleh Sultan Maulana Abdul Rahim Syah (864-888M), kemudian selepas itu, pemerintah dilanjutkan oleh Sultan Syed Maulana Abbas Syah (888-913M). Pada masa raja yang ketiga, kerajaan Bani Abbasiyyah yang di Bagdad mengirim utusan dengan membawa fahaman Sunni ke Perlak. Akhirnya pada masa itu terjadi perang saudara di Perlak antara fahaman Syiah dan Sunni sehingga pada masa Sultan Maulana Abbas Syah mangkat.¹⁰²

Pada masa itu, kerajaan Perlak mengalami kekosongan pemimpin kerana ketiadaan raja selama dua tahun. Kemudian setelah itu seorang raja yang berfahaman Sunni yakni; Sultan Makdum Alaidin Malik Abdul Qadir Syah Johan Berdaulat (928-932M), menaiki takhta kerajaan Perlak. Pada masa itu, dari golongan fahaman Syiah masih punya keinginan untuk berkuasa sehingga mereka melakukan pemberontakan, tetapi pemberontakan itu boleh dipatahkan oleh Sultan Makdum Alaidin Malik Abdul Qadir Syah Johan Berdaulat.¹⁰³

¹⁰¹ *Ibid.*, Lihat: Haji Abdullah Ishak (1992), **Islam Di India Nusantara Dan China**, c.2, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 97. Lihat: Hafidzi Mohd Noor (2007), **Jejak Risalah Di Nusantara 1: Zaman Pra Islam Hingga Era Pelayaran Muhammad Cheng Ho**, C. 1, Kuala Lumpur: Penerbit Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia (JIM), h. 27.

¹⁰² Abdul Rahman Abdullah (2000), *op. cit.*, h. 241.

¹⁰³ *Ibid.*,

Akibat daripada pemberontakan itu, akhirnya pada tahun 983M kerajaan Perlak terbahagi dua, iaitu; kerajaan Perlak bahagian pesisir yang berfahaman Syiah dengan rajanya Sultan Maulana Mahmud Syah. Sedangkan kerajaan Perlak bahagian pedalaman dengan fahaman Sunni dengan rajanya Sultan Makdum Alaidin Malik Abdul Qadir Syah Johan Berdaulat.¹⁰⁴

3.1.2. Serangan Srivijaya Ke Wilayah Perlak Dan Selepas Merdeka

Pada tahun 986M, kerajaan Perlak bahagian pesisir ditaklukkan oleh kerajaan Srivijaya dan raja Sultan Maulana Mahmud Syah terbunuh oleh pasukan Srivijaya. Maka berakhirlah kerajaan Perlak bahagian pesisir. Kemudian pada tahun 1006M, Kerajaan Srivijaya meninggalkan daerah jajahan di Perlak itu, kerana melakukan serangan baru terhadap kerajaan Darma Wangsa ke Pulau Jawa.¹⁰⁵

Setelah Perlak bahagian pesisir ditinggalkan oleh Srivijaya, maka kerajaan Perlak bahagian pedalaman menyatukan wilayahnya dengan Perlak bahagian pesisir. Sehingga kerajaan Perlak bersatu lagi di bawah pemerintahan Sultan Makdum Ibrahim Shah Johan Berdaulat yang berfahaman Ahl al-Sunnah dan setelah baginda mangkat pada tahun 1012M.¹⁰⁶ Maka selepas itu, kerajaan Perlak diperintahkan oleh sultan-sultan seperti di bawah ini:¹⁰⁷

¹⁰⁴ Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 136.

¹⁰⁵ *Ibid.*, h. 136

¹⁰⁶ *Ibid.*, 137.

¹⁰⁷ Wan Hussein Azmi (1993), **Islam Di Aceh Masuk Dan Berkembangnya Hingga Abad XVI**, Dalam Bukunya: A. Hasmy (1993), **Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Indonesia**, c.3, Medan: P.T. Al-Ma'arif, h. 200.

1. Sultan Makhdum Alaidin Malik Mahmud Shah Johan Berdaulat (402-405H/ 1012-1059M).
2. Sultan Makhdum Alaidin Malik Mansur Shah Johan Berdaulat 450-470H/ 1059-1078M).
3. Sultan Makhdum Alaidin Malik Abdullah Shah Johan Berdaulat (470-501H/ 1078-1109M).
4. Sultan Makhdum Alaidin Malik Ahmad Shah Johan Berdaulat (501-527H/ 1109-1135M).
5. Sultan Makhdum Alaidin Malik Mahmud Shah Johan Berdaulat (527-552H/ 1135-1160M).
6. Sultan Makhdum Alaidin Malik Usman Shah Johan Berdaulat (552-565H/1160-1173M).
7. Sultan Makhdum Alaidin Malik Muhammad Shah Johan Berdaulat (565-592H/ 1173-1200M).
8. Sultan Makhdum Alaidin Abdul Jalil Shah Johan Berdaulat (592-622H/ 1200-1230M).
9. Sultan Makdum Alaidin Malik Muhammad Amin Shah II Johan Berdaulat (622-659H/ 1230-1267M).

Sehingga sampai pada masa zaman Sultan Makdum Alaidin Malik Abdul Aziz Syah Johan Berdaulat (662-692H/1263-1292M) bahawa fahaman Sunni tetap terpelihara. Beliau adalah merupakan raja Perlak yang terakhir. Jadi dengan mangkatnya baginda, maka berakhirnya kerajaan Perlak dan pada akhirnya kerajaan Perlak disatukan dengan kerajaan Samudera Pasai.¹⁰⁸ Penyatuan

¹⁰⁸ Abdul Rahman Abdullah (2000), *op. cit.*, h. 241.

itu dengan perkahwinan antara Sultan Muhammad Malik al-Dhahir (Putera Sultan al-Malik al-Salih (Meurah Siloo) dan puteri Ganggang, (puteri Sultan Makhdum Alaidin Malik Muhammad Amin Shah II Johan Berdaulat) yakni sultan yang memerintah pada tahun (688-725H/ 1289-1326M).¹⁰⁹

3.2. Kerajaan Samudera Pasai (1042-1450M)

Setelah kerajaan Perlak terjadi kejatuhan maka kerajaan itu disatukan dengan kerajaan Samudera Pasai. Hanya sahaja pemerintahannya terletak di sebelah utara Sumatera. Kerajaan Pasai mula ditubuhkan pada awal abad ke 11, dengan raja pertamanya adalah Meurah Khair(Giri) dengan gelar Maharaja Mahmud Syah (1042-1078M). Beliau adalah keturunan daripada dinasti Makdum Johan yang berfahaman Ahli Sunah. Selanjutnya setelah Maharaja Mahmud Syah mangkat, berikutnya Maharaja Mansur Syah (1078-1133M), Maharaja Ghiyasuddin Shah (1133-1155M), dan Maharaja Nuruddin atau Meurah Nui (1155-1210M).¹¹⁰

Pada masa Maharaja Nuruddin tahun 1177M, tibalah seorang ulama dari Arab yang bernama Syeikh Abdullah Arif. Beliau membawa bersamanya sebuah karangannya, Bahr al-Lahut yang mengandungi ajaran tentang tasawuf falsafah yang berfahaman Syiah. Setelah kemangkatan Maharaja Nuruddin, kerajaan Pasai mengalami perang saudara selama 50 tahun kerana kekosongan penerusnya.

¹⁰⁹ Wan Hussein Azmi (1993), *op. cit.*, h. 201.

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 242.

Akhirnya naiklah sebagai rajanya adalah Meurah Silu (Sultan Malik al-Salih) (1261-1289M). Beliau berketurunan Sultan Makdum Syah Johan Berdaulat yang menjadi raja Perlak kelapan (976-1012M). Pada masa zamannya, kedatangan seorang pendakwah Islam yang berasal daripada Arab sebagai utusan dari Syarif Mekah di bawah pimpinan Syeikh Ismail al-Siddiq (al-Zarfi). Ketika itu Syarif Mekah di bawah naungan kerajaan Mamluk di mesir.

Sedangkan mengenai kedatangan Syeikh Ismail al-Siddiq ke Pasai pelbagai tafsiran, yakni; pertama menurut Hikayat Raja-raja Melayu, bahawa Syeikh Ismail itu datang bermaksud untuk mengislamkan raja Pasai iaitu Meurah Silu dan setelah masuk Islam diganti namanya menjadi Al-Malik Salih. Pendapat ini menurut penulis yang mengambil pendapat Abdurrahman Abdullah bahawa kurang kuat kerana raja-raja Pasai sudah dari awal lagi memeluk agama Islam. Penulis lebih mengikut pendapat yang kedua iaitu; bahawa Syeikh Ismail datang bermaksud untuk meluruskan fahaman masyarakat kerajaan Pasai yang masih mengikuti fahaman Syiah agar merubah fahaman ahli Sunnah.¹¹¹

Pada abad ke-13 M, kedudukan agama Islam di Sumatera telah bertambah kukuh. Berdasarkan catatan Ibnu Batutah dan Marco Polo, pada abad ke-14, Islam telah mula tersebar di Perlak dan Pasai atau digelar “Samudera Pasai”. Perlak di katakan menerima Islam lebih awal daripada Pasai. Pengislaman Pasai berlaku sejurus sebelum pengislaman melalui perkahwinan antara Merah Silu iaitu Sultan Malikus Saleh, pemerintah pertama Pasai dengan Puteri Ganggang dari Perlak yang telah terlebih dahulu memeluk Islam. Baginda telah di Islamkan oleh

¹¹¹ *Ibid.*, h. 243.

seorang ulama dari Mekah bernama Syeikh Ismail. Tindakan memeluk Islam oleh Malikus Saleh itu telah menjadikan Pasai, sebagai Kerajaan Islam yang kuat dan pusat penyebaran Islam di rantau ini.¹¹²

3.2.1. Masa Kejayaan Kerajaan Samudera Pasai

Pada masa fahaman masyarakat kerajaan Pasai sudah mengikuti fahaman ahli Sunnah dan Sultan Malik al-Salih memperisterikan puteri raja Perlak yang bernama Tuan Puteri Ganggang. Hasil dari perkahwinan itu baginda dikurniakan seorang putera bernama Malik al-Tahir (Malik al-Zahir).¹¹³ Gelaran al-Malik al-Zahir ternyata mempunyai kesamaan dengan penggunaan nama Sultan Mamluk di Mesir jadi memperlihatkan adanya pertalian kerajaan Melayu sekurang-kurangnya pada nama dengan sebuah kerajaan Islam di Timur Tengah. Sebuah kerajaan Islam Pasai berperanan sebagai pelindung kepada agama Islam di rantau ini dan istana serta masjidnya muncul sebagai pusat pendidikan pertama bagi orang Melayu. Apabila Sultan Malik al-Salih mangkat pada tahun 1297M¹¹⁴ maka kerajaan Pasai diperintah oleh puteranya yakni Sultan Malik al-Zahir I (1297-1326M).¹¹⁵

Menurut pandangan Arnold menyifatkan raja ini dengan pernyataannya: “Raja ini telah menunjukkan setinggi-tinggi dan sebesar-besar sifat kebesaran kerajaan Islam dan negeri pemerintahannya terbentang jauh beberapa hari perjalanan di sepanjang pantai dan baginda adalah seorang Muslim yang

¹¹² Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 139. Lihat: Wan Hussein Azmi (1993), *op. cit.*, h. 205.

¹¹³ Lihat: Mohammad Redzuan Othman (2005), **Islam Dan Masyarakat Melayu Peranan Dan Pengaruh Timur Tengah**, c.1, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 13.

¹¹⁴ Tahun ini sesuai dengan yang tercatat di batu nisannya.

¹¹⁵ Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 137.

berpegang dengan mazhab ahli al-sunnah, sangat kuat kepada agamanya, amat gemar mengadakan majlis-majlis perbincangan dengan fuqaha (ulama fekah) dan ulama-ulama istananya tempat tumpuan penyair-penyair dan orang-orang berilmu dan di samping itu, Al-Malik al-Zahir adalah seorang pemimpin perang yang agung dan baginda telah mengistiharkan perang di atas penyembahan berhala yang tinggal berjiran dengan negerinya sehingga mereka itu tunduk kepada pemerintahannya dan membayar jizyah kepadanya.¹¹⁶

Selepas Sultan Malik al-Zahir I mangkat pada tahun 1326M, kerajaan Pasai diperintah oleh penggantinya iaitu Sultan Malik al-Zahir II. Pada tahun 1345M, Baginda telah didatangi oleh seorang pengembara Arab iaitu pengembara Islam yang terkenal, ia adalah Ibnu Batutah. Beliau telah menyifatkan dengan jelas dan terang bagaimana bentuk pelabuhannya, bandarnya, ulama-ulamanya dan bagaimana kebesaran raja ini dan kekuatannya berpegang pada agama dan kasihnya kepada ilmu dan ulama. Beliau telah menceritakan kepada kita apa yang telah dilihatnya sendiri di masa ia tiba di pelabuhan Samudera, katanya:¹¹⁷

- Ketua pengawal laut naik menemui kami dan melihat kepada saudagar-saudagar dan kemudian membenarkan kami turun ke daratan, maka kami pun ke bandar iaitu sebuah kampung yang besar di tepi pantai, letaknya dari ibu negara ialah empat batu; kemudian Bahruz timbalan bagi ketua pengawal-pengawal laut menulis memberi tahu kepada Sultan tentang ketibaan saya, maka baginda memerintah Amir Dulsaih menemui saya dan kadi al-Sharif Amir Sayed al-Shirazi dan Tajuddin al-Ashbihani dan lain-

¹¹⁶ Wan Hussein Azmi (1993), *op. cit.*, h. 205.

¹¹⁷ Pembuktian Ibnu Batutah tentang kejayaan dan kemajuan kerajaan Samudera Pasai. Untuk lebih lengkapnya Sila lihat: Ibid., h. 206-208.

lain daripada ulama-ulama dan fuqaha; maka semuanya datang dan mereka membawa kuda dan lainya dari kereta kenaikan Sultan; maka saya dan semua sahabat-sahabat menunggang dan masuk kedalam “Hadrat al-Sultan” iaitu sebuah bandar Samudera, sebuah bandar yang cantik dan besar ada pagar-pagar dari kayu.

- Kemudian beliau menyifatkan Sultan al-Malik al-Zahir. Baginda adalah dari golongan raja-raja yang mulia dan bermurah hati, berpegang dengan mazhab Syafi‘i, kasih pada ulama-ulama yang datang ke majlisnya untuk membaca dan muzakarah dan baginda banyak berjihad, sangat merendah diri, datang berjalan kaki untuk bersembahyang Jumaat; dan penduduk negerinya berpegang dengan mazhab Syafi‘i, dan suka berjihad, mereka itu mendapat kemenangan di atas orang-orang kafir yang berhampiran dan orang-orang kafir membayar jizyah kepadanya.

Raja Malik al-Zahir II pernah melancarkan peperangan ke atas negeri-negeri jiran yang belum menerima Islam. Hingga penghujung abad ke-15, agama Islam telah muncul sebagai satu-satunya agama yang unggul di sepanjang pesisir pantai dan daerah di pedalaman Sumatera. Bahkan Kerajaan Minangkabau pun telah beransur-ansur menjadi Kerajaan Islam.¹¹⁸

Pada masa pemerintahannya, banyak ulama dari Arab, Parsi berdakwah di Pasai seperti; Amir bin Said al-Shirazi dan Tajuddin al-Isfahani.¹¹⁹ Selepas kemangkatan Sultan Malik al-Zahir II pada tahun 1350M, kerajaan Pasai

¹¹⁸Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 129.

¹¹⁹ *Ibid.*, h.129

diperintah oleh Sultan Alaidin Zainal Abidin Malik al-Zahir (1350M-1383M), Beliau adalah seorang raja yang sangat zalim kerana membunuh kedua puteranya.

120

Pada masa beliau memerintah kerajaan Pasai diserang oleh kerajaan Majapahit pada tahun 1378M, tetapi kerajaan Pasai boleh dipertahankan oleh seorang panglimanya bernama Panglima Nagur Rabat Abdul Qadir Syah. Setelah berlaku perdamaian antara kedua-dua kerajaan, tentera Majapahit pulang ke Jawa dengan disertai oleh puteri-puteri Pasai, Maulana Ishak (ayah sunan Giri), dan Syeikh Siti Jenar (Syeikh Abdul Jalil). Lalu pemerintah kerajaan Pasai diperintah oleh Panglima Nagur dan menjadi sultan Pasai pada tahun 1394-1400M.¹²¹

3.2.2. Peranan Kerjaan Samudera Pasai Dalam Perkembangan Islam Di Nusantara Alam Melayu

Dakwah Islamiyyah pada masa pertengahan abad ke 14M di Samudera Pasai bertepatan dengan kunjungan Ibnu Batutah di sini. Dakwah Islamiyyah sudah berkembang di negeri-negeri sekelilingnya dan telah masuk ke wilayah Aru dan ramai penduduk-penduduknya memeluk agama Islam. Islam sudah dapat juga berkembang di bahagian-bahagian lain di Sumatera boleh memperkuat kedudukannya di daerah-daerah di sepanjang pantai dan berjalan kedaerah-daerah pedalaman. Begitu juga Islam telah tersebar menyeberang ke pesisir pulau-pulau lain.¹²² Perkembangan Islam ini telah digambarkan oleh Harison yang menjelaskan pada masa itu pencelupan Asia Tenggara dengan celupan Islam berjalan dengan pesat ke depan pada abad ke 14M. di masa agama Islam tersebar

¹²⁰ Abdul Rahman Abdullah (2000), *op. cit.*, h. 245.

¹²¹ *Ibid.*,

¹²² Lihat: Wan Hussein Azmi (1993), *op. cit.*, h. 208.

dari tempatnya yang pertama di bumi Sumatera dan memperkuat kedudukannya di sana sini di pesisir pantai pulau-pulau yang tunduk di bawah kekuasaan kerajaan Majapahit semenjak lebih kurang di pertengahan abad itu.

Berdasarkan bukti sejarah yakni berupa batu nisan Tujuh Pasai itu telah menunjukkan dengan jelas bahawa kerajaan Samudera Pasai telah berjaya di pertengahan abad ke 14M. meluaskan pengaruh kekuasaan menyeberangi Selat Melaka dan sampai ke pusat perniagaan yang penting di utara Semenanjung Tanah Melayu iaitu negeri Kedah. Bahkan menurut Sir Richad Winsteadt bahawa kerajaan Samudera Pasai menghantar para pendakwah Islam ke Semenanjung Tanah Melayu samapai ke daerah-daerah pedalaman dan mereka itu bekerja sama dengan pendakwah-pendakwah Islamiyyah meluaskan perkembangan Islam di Terengganu di abad ke 14M. ini juga berdasarkan tulisan jawi yang terukir di Batu Bersurat Terengganu dengan tarikh 1326M/ 1386M.¹²³

Selanjutnya, pada tahun 1395M/ 797H Samudera Pasai telah memainkan peranan di dalam perkembangan Islam di Jawa dan Sulawesi. Yakni tepatnya pada masa Sultan Zainal Abidin Bahiyah Shah (1349-1406M), kerajaan Samudera Pasai telah menghantar dua orang pendakwah ke Jawa.¹²⁴ Dua orang pendakwah itu adalah Maulana Malik Ibrahim dan Maulana Ishak yang bergelar Syeikh Awwalul Islam. Maulana Malik Ibrahim itu keturunannya bersambung dengan Zainal Abidin, salah seorang cucu Ali ibn Abi Thalib dan beliau adalah sepupu kepada Raja Cermin. Begitu juga, pada masa akhir abad ke 15M seorang pendakwah Arab bernama al-Syeikh Ali al-Qaisar dan rombongan pengikutnya

¹²³ *Ibid.*, h. 210.

¹²⁴ Lihat: *Ibid.*, h. 210.

yang diketuai oleh Raja Abdul Jalil ibn Sultan al-Qahhar, bertolak dari Pidi dengan kapal ke Sulawesi dan turun di sebuah Bandar yang kemudian dikenal dengan nama Makasar. Mereka berdakwah menyebarkan agama Islam di sana sehingga akhirnya Raja Bone memeluk Islam.¹²⁵

Samudera Pasai juga memainkan peranan dengan menghantar para pendakwah Islam ke Melaka dengan menarik Raja Hindia Melaka Parameswara kepada Islam. Pada tahun 1414, Parameswara masuk Islam dengan suka hati dan menamakan dirinya Megat Iskandar Shah atau Ahmad Shah atau Muhammad Shah. Jadi pada masa itu, Samudera Pasai sebagai pusat penyebaran Islam di Nusantara.¹²⁶

3.2.3. Masa Kejatuhan Kerajaan Samudera Pasai

Pada masa Pemerintahan Sultan Zainal Abidin (1350-1394M), kerajaan Samudera Pasai telah diserang oleh kerajaan Siam dan juga pernah diserang oleh kerajaan Majapahit. Tetapi kerajaan Samudera Pasai telah diselamatkan oleh panglimanya Nagur Rabat Abdul Qadir Shah. Kemudian apabila Sultan Zainal Abidin mangkat pada tahun 1394M. maka tahta kerajaan itu sementara dipegang oleh panglima Nagur Rabat Abdul Qadir Shah.¹²⁷

Pada masa kerajaan Pasai dipegang kembali oleh keturunan Sultan Zainal Abidin lagi yakni pada seorang puterinya yang menggantikan takhtanya iaitu; Ratu Nihraisyah Rawangsa Khadiyu (1400- 1428M). Selepas itu kerajaan Pasai

¹²⁵ *Ibid.*, h. 211

¹²⁶ *Ibid.*, h. 211

¹²⁷ Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 138.

mengalami kejatuhan disebabkan oleh perang saudara antara pemerintah Pasai dengan mangkubuminya (perdana menteri) Bakoy Ahmad Permala. Di samping itu, berdirinya kerajaan MELAKA (1400- 1511M) sebagai kerajaan penakluk dan berkuasa besar di rantau.¹²⁸

3.3. Kerajaan Melaka (1403-1528M)

Pada masa awal Melaka adalah sebuah perkampungan kecil yang didiami oleh penduduk nelayan dan para lanun yang kerjanya merompak kapal-kapal dagang yang melintasi selat Melaka dari timur dan barat. Melaka adalah sebuah dataran yang sangat luas dan sangat sesuai untuk tempat tinggal dan untuk bercocok tanam. Kedudukan Melaka berada di penghujung Selat Melaka.

Di Melaka terdapat bukit-bukau yang berada berhampiran dengan tanah datar dapat digunakan sebagai benteng keselamatan dan pertahanan. Begitu juga, Melaka letaknya bersetentangan dan Sumatera yang kaya dengan keperluan perdagangan seperti beras, lada hitam, kapur barus, rempah, emas dan lain-lain. Disamping itu, Melaka kedudukannya di tengah-tengah perjalanan laut antara Asia Barat, Parsi, India dengan China. Sangat sesuai dijadikan sebagai pelabuhan perantaraan atau pelabuhan antarabangsa dan juga dapat menarik minat para pedagang-pedagang asing membuat penempatan sementara bagi menantikan angin monsum yang sesuai.

¹²⁸ *Ibid.*,h..138

3.3.1. Masa Awal Kerajaan Melaka

Pada tahun 1401M, kerajaan Majapahit terjadi perang saudara untuk merebutkan kekuasaan antara raja Virabhumis dengan raja Vikrama Vardhana. Dalam perang saudara itu, Parameswara putera raja Srivijaya-Palembang dari Dinasti Sailendra ikut terlibat dalam peperangan itu kerana beliau kahwin dengan puteri Majapahit. Tatkala beliau terancam gagal dan kalah, beliau bersama-sama pengikutnya lari ke Temasek, yang kemudian dikenali sebagai Singapura. Pada saat itu, Temasek pada ketika itu hanyalah sebuah perkampungan nelayan yang telah dikuasai oleh kerajaan Siam dengan penguasanya bernama Temagi.

Pada masa itu, Parameswara diberi kesempatan untuk tinggal di Temasek oleh Temagi. Akhirnya, Parameswara ingin kekuasaan sehingga beliau membunuh Temagi dan berhasil mengambil pemerintahannya. Berita terbunuhnya Temagi itu sampai ke telinga raja Siam. Lalu raja Siam memerintahkan raja Pattani dan pemerintah Pahang untuk bertindak balas. Pada tahun 1402, Parameswara berundur ke Muar sehingga ke Melaka. Melihat potensi Melaka yang sangat strategik itu, Parameswara dilantik oleh para pengikutnya dan penduduk nelayan sebagai raja. Sehingga, Melaka menjadi sebuah kerajaan yang semakin maju dan ramai para pedagang dari pelbagai belahan dunia datang untuk berlabuh dan berniaga di Melaka.

Tetapi dari segi politik, Raja Parameswara masih bimbang dan lemah sehingga melakukan hubungan baik dengan kerajaan Siam dan berada dalam taklukan kerajaan Siam. Sehingga kerajaan Melaka mengirim upeti tahunan

sebesar 40 tahlil emas kepada kerajaan Siam. Kemudian, kerajaan Melaka melakukan hubungan baik dengan kerajaan China pada masa pemerintahan Dinasti Ming. Pada tahun 1403, Maharaja Cheng Tzu mengirim armada lautnya ke Nusantara dengan diketuai oleh Laksamana Yin Ching. Apabila armada laut itu tiba di Melaka, Parameswara menyambutnya dengan tujuan bagi mendapat perlindungan terutama mengelakkan ancaman Siam.¹²⁹

Pada tahun 1405, Raja Parameswara mengutus para pembesar untuk menghantar upeti kepada kerajaan China. Maka sebagai maklum balas, pada tahun 1406 kerajaan China mengiktiraf kerajaan Melaka sebagai kerajaan yang sah. Bahkan kerajaan China mengirim hadiah kepada kerajaan Melaka berupa “cap mohor, persalinan sutera dan payung kuning. Dengan persahabatan yang sudah terbina antara kedua-dua kerajaan, sehingga Raja Parameswara sangat dikenal didalam kerajaan China dengan panggilan “Pa-Li-Su-La”. Jalinan hubungan persahabatan dan politik itu, raja-raja Melaka sentiasa melakukan lawatan ke kerajaan China beberapa kali yakni pada tahun 1411, 1414, 1419, 1424 dan terakhir pada tahun 1433M.¹³⁰

Dengan semakin berkembang kerajaan Melaka itu sehingga banyak para saudagar Arab yang datang ke kerajaan Melaka. Mereka berniaga dan juga sambil berdakwah menyebarkan Islam di Melaka. Akhirnya pada tahun 1414, Raja Parameswara menganut agama Islam dan diislamkan oleh seorang ulama yang datang daripada Jeddah yakni Syed Abdul Aziz. Setelah Parameswara masuk Islam dan para pembesar pun masuk Islam semua. Maka Parameswara menukar

¹²⁹ Wan Hussein Azmi (1993), *op. cit.*, h. 171

¹³⁰ *Ibid.*, h. 176.

namanya dengan nama Sultan Megat Iskandar Shah. Setelah kerajaan Melaka berubah menjadi kerajaan Islam di Semenanjung maka kerajaan Pasai mengiktiraf dan mengesahkan terhadap kerajaan Melaka sebagai kerajaan yang sah.¹³¹

Selanjutnya, agama Islam sudah mulai tersebar di sepanjang pantai Timur Laut Sumatera dan berkembang pesat di kawasan-kawasan Semenanjung Tanah Melayu. Selain perkembangan Islam yang semakin pesat, peraturan adat istiadat di istana raja pun semakin tersusun dengan mengikut peraturan-peraturan yang berasaskan dan tidak bercanggah dengan agama Islam. Akhirnya pada tahun 1424M, Sultan Megat Iskandar Shah mangkat dan pemerintahan dilanjutkan oleh puteranya yang bernama Sultan Muhammad Shah.

Pada tahun yang sama, Sultan Megat Iskandar Shah telah mengunjungi Maharaja China atas galakan daripada Laksamana Cheng Ho, Duta Besar China yang dihantar khas ke negeri-negeri selatan untuk memperkenalkan keagungan kerajaan China. Laksamana Cheng Ho adalah penganut agama Islam. Rombongan Sultan itu pulang sambil membawa para ahli pertukangan China yang beragama Islam untuk membina masjid-masjid di MELAKA. Maka bangunan-bangunan lama seperti masjid mempunyai unsur-unsur bina yang berbentuk seperti di China..¹³²

¹³¹ Lihat: Abdul Rashid Bin Budin (t.t), **Masjid, Surau Dan Madrasah Di Melaka (Rencana Penggambaran)**, Dalam Bukunya: **Islam Di Malaysia**, Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Sejarah Malaysia, h. 138-147.

¹³² . Lihat: Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 177.

3.3.2. Masa Kejayaan Kerajaan Melaka

Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Shah (1424-1444M), kerajaan Melaka semakin maju dan berkembang dengan pesat terutama perkembangan dari segi ekonomi dan perdagangan antarabangsa. Melaka sebagai pusat dakwah Islamiyyah di Nusantara pada masa itu maka peraturan dan undang-undang pun berasaskan hukum Islam. Sebagaimana baginda Sultan Muhammad Shah juga meneruskan, menguatkuasakan dan melaksanakan undang-undang Melaka (*Hukum Kanun*) yang telah diasaskan oleh Sultan Megat Iskandar Shah. Undang-undang Melaka itu berasaskan Syariat Islam.¹³³

Kandungan undang-undang Melaka itu meliputi antaranya: *pertama* adalah mengenai tanggungjawab raja serta para pembesar, pantang larang di kalangan anggota masyarakat, penghukuman atas kesalahan jenayah dan awam, undang-undang keluarga, permasalahan ibadah dan muamalat yang amat jelas, hukum perhambaan. *Kedua*, mengenai undang-undang Laut Melaka, peruntukannya adalah bersabit dengan hal-hal kelautan seperti tanggungjawab pegawai-pegawai kapal, aturan pelayaran dan perniagaan, perhukuman pada kesalahan jenayah atau syari'ah Islam, bidang nahkoda kapal.

Mengenai pelaksanaan undang-undang Melaka itu ada perdebatan dan percampuran antara hukum adapt dan hukum Islam itu adalah suatu masalah yang selalu diselesaikan oleh seorang hakim pada masa itu. Tetapi undang-undang Melaka itu sudah tertata dengan baik terutama pembahagian fasal-fasalnya.

¹³³ Muhammad Yusoff Hashim (t.t.) **Islam Dalam Sejarah Perundangan Melaka Di Abad Ke 15/16**, Dalam Bukunya: **Islam Di Malaysia**, Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Sejarah Malaysia, h. 3-5.

Mengenai fasal-fasal yang berunsurkan undang-undang Islam dalam undang-undang Laut Melaka dan Hukum Kanun Melaka..¹³⁴

Kembali kemasalah politik, kerajaan Melaka masih terancam oleh kekuatan kerajaan Siam kerana kerajaan Siam masih mengancam dan menguasai kerajaan Melaka. Sehingga Sultan Muhammad Shah meminta bantuan kepada kerajaan China. Sehubungan dengan masalah itu, Laksamana Cheng Ho dihantar ke Siam untuk memberi amaran. Dengan amaran terakhir itu, kerajaan Siam menghentikan cita-citanya untuk menaklukkan kerajaan Melaka. Agar hubungan kedua-dua kerajaan itu baik, Sultan Muhammad mengirim upeti kepada kerajaan China setiap tahunnya hingga tahun 1433M. kerana adanya perubahan polisi kelautan kerajaan China sehingga sudah tidak berminat lagi menjalin hubungan dengan negeri-negeri lain. Tetapi polisi kelautan China itu tidak mempengaruhi keadaan kerajaan Melaka sebab pada saat itu kerajaan Melaka sudah semakin kuat dan pengaruhnya semakin besar di rantau ini.¹³⁵

Selepas Sultan Muhammad Shah mangkat pada tahun 1444M, pemerintahan digantikan oleh Sultan Parameswara Dewa Shah (Sultan Ibrahim). Baginda memerintah hanya dua tahun sahaja yakni bermula tahun 1444-1446M, bahawa melihat polisi kerajaan China sudah tidak ada hubungan lagi dengan negeri-negeri lain terutama kerajaan Melaka. Maka kesempatan itu dimanfaatkan oleh kerajaan Siam untuk menyerang kerajaan Melaka. Pada tahun 1445M, peperangan itu terjadi secara besar-besaran antara kedua-dua kerajaan. Tetapi berkat bendahara Tun Perak yang sangat bijak mengatur strategik peperangan

¹³⁴ *Ibid.*, h. 16-17.

¹³⁵ Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 182.

sehingga serangan tentera Siam boleh dipatahkan bahkan serangan itu dapat ditumpas. Kemenangan dipihak tentara kerajaan Melaka menambah semangat para perwira barisan tentara kerajaan Melaka menghadapi ancaman daripada luar negeri.¹³⁶

Selanjutnya, pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1446-1458M) meletakkan dasar politiknya setelah menyelesaikan manamatkan pergaduhan kaum selama 10 tahun adalah menguatkan pertahanan Melaka sehingga pada tahun 1456, Melaka mampu menggagalkan serangan kerajaan Siam. Melaka menjalin hubungan persahabatan antara kerajaan Siam dan China. Untuk mengeratkan hubungan dengan China, Sultan Muzaffar shah melakukan lawatan kerja ke China dua kali yakni pada tahun 1456 dan 1458M.¹³⁷

Sultan Muzaffar Shah adalah seorang Sultan yang sangat bijak dengan didampingi seorang bendahara Tun Perak yang cerdas dan bijak sehingga telah menyempurnakan kerajaan Melaka sebagai kerajaan yang berasaskan Islam dan Islam sebagai agama rasmi Negara. Kerajaan Melaka dijadikan sebagai pusat penyebaran Islam kepelbagai negeri-negeri di Asia Tenggara dengan berbagai metode dakwah seperti perkahwinan antara keluarga diraja dan penaklukan terhadap negeri-negeri lain. Begitu juga Melaka sebagai pusat perdagangan di Asia Tenggara pada masa itu.¹³⁸

Selepas Sultan Muzaffar Shah mangkat pada tahun 1456M, pemerintahan digantikan oleh puteranya Sultan Mansur Shah (1456-1477M), baginda adalah

¹³⁶ *Ibid.*, h. 183.

¹³⁷ *Ibid.*, h. 188.

¹³⁸ *Ibid.*, h. 188.

seorang sultan yang tidak pandai dan lemah dalam mentadbir negeri dan lebih suka mementingkan kehidupan yang mewah. Akhirnya semua urusan pentadbiran diserahkan kepada Tun Perak, pada tahun 1459, Tun Perak melakukan perluasan taklukannya ke negeri Pahang yang pada saat itu telah dikuasai Siam. Tun Perak memimpin langsung armada laut sebanyak 200 kapal guna menyerang Pahang sehingga Pahang berhasil ditaklukan dan menawan perwakilan Siam Dewa Sura dan puterinya Wanang Seri dibawa ke Melaka. Puteri Wanang Seri akhirnya dikahwinkan dengan Sultan Mansur Shah.¹³⁹

Setelah itu, Tun Perak menaklukkan negeri-negeri yang berhampiran laut Sumatera seperti Kampar, Siak, Rokan, Inderagiri, Aru dan sebagainya. Negeri-negeri yang telah ditaklukkan itu mesti membayar upeti setiap tahun ke Melaka. Sehingga zaman kesultanan Mansur Shah adalah zaman keemasan kerajaan Melaka, kerana kejayaan memperluaskan wilayah jajahannya, pusat perkembangan Islam dengan mengirim para duta ke negeri-negeri taklukannya untuk berdakwah. Disamping itu, kejayaan menyebarkan agama Islam dan kesusasteraan itu didorong oleh Sultan sendiri kerana Sultan mampu mempengaruhi dan menarik minat para ulama dan cendekiawan untuk berkumpul di istananya. Para ulama dan cendekiawan itu benar-benar dibiayai dan dilindungi keamanannya dalam berdakwah menyebarkan agama Islam itu.¹⁴⁰

Kejayaan berikutnya, Sultan Mansur Shah menjalin persahabatan dengan China dan raja China memberi hadiah kepada Sultan Mansur Shah seorang puterinya yang bernama Hang Li Po untuk dikahwinkan dengan baginda. Puteri

¹³⁹ *Ibid.*, h. 189.

¹⁴⁰ *Ibid.*, h. 189.

dan para pengiring seramai 500 orang telah diislamkan oleh baginda. Akibat hubungan yang sangat erat dengan kerajaan China, Melaka sangat terjamin dari segi keamanannya dan pada tahun 1470M, Melaka adalah sebuah kerajaan yang paling perkasa dan digeruni di Asia Tenggara. Penduduk seramai 40 ribu orang itu terdiri daripada pelbagai bangsa.¹⁴¹

Pada tahun 1477M Sultan Mansur Shah mangkat, Tun Perak mengambil peranan pada ketika itu melantik sultan yang baru berumur lima tahun yakni Sultan Alauddin Ri'ayat Shah (1477-1488M). Jadi pada awal pemerintahan baginda itu, pentadbiran pemerintahan dikendalikan oleh Tun Perak. Sehingga perluasan wilayah kerajaan Melaka semakin meluas sampai kepelbagai negeri, hanya sahaja setelah pemerintahan diambil alih oleh sultan maka rancangan perluasan wilayah Tun Perak itu mula terhalang. Setelah Sultan Alauddin Ri'ayat Shah itu mangkat pada tahun 1488M, Tun Perak masih punya peranan untuk memilih sultan yang sesuai menggantikan sultan yang mangkat itu. Akhirnya Sultan Mahmud Shah menjadi sultannya.¹⁴²

3.3.3. Masa Kejatuhan Kerajaan Melaka

Pada tahun 1498M Tun Perak meninggal dunia, maka kerajaan Melaka kehilangan seorang bendahara yang sangat bijak dan ahli dalam bidang strategik mengatur menyusun kekuatan angkatan perang. Selepas itu bendahara dipegang oleh Bendahara Tun Puteh (1498-1500M), beliau hanya menduduki jabatan

¹⁴¹ *Ibid.*, h. 190.

¹⁴² *Ibid.*, h. 192.

bendahara hanya kurang lebih satu tahun sahaja kerana kurang bijak. Lalu bendahara itu dipegang oleh Bendahara Tun Mutahir (1500-1510M), beliau pun kurang bijak dan tidak disukai oleh masyarakat.¹⁴³

Begitu juga, Sultan Mahmud Shah (1488-1528) seorang raja Melaka yang sangat lemah dan tidak mampu mentadbir sebuah kerajaan. Maka kerajaan Melaka mengalami kemunduran dalam berbagai bidang terutama bidang politik dan kekuatan angkatan perangnya. Pada tahun 1511M, Portugis menyerang kerajaan Melaka dan Melaka tidak mampu untuk melawan pasukan Portugis. Sehingga kerajaan Melaka mengalami kekalahan dan kerajaan Melaka mengalami kejatuhan.

Akhirnya, Portugis menguasai dan menjajah kerajaan Melaka. Portugis menjajah Melaka bukan hanya ingin menguasai perdagangan dan kekuasaan politiknya, tetapi Portugis juga ada motif ingin menyebarkan agama Kristian kepada masyarakat Melayu Melaka. Dengan kejatuhan kerajaan Melaka, pusat perdagangan dan penyebaran agama Islam beralih ke kerajaan Aceh Darussalam.¹⁴⁴

3.4. Kerajaan Aceh Darussalam (1205-1675M)

Pada tahun 1205M, kerajaan Aceh didirikan oleh seorang pemimpin yang datang dari Perlak bernama Johan Shah bersama-sama angkatan muda yang diketuai oleh Syekh Abdullah Kan'an, seorang ulama Dayah Cot Kala Perlak.

¹⁴³ *Ibid.*, h. 184.

¹⁴⁴ *Ibid.*, h. 184.-185.

Johan Shah dilantik atau diangkat menjadi raja pertama kerajaan Aceh Darussalam dengan gelaran Sultan Alaidin Johan Shah. Baginda memerintah kerajaan Aceh dari tahun 1205- 1234M. Namun selama tiga abad, kerajaan Aceh tidak mengalami perkembangan dan kemajuan yang tidak memberangsangkan. Jadi kerajaan Aceh hanya sebuah kerajaan yang sangat sederhana.¹⁴⁵

3.4.1. Masa Kemajuan Dan Kejayaan Kerajaan Aceh

Kemudian pada masa kerajaan Aceh dipimpin oleh Sultan yang kesebelas iaitu Sultan Alaidin Ali Mughayyat Shah yakni baginda mula memerintah kerajaan ini pada tahun 1511-1530M. pada tahun 1511M itu bertepatan dengan kejatuhan kerajaan Melaka ditangan penjajah Portugis. Sehingga para pedagang di pelabuhan Melaka mula beralih perniagaan dan perdagangannya ke pelabuhan Aceh. Dan kerajaan Aceh mengalami kemajuan dalam bidang perekonomian dan perdagangan kerana kerajaan Aceh sangat memperhatikan keselamatan dan ketenteraman para peniaga yang datang daripada China, Arab, India dan sebagainya.¹⁴⁶

Pada tahun 1520M, Sultan Alaidin Ali Mughayyat Shah membawa kejayaan kerajaan Aceh membebaskan diri daripada kekuasaan kerajaan Pidie. Begitu juga baginda dapat menyatupadukan kerajaan-kerajaan lain di Sumatera seperti Pedir, Samudera, Pasai, Perlak, Singkel, Barus, Aru, Deli, Siak, Rokan, Inderagiri dan lain-lain. Kemudian kerajaan Aceh mampu melakukan

¹⁴⁵ *Ibid.*, h. 144.

¹⁴⁶ *Ibid.*, h. 144.

penaklukan ke wilayah Nusantara Alam Melayu lainnya seperti Johor, Pahang, Perak dan Kedah. Akhirnya, kerajaan Aceh mampu menjadi sebuah kerajaan yang mempunyai kuasa besar menggantikan kerajaan Melaka.¹⁴⁷

Selanjutnya, pada tahun 1521M Sultan Alauddin Ali Mughayyat Shah memimpin pasukan askarnya untuk menyerang penjajah Portugis di Melaka. Tentara penjajah Portugis walaupun telah dibantu oleh askar daripada kerajaan Pidie tetapi Portugis dapat ditaklukkan oleh askar Aceh dan menawan kerajaan Pidie, bahkan panglima Portugis yang bernama Joge de Brito terbunuh di medan perang. Maka kerajaan Aceh dengan Sultan Alauddin Mughayyat Shah ini, Aceh dijadikan sebagai pusat penyebaran Islam di Alam Nusantara menggantikan kerajaan Melaka.¹⁴⁸

Perjuangan menyerang penjajah Portugis di Melaka dilanjutkan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah II (1539-1571M).yakni pada tahun 1547M, Baginda memimpin pasukannya untuk menyerang kembali penjajah Portugis di Melaka tetapi perjuangan itu mengalami kegagalan kerana askar Aceh mengalami kekurangan bekalan. Kemudian, pada tahun 1568M pasukan Aceh mencoba kembali menyerang penjajah Portugis juga mengalami kegagalan lagi. Sebab pasukan Portugis mendapat bantuan pasukan daripada kerajaan Goa, Kedah dan Johor. Walaupun kerajaan Aceh mengalami kegagalan mengalahkan penjajah Portugis tetapi ada beberapa hikmah khususnya dalam penyebaran agama Islam di

¹⁴⁷ *Ibid.*,

¹⁴⁸ *Ibid.*, h. 149.

Nusantara Alam Melayu dan dapat menahan kegiatan politik dan penyebaran agama kristian yang dibawa oleh penjajah Portugis.¹⁴⁹

Kerajaan Aceh dalam memperkuat kekuatan politik dan penyebaran Islam di Nusantara, ianya melakukan hubungan diplomatik dengan India (Gujarat dan Malabar), Turki, Mekah dan Mesir ¹⁵⁰. Kerajaan Aceh juga melakukan hubungan diplomatik dengan penguasa Haramayn dan sangat menguntungkan politik Aceh. Pada tahun 1540M, penguasa Sultan Aceh mendapat kehormatan besar daripada penguasa Haramayn berupa “Stempel Mas Bayt al-Haram, Makkah” yakni diberikan kepada Sultan Aceh itu dengan sebuah surat yang menyatakan bahawa “Sultan Aceh adalah seorang darwasy sufi yang baik dan beriman yang dihormati sebagai Datos Moulanas tua, yang demi keagungan lebih besar dari Nabi Muhammad SAW mengikuti jalan pengunduran diri dari kehidupan melelahkan dan penuh nestapa”.

Maka pada zaman Sultan Alauddin Riayat Shah II (1539-1571M), kerajaan Turki mengirim alat-alat senjata serta empat puluh orang penasihat askar untuk melatih angkatan perang Aceh bagi menggunakan meriam. Dengan bantuan itu, kekuatan askar kerajaan Aceh bertambah dan kerajaan Aceh dapat meningkatkan pengawalan keselamatan dan pertahanan.¹⁵¹

Pada tahun 1560M, Sultan Alauddin Riayat Shah menjadikan Aceh sebagai pusat pendidikan, kebudayaan dan perdagangan yang sangat signifikan

¹⁴⁹ *Ibid.*, h. 150.

¹⁵⁰ Lihat: Azyumardi Azra (2007), **Jaringan Ulama Timur Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII Akar Pembaharuan Islam Indonesia**, c.3, Edisi Revisi, Jakarta-Rawamangun: Kencana Prenada Media Group, h. 46.

¹⁵¹ Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 151.

menggantikan kejayaan kerajaan Melaka dan Pasai. Aceh juga mewarisi beberapa tradisi kerajaan-kerajaan Islam ini, termasuk tulisan yang tersebar melalui perantaraan bahasa Melayu. Menurut Winstedt, pentingnya bahasa Melayu kepada Aceh adalah sama seperti pentingnya bahasa Latin kepada Eropah pada zaman pertengahan.¹⁵²

Penggunaan bahasa Melayu secara meluas di Aceh untuk penyebaran ajaran Islam membolehkan bahasa ini mengalami perkembangan yang pesat dan disebarkan ke seluruh Nusantara Alam Melayu. Penyebaran itu membolehkan bahasa Melayu menjadi bahan untuk membincangkan yang bersifat agama, falsafah dan kesusasteraan. Begitu juga penggunaan bahasa Melayu yang menyeluruh memperkayakan perbendaharaan melalui proses peminjaman atau serapan perkataan daripada bahasa Arab, Parsi dan Turki.

Sebagaimana didapati sebuah buku tentang pengetahuan Islam yang bertajuk '*Aqa'id al-Nasafi*'. Buku ini menghuraikan asas-asas kepercayaan dan keimanan dalam ajaran Islam. Sehingga buku ini dijadikan sumber rujukan di Aceh serta di seluruh Alam Melayu sejak akhir abad ke 16M.¹⁵³

Selanjutnya, pada masa Sultan Alauddin Mansur Shah (1581-1587M) kerajaan Aceh kedatangan para ulama dari Timur Tengah seperti Sheykh Abdul Qadir Ibn Hajar dan Sheykh Muhammad Yamani dari Mekah. Sedangkan ulama yang datang dari Gujerat adalah Sheikh Muhammad Jailani Ibn Muhammad al-

¹⁵² Mohammad Redzuan Othman (2005), *op. cit.*, h. 14

¹⁵³ *Ibid.*,

Raniri. Ulama-ulama yang datang itu bertujuan untuk memperkuat dakwah dan pendidikan Islam di Aceh dan wilayah-wilayah jajahan kerajaan Aceh.

Setelah, Sultan Alauddin Mansur Shah wafat, kerajaan Aceh dipimpin oleh seorang raja bernama Sultan 'Ala al-Din Ri'ayat Shah (1588-1604), diberitakan baginda telah melanjutkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Turki Utsmani. Khalifah Utsmani mengirimkan sebuah bintang kehormatan untuk Sultan Aceh dan juga mengizinkan kepada kapal-kapal peniaga dan kapal-kapal perang untuk mengibarkan bendera Turki.¹⁵⁴

Kerajaan Aceh semakin maju dan dikenal diperingkat antarabangsa sebagai pusat pendidikan dakwah Islam di Nusantara dan mengalami kemajuan yang lebih signifikan dan hubungan diplomatik yang semakin erat dengan kerajaan Utsmani pada masa Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636M).¹⁵⁵ Baginda dilantik menjadi raja kerajaan Aceh pada umur tujuh belas tahun dengan gelaran Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Baginda adalah seorang raja yang gagah, bijaksana dan mempunyai cita-cita tinggi, sangat kuat menentang penjajah Portugis. Sikap baginda menentang penjajah Portugis bukan semata-mata didorong oleh faktor-faktor politik dan ekonomi bahkan sebenarnya oleh faktor agama. Kerana penjajah Portugis merupakan suatu kuasa penjajahan Barat yang motifnya kedatangan ke rantau ini untuk mengancam agama, Negara dan umat Islam..¹⁵⁶

¹⁵⁴ Azyumardi Azra (2007), *op. cit.*, h. 45.

¹⁵⁵ *Ibid.*, h. 45.

¹⁵⁶ *Ibid.*, h. 45.

Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam berusaha kuat memimpin askarnya untuk menyerang penjajah Portugis bahkan baginda melakukan penyerangan itu sebanyak dua kali yakni pertama pada tahun 1615M dan kedua kalinya pada tahun 1629M. walaupun serangan terhadap Portugis itu mengalami kegagalan, tetapi hikmahnya Portugis tidak boleh bebas bergerak dan bertindak lebih-lebih lagi untuk menyebarkan agama Kristian.¹⁵⁷

Sultan Iskandar Muda menurut sumber-sumber Aceh pernah mengirimkan armada kecil yang terdiri dari tiga kapal. Setelah armada melakukan pelayaran melalui Tanjung Pengharapan selama dua setengah tahun, maka armada itu sampai ke Istanbul. Ketika armada itu kembali ke Aceh, mereka diberi bantuan sejumlah senjata, 12 pakar tentera dan sepucuk surat yang merupakan keputusan Utsmani tentang persahabatan di antara kedua negara dan sekaligus menegaskan hubungan diplomatik yang pernah terjalin di masa sebelumnya. Kedua belas pakar itu disebut sebagai “pahlawan” di Aceh kerana mereka sangat ahli dalam membantu Sultan Iskandar untuk membangun benteng yang tangguh dan juga istana kesultanan di Aceh.¹⁵⁸

Jadi pada masa abad ke 17M itu, ketika Sultan Iskandar Muda memerintah kerajaan Aceh tidak hanya berhasil mencapai kejayaan dalam bidang politik kekuasaan yang berpengaruh sahaja. Tetapi juga telah mengembangkan tradisi intelektual dan pemikiran Islam yang sangat luar biasa dalam sejarah tamadun Islam di Nusantara ini dengan melahirkan ulama-ulama yang mempunyai kebolehan yang istimewa, yang sanggup meneroka semua bidang keilmuan seperti

¹⁵⁷ Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 151.

¹⁵⁸ Azyumardi Azra (2007), *op. cit.*, h. 45.

¹⁵⁹ Ulama-ulama tempatan yang sangat tersohor seperti Shams al-Din al-Sumatrani, al-Raniri,¹⁶⁰ Hamzah al-Fansuri, ‘Abd Rauf Singkel¹⁶¹ dan sebagainya.

Kemajuan pendidikan yang telah dicapai pada masa pemerintahan baginda Sultan Iskandar Muda itu adalah lahirnya institusi-institusi pendidikan pada masa itu sudah mula berkembang dengan memberangsangkan dari mula sekolah rendah,¹⁶² menengah,¹⁶³ sampai keperingkat yang lebih tinggi.¹⁶⁴ Adapun nama institusi pendidikan Islam pada peringkat tinggi dengan sebutan “Balee”. Kumpulan beberapa Rangkang dan Balee akan melahirkan sebuah kompleks pendidikan dengan panggilan “Dayah”.

Selain institusi pendidikan tersebut, pengajaran dan pendidikan Islam juga diselenggarakan di Masjid-masjid seperti Masjid Bayt al-Rahman, Masjid Bayt al-Mushahadah dan Masjid Jai’ Bayt al-Rahman. Sehingga masjid-masjid itu setaraf dengan Universiti kerana ianya mempunyai beberapa fakulti. Ulama-ulama, Guru-guru, Pensyarah yang berkhidmat di Institusi-institusi pendidikan Islam itu kebanyakan didatangkan dari luar negara seperti Tanah Arab, Farsi, Turki, India dan lain-lain. Antara ulama-ulama itu seperti Syekh Idrus Bayan dari Baghdad,

¹⁵⁹ Hmdan Hasan (1993), **Peranan Aceh Dalam Pengembangan Islam Di Nusantara**, Dalam Bukunya: A.Hasymy (1993), **Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Indonesia**, c.3, Medan: P.T. Al-Ma’arif, h. 346.

¹⁶⁰ Nama lengkapnya adalah Nur al-Din Muhammad b. ‘Ali b. Hasanji al-Hamid (al-Humayd) al-Shafi’i al- ‘Aydarusi al-Raniri Lihat: Azyumardi Azra (2007), *op. cit.*, h. 202.

¹⁶¹ Nama lengkapnya adalah ‘Abd al-Ra’uf ‘Ali al-Jawi al-Fansuri al-Sinkil di wilayah pantai barat-laut Aceh . beliau lahir sekitar 1024H/ 1615M. menurut Hasymy bahawa nenek moyang al-Sinkli berasal dari Parsi yang datang ke Kesultanan Pasai. Al-Sinkil menurut catatan ahli sejarah adalah anak daripada abang Hamzah al-Fansuri yang bernama Sheikh ‘Ali al- Fansuri. Lihat: *Ibid.*, h. 230

¹⁶² Nama institusi pendidikan Islam pada peringkat rendah di kerajaan Aceh pada masa itu bernama dengan panggilan “Meunasah”

¹⁶³ Nama institusi pendidikan Islam pada peringkat menengah di kerajaan Aceh pada saat itu dengan panggilan menggunakan bahasa Acehnya adalah “Rangkang”.

¹⁶⁴ Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 151.

Abu al-Kayr ibn Hajar dan Muhammad Yamani dari Mekah. Muhammad Jailani ibn Hasanji dari Gujerat.

Namun ulama-ulama tempatan pun mempunyai kebolehan untuk mendidik dan mengajar pendidikan Islam. Sehingga hasil gabungan antara ualama-ulama luar negeri dan ulama-ulama tempatan, maka pendidikan dan dakwah Islam di Aceh semakin berkembang dan maju dengan pesat dan memberangsangkan pada masa itu. Akhirnya Aceh dikenal dengan julukan “Serambi Mekah”. Bidang ilmu-ilmu agama yang diajarkan dalam institusi pendidikan Islam itu seperti ilmu Tauhid, Fiqah, Tafsir, Hadis, Bahasa Arab dan sebagainya.¹⁶⁵

Selanjutnya, pada masa baginda Syeikh Shams al-Din al-Sumatrani sebagai Syeikh al-Islam. Maka beliau bersama-sama Hamzah al- Fansuri mengembangkan dan mengajarkan doktrin-doktrin mistiko-filosofis Wujudiyah dalam bidang tasawuf benar-benar mengalami masa kejayaan, kerana Sultan Iskandar sangat mendokong dan melindungi kedua- kedua ulama itu.¹⁶⁶

Begitu juga, Sultan sangat menjunjung tinggi alim ulama dan sentiasa berdamping rapat dengan ulama. Sehingga pada masa baginda Sultan Iskandar terbentuklah sebuah badan penasihat yang terdiri daripada semua urusannya. Badan tersebut dinamakan sebagai “Balai Gadang”. Dengan melalui badan ini, semua permasalahan yang berhubung dengan politik, kemasyarakatan,

¹⁶⁵ *Ibid.*, h. 160.

¹⁶⁶ Azyumardi Azra (2007), *op. cit.*, h. 212.

pembangunan dan ekonomi yang berlandaskan ajaran Islam dapat dihayati dan dipraktikan di Aceh dengan lebih sempurna.¹⁶⁷

3.4.2. Masa Kemunduran Kerajaan Aceh

Pada tahun 1636M, Sultan Iskandar Thani naik tahta sebagai raja kerajaan Aceh menggantikan Bapa mertuanya Sultan Iskandar Muda yang mangkat. Pada masa awal pemerintahan baginda keadaan politik dan ekonomi kurang stabil. Ini disebabkan akibat daripada kegagalan kerajaan Aceh menyerang penjajah Portugis di Melaka yakni peperangan yang terjadi pada tahun 1629M. apalagi kekuatan askar kerajaan Aceh smakin lemah kerana penjajah Portugis dibantu oleh kerajaan Johor, Pahang dan Pattani. Apalagi kuasa Belanda (V.O.C.) yang berpusat di Batavia semakin kuat dan berpengaruh, sehingga mampu menguasai pelayaran di Selat Melaka.¹⁶⁸

Berpunca dari kelemahan itu, wilayah jajahan kekuasaan kerajaan Aceh satu persatu memerdekakan diri. Baginda Sultan Iskandar Thani tidak mengikuti dasar polisi yang diambil oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam sebelumnya. Bahkan baginda tidak berminat untuk membangun kembali kekuatan askar bahkan semakin lemah sahaja dalam pengaruh politik antarabangsanya. Namun, baginda tetap fokus memperhatikan dan mengekalkan Aceh sebagai pusat ilmu pengetahuan dan menyebarkan Islam yang teragung di Asia Tenggara pada masa itu.¹⁶⁹

¹⁶⁷ Haji Abdullah Ishak (1992), *op. cit.*, h. 161.

¹⁶⁸ *Ibid.*, h. 161.

¹⁶⁹ *Ibid.*, h. 162.

Sultan Iskandar Thani hanya memerintah kerajaan Aceh selama kurang lebih enam tahun sahaja yakni dari tahun 1636 hingga tahun 1641M. baginda digantikan oleh Sultanah Safiatuddin Tajul Alam (1641-1675M). Sultanah terlihat tidak mempunyai kebolehan untuk mentadbir kerajaan. Akhirnya baginda tidak mampu mengembalikan masa keemasan kerajaan Aceh dan kerajaan semakin lemah kerana banyak wilayah taklukannya memisahkan diri jadi hanya wilayah kerajaan Aceh meliputi Aceh sahaja. Begitu juga Sultan-Sultan selepas Sultanah sangat lemah tidak mampu untuk mengembalikan kejayaan dan kegemilangan kerajaan Aceh.¹⁷⁰

3.5. Kerajaan Johor

Kerajaan Johor telah berdiri sekitar abad ke-9 M. Saat itu, Johor telah berkembang menjadi bandar perdagangan yang cukup ramai. Kerana inilah, maka Johor kemudian menjadi perhatian kuasa besar yang ada di Nusantara Alam Melayu. Pada abad ke-14, Johor ditaklukkan oleh Majapahit. Ketika Majapahit mulai lemah muncul pula Malaka sebagai kekuatan baru pada abad ke-15. Ketika itu, Johor beralih penguasa, menjadi daerah kekuasaan Malaka. Selama satu abad lebih, Johor berada dalam kekuasaan Malaka, hingga datangnya pasukan Portugis menyerang dan menghancurkan Malaka. Sultan Mahmud melarikan diri ke Pahang, kemudian ke Bentan Johor. Kemudian Sultan Mahmud Shah menghimpun kekuatan dengan mengumpulkan sakibaki pasukannya. beberapa kali menyerang Malaka.

¹⁷⁰ *Ibid.*, h. 157.

Untuk mengatasi perlawanan Sultan Mahmud ini, pada tahun 1526, Portugis kemudian mengirim sepasukan tentara dengan kapal besar di bawah pimpinan Pedro Mascarenhaas untuk menyerang Bandar Bentan. Bentan ditakluki, Sultan Mahmud dikalahkan, kemudian lari ke Kampar, Riau. Di sinilah baginda mangkat.

Sultan Mahmud meninggalkan dua orang putera: Tengku Muzaffar Shah dan Tengku Alauddin Riayat Shah. Muzaffar Shah kemudian menjadi Sultan Perak, dan Alauddin Riayat Shah kembali ke Johor dan menjadi Sultan Johor yang pertama. Selanjutnya, Kerajaan Johor ini lebih dikenal dengan nama Kesultanan Johor-Riau-Lingga."

Silsilah:

Berikut ini silsilah para penguasa Kerajaan Johor:

1. Sultan Mahmud Shah I (1511-1528)
2. Sultan Alauddin Riayat Shah II (Raja Ali/Raja Alauddin) (1528-1564)
3. Sultan Muzaffar Shah II (Raja Muzafar/Radin Bahar) (1564-1570)
4. Sultan Abd. Jalil Shah I (Raja Abdul Jalil) (1570-1571)
5. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II (Raja Umar) (1570/71-1597)
6. Sultan Alauddin Riayat Shah III (Raja Mansur) (1597-1615)
7. Sultan Abdullah Ma'ayat Shah (Raja Mansur) (1615-1623)
8. Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) (1623-1677)
9. Sultan Ibrahim Shah (Raja Ibrahim/Putera Raja Bajau) (1677-1685)
10. Sultan Mahmud Shah II (Raja Mahmud) (1685-1699)
11. Sultan Abdul Jalil IV (Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil) (1699-

- 1720)
12. Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (Raja Kecil/Yang DiPertuan Johor)
(1718-1722)
 13. Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (Yang Dipertuan Besar Johor-Riau)
(1722-1760)
 14. Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah (1760-1761)
 15. Sultan Ahmad Riayat Shah (1761)
 16. Sultan Mahmud Shah III (Raja Mahmud) (1761-1812)
 17. Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (Tengku Abdul Rahman (1812-
1819)
 18. Sultan Hussain Shah (Tengku Husin/Tengku Long) (1819-1835)
 19. Sultan Ali (Tengku Ali, tapi tak diakui oleh Inggeris) (1835-1877)
 20. Raja Temenggung Tun Daeng Ibrahim (Seri Maharaja Johor) (1855-1862)
 21. Sultan Abu Bakar Daeng Ibrahim (Temenggung Che Wan Abu Bakar)
(1862-1895)
 22. Sultan Ibrahim bin Sultan Abu Bakar (1895-1959)
 23. Sultan Ismail bin Sultan Ibrahim (1959-1981)
 24. Sultan Mahmood Iskandar Al-Haj (1981)

Masa Pemerintahan kerajaan Johor bermula sejak runtuhnya Malaka pada tahun 1511, maka usia kerajaan ini telah mencapai 5 abad dengan 24 orang sultan. Wilayah Kekuasaan Johor ialah: Singapura, Riau dan Jambi. Struktur tertinggi kekuasaan di Johor berada di tangan sultan. Namun ada beberapa sebab, yang berkuasa adalah pihak asing ataupun bawahan yang lebih rendah, seperti

Tumenggung. Hal ini semata-mata disebabkan oleh kelemahan sultan. Untuk membantu pentadbiran kerajaan.

3.6. Kerajaan Siak

Ada beberapa pendapat tentang erti kata Siak, yang menjadi nama daripada sungai yang mengalir di Sumatera dan kemudian menjadi nama daripada sebuah Kerajaan yang diasaskan di tepi sungai Sumatera. Bahawa ada satu pendapat tentang erti *Orang siak*, orang yang dianggap ahli dalam agama Islam. Ada pula yang mengatakan Siak bererti pengurus-pengurus harian masjid.

Menurut Dr Syeikh Abdullah Ahmad, seorang ulama yang terkenal di Minangkabau (Wafat tahun 1934), mengatakan bahawa: “*orang-orang yang ahli dalam hal agama Islam, sejak dahulu sampai sekarang, disebut orang Siak*”.¹⁷¹ Sedangkan kalau mengikut, teori flora dan fauna tentang pemberian nama kerajaan dan raja-raja Siak dalam sejarah, maka nama Siak berasal daripada nama: “Rumput siak-siak”. Rumput siak-siak banyak terdapat di daerah ini.

Sedangkan khusus di daerah Riau, menurut Balai Pustaka yang menerbitkan sebuah majalah, diceritakan tentang empat penyebar Islam daripada negeri Arab yang turun ke negeri Bawah Angin. Mereka adalah: al-Syed Abdullah al-Kudsi, al-Syed Usman bin Syahabuddin, al-Syed Muhammad bin Ahmad Alaydrus dan al-Syed Husin al-Gadri. Mereka inilah yang berjaya menyebarkan Islam di Riau, Sumatera iaitu tepatnya pada kerajaan Siak.

¹⁷¹ Hamka (Prof Dr.) (1982), **Dari Perbendaharaan Lama**. c.2. Jakarta: Pustaka Panjimas, h. 172-173.

Pengasas Kerajaan Siak adalah Sultan Abdul Jalil Rachmat Shah atau dikenali dengan gelaran Raja Kecil. Kerajaan Siak ini diasaskan pada tahun 1723 M. Pada masa ini, masih terdapat fahaman animisme dan dinamisme sebagai warisan dari turun temurun mereka. Pengaruh Hindu-Budha pun dapat dijumpai pada ketika itu. Hal ini nampak pada tulisan-tulisan yang terdapat di Muara Takus dan Arca Ganesa.¹⁷²

Suku-suku yang terdapat pada Kerajaan Siak mengandungi tiga suku, iaitu: *pertama*, Suku Melayu bermukim di tanah datar, kemudiannya disebut Suku Tanah Datar. Suku Melayu ini merupakan suku majoriti yang dapat menerima pengaruh daripada luar dan suku ini terdapat di daerah Riau. *Kedua*, Suku Talang yang bermukim di Garonggong, kemudiannya disebut Suku Garonggong. Suku ini tidak menerima pengaruh daripada luar sehingga pindah ke pedalaman hutan, seperti: suku Sakai, suku Kutan dan sebagainya. *Ketiga*, Suku Laut yang bermukim di Talang, kemudiannya disebut suku Talang Mamak. Suku Laut ini adalah suku yang menerima sebahagian sahaja pangaruh luar, jadi suku ini agak sedikit tertutup dan suku ini terdapat di daerah Bengkalis.

Sebenarnya suku-suku yang terdapat pada Kerajaan Siak lebih kurang 73 Suku, akan tetapi 73 suku itu berasal daripada 3 suku tersebut di atas. Masing-masing suku memiliki daerah atau wilayah yang bersifat otonomi dan sepenuhnya di atur oleh Kepala Suku yang di sebut *Batin*. Batin ini di bantu oleh Dewan Suku yang di sebut Petiapan. Petiapan terdiri daripada: Tongkat yang

¹⁷²Suwardi Mohammad Samin (1970), **Peranan Kerajaan Siak Dalam Sejarah Nasioanl Indonesia**. Pekan Baru: Universitas Riau, h. 43.

menyiapkan kewajiban terhadap Sultan, Monti mengenai urusan adat dan Antan-antan sebagai pembantu Monti dan Tongkat apabila berhalangan.

Sultan tidak dapat ikut campur sesuka hatinya. Bentuk kehidupan masyarakat yang “Tradisional-Konvensional” ini adalah bersifat turun temurun. Istilah-istilah status sosial yang dapat dijumpai di Riau adalah:

1. *Tengku* menunjukkan berketurunan Raja.
2. *Al-Sayid/al-Syarif* menunjukkan keturunan ulama Islam.
3. *Datuk*, biasanya pemberian gelar kehormatan atas suatu jasa pada kerajaan.
4. *Encik*, untuk tingkatan masyarakat kebanyakan.¹⁷³
5. *Wan* dan *Ok*, keturunan Penghulu.

3.6.1. Nama-Nama Sultan Yang Memerintah Kerajaan Siak

Selama kewujudan Kerajaan Siak, 13 orang raja telah memerintah kerajaan tersebut. Senarai raja-raja yang pernah memerintah Kerajaan Siak adalah sebagai berikut:¹⁷⁴

1. Sultan Abdul Jalil Rachmat Syah (Almarhum Buntan), Sultan Siak I (1723 M – 1746 M)
2. Sultan Mohammad Abdul Jalil Jalaluddin Syah, Sulatn Siak ke II (1746 M – 1765 M)

¹⁷³ *Ibid.* h. 45.

¹⁷⁴ Muhammad Syamsu AS (1996), *Ulama Pembawa Islam Di Indonesia Dan Sekitarnya*. Jakarta: Penerbit Lentera, h. 27-28.

3. Sultan Ismail Abdul Jalil Jalaluddin Syah, Sultan Siak ke III, (1765 M – 1766 M)
4. Sultan Abdul Jalil Alamuddin Syah, Sultan Siak ke IV (1766 M – 1780 M)
5. Sultan Mohammad Ali Abdul Jalil Mu'azam Syah, Sultan Siak ke V (1780 M – 1782 M)
6. Sultan Yahya Abdul Jalil Muzafar Syah, Sultan Siak ke VI (1782 M - 1784 M)
7. Sultan al-Syaid al-Syarif Ali Abdul Jalil Syaifuddin, Sultan Siak ke VII (1784 M – 1810 M)
8. Sultan al-Syaid al-Syarif Ibrahim Abdul Jalil Khaliluddin, Sultan Siak ke VIII (1810 M – 1815 M)
9. Sultan al-Syaid al-Syarif Ismail Abdul Jalil Syaifuddin, Sultan Siak ke IX (1815 M – 1864 M)
10. Sultan al-Syaid al-Syarif Kasim I Abdul Jalil Syaifuddin, Sultan Siak ke X (1864 M - 1889M)
11. Sultan al-Sayid al-Syarif Hasyim Abdul Jalil Syaifuddin, Sultan Siak ke XI (1889 M– 1908 M)
12. Sultan al-Syaid al-Syarif Kasim II Abdul Jalil Syaifuddin, Sultan Siak ke XII (1908 M - 1946 M)

3.6.2. Wilayah Kekuasaan Kerajaan Siak

Wilayah kekuasaan Kerajaan Siak selama pemerintahannya, meliputi kurang 15 kerajaan. 15 kerajaan tersebut adalah sebagai berikut:¹⁷⁵

¹⁷⁵ Mahadi (1978), **Sejarah Perkembangan Hak-Hak Suku Melayu Atas Tanah Di Sumatera Timur Tahun 1800-1975**. Bandung: Penerbit Alumni, h. 45-46.

- | | |
|----------------------|-------------------|
| 1. Tana Putih | 9. Bangka |
| 2. Koeboe | 10. Bilah |
| 3. Pameh | 11. Kwaloe |
| 4. Assahan | 12. Bedageh |
| 5. Padang | 13. Serdang |
| 6. Portjoet | 14. Peban-goengan |
| 7. Delie | 15. Batubahara |
| 8. Langkat / Temiang | |

Ada daerah Tapung yang terdiri dari dua persekutuan, yaitu Tapung Kiri dan Tapung Kanan, melakukan perjanjian damai dengan kerajaan Siak. Jadi kerajaan Siak juga pernah beberapa kali melakukan perluasan wilayah hingga ke Kedah dan Pahang, namun gagal merebut negeri-negeri itu. Siak juga pernah menyerang kerajaan Sambas di Kalimantan Barat dan berjaya menguasai negeri itu untuk beberapa lama.

Diantara 15 kerajaaan yang menjadi wilayah kekuasaan Kerajaan Siak tersebut di atas, salah satunya adalah Kerajaan Melayu Batubara. Oleh itu, Kerajaan Melayu Batubara merupakan suatu kerajaan yang terletak jauh dari wilayah Siak namun tetap berada di bawah kekuasaan Kerajaan Siak. Dengan itu, Kerajaan Melayu Batubara mempunyai hubungan erat dengan kesultanan Siak, atas jasa para Panglima Melayu Batubara sebelumnya. Diantara kerajaan-kerajaan dibawah kekuasaan Sultan Siak ada yang diwajibkan untuk membayar upeti¹⁷⁶ kepada Kerajaan Siak.¹⁷⁷

¹⁷⁶ Upeti dalam pengertian umum dimaksudkan sebagai pemberian yang diberikan oleh seseorang terhadap raja. Upeti/ufti dapat berupa pemberian yang mengingatkan, iaitu kewajiban memberikan

Sebelum berdirinya kerajaan Melayu Batubara pada tahun 1723 M. dengan sistem ber-Datuk dan Bendahara dibawah kekuasaan Sultan Siak, sudah ada kerajaan yang teguh dibawah kekuasaan panglima-panglima Melayu, oleh demikian Batubara pernah membayar upeti kepada Kerajaan Haru dan Kerajaan Johor – Riau.

Oleh itu, pemberian upeti Kerajaan Melayu Batubara kepada Kerajaan tersebut adalah merupakan suatu pemberian atas dasar kesetiaan disebabkan Kerajaan Melayu Batubara dibawah perlindungan Kerajaan berkenaan. Dengan upeti itu, secara tidak langsung kerajaan yang menjadi pelindung bagi kerajaan-kerajaan lain akan menjadi bertambah kaya dan kekayaan itu jatuh ketangan raja.

Setelah Sultan Abdul Jalil Rachmat Syah menaiki takhta kesultanan Johor, dengan bantuan Panglima-panglima Melayu Batubara dan orang-orang Minangkabau, Sultan tidak melupakan jasa para Panglima itu dengan begitu sahaja, maka diperakuilah kerajaan Melayu Batubara dengan sistem Datuk-datuk dan Bendahara oleh Sultan Siak dan mengangkat para Raja Batubara (Datuk-datuk) ini menjadi Orang Besar Kerajaan Siak, menduduki Dewan Kerajaan Siak.

Menurut sejarah Batubara, asal mula berdirinya Kerajaan ber-Datuk di Batubara adalah kerana pengiktirafan Sultan Abdul Jalil Rachmat Syah kepada Panglima - panglima Batubara dengan balatenteranya yang berjaya menyerang Johor. Mereka adalah Panglima dari Lima Laras, Liama Puluh, Pesisir Dahari,

sesuatu barang terhadap raja atas dasar kesetiaan (royaliti) kerana yang bersangkutan ada dalam perlindungan raja

¹⁷⁷ Marwati Djoened Poesponegoro & Nugroho Notosusanto (1984), **Sejarah Nasional Indonesia III**, c.3, Jakarta: Balai Pustaka, h. 324.

Tanah Datar, Kuala Tanjung, Pagurawan dan lain-lain. Walaupun Kerajaan Melayu Batubara tidak membayar upeti kepada Kerajaan Siak, tetapi atas kerjasama yang baik dan keamanan yang terjamin dan politik yang stabil, akhirnya Kerajaan Siak semakin maju dan kayaraya.

3.6.3. Masa Kemajuan Kerajaan Siak

Dengan kemajuan dan kekayaan tersebut, maka Kerajaan Siak menjadi makmur, kuat dan sejahtera. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan Kerajaan Siak selama dua abad lebih, iaitu mulai diasaskan sejak tahun 1723 M sehingga tahun 1945 M. Kerana sejak Sultan Siak pertama, Siak sudah membuka hubungan dagang dengan beberapa negeri luar, seperti Turki, Arab dan Mesir.

Disamping itu, Siak juga menjaga hubungan baik dengan negeri tetangga. Sepanjang berdirinya, kerajaan Siak tak pernah henti berjuang melawan penjajah Belanda. Di antara peperangan yang paling terkenal adalah Perang Guntung, di mana Kerajaan Siak berhasil menghancurkan kekuatan perang Belanda. Namun pada akhirnya Belanda berjaya menguasai Siak, tapi dengan tipu muslihat dan memecah belah bukan dengan kekuatan senjata

3.6.4. Masa Berakhirnya Kerajaan Siak

Pada tahun 1945 M, masa itu dipimpin oleh Sultan al-Sayid al-Syarif Kasim II Abdul Jalil Syaifuddin. Pada masa itu Negara Indonesia mengisytiharkan kemerdekaannya, pada tarikh 17 Ogos 1945 M. Sultan Kasim II

menyerahkan kekuasaannya dan bergabung dengan Negara Republik Indonesia. Dan sejak daripada itulah Kerajaan Siak dan Kerajaan Melayu Batubara dalam sistem pemerintahannya sudah tidak wujud lagi, sehingga sampai masa sekarang.

3.7. Kerajaan Melayu Batubara

Kerajaan Melayu Batubara diasaskan pada tahun 1723 M, dibawah kekuasaan Kerajaan Siak yang dipimpin oleh Sultan Abdul Jalil Rachmat Syah atau yang lebih dikenali dengan sebutan Raja Kecil. Kerajaan Melayu Batubara adalah salah satu diantara kerajaan-kerajaan Islam yang pernah wujud di daerah Sumatera Utara. Sebelum ini Batubara pernah dibawah kekuasaan Sultan Aceh pada masa pemerintahan Sultan Jamiulalam Badrul Alam Munir, Bermula Ogos 1703 dengan pemerintahan yang adil. Beliau melepaskan kekuasaannya setelah panglima-panglima Melayu Batubara memberontak dari Aceh¹⁷⁸.

Kerajaan ini mempunyai sejarah yang panjang, kewujudan Kerajaan Melayu Batubara, selain atas kekuasaan Kerajaan Siak, juga atas jasa panglima-panglima Melayu Batubara yang turut serta menyerang Kerajaan Johor untuk membantu Raja Kecil menaiki tahta dan ulama juga mempunyai peranan dalam kewujudan Kerajaan Melayu Batubara.¹⁷⁹

Mengikut Datuk Azman Syah¹⁸⁰ bahawa ketika Raja Kecil mahu menyerang Kerajaan Johor, beliau mendapatkan bantuan daripada masyarakat

¹⁷⁸ Tengku Luckman Sinar (1989), **Lintasan Sejarah Batubara, Diskusi Sejarah Di Simpang Dolok**, T.T: T.P., h. 2

¹⁷⁹ De Barros III, dalam Title, **“De Europeers i.d. Maleischen Archipel”**. BKI 1877 p.402, h.87.

¹⁸⁰ Temu bual dengan Datuk Azman Syah Ibni al-Marhum Datuk Abdul Ghani Ibni al-Marhum Datuk Muhammad Yoeda, Kisaran, pada 21 Mei 2007.

Sumatera, seperti Minangkabau dan panglima-panglima Melayu Batubara. Dengan terjadinya peperangan tersebut pada akhirnya Raja Kecil menang dan menjadi Raja pada Kerajaan Johor-Riau. Sedangkan mengikut Datuk Muhammad Imin Syah¹⁸¹ mengatakan bahawa Raja Kecil ini keturunan daripada Raja Johor, iaitu Sultan Mahmud Syah II. Oleh sebab itu, beliau menyerang Kerajaan Johor mahu menuntut hak sebagai Raja Johor.

3.7.1. Sistem Kerajaan Batubara

Dalam sejarah asal mula penduduk yang bertempat pada Kerajaan Melayu Batubara terdapat lima suku¹⁸² yang telah wujud. Suku tersebut adalah:¹⁸³

- 1.Suku Lima Laras
- 2.Suku Tanah Datar
- 3.Suku Pesisir
- 4.Suku Lima Puluh
- 5.Suku Bogak

Lima suku ini, masing-masing dipimpin oleh seorang Datuk yang memimpin wilayah daerah tertentu. Setiap Datuk kepala suku mendapat pengesahan daripada Sultan Kerajaan Siak. Hal ini disebabkan, Kerajaan Melayu Batubara merupakan bahagian daripada Kerajaan Siak. Sedangkan

¹⁸¹ Hasil Temubual dengan Datuk Muhammad Imin Syah Ibni al-Marhum Datuk Abdul Ghani Ibni al-Marhum Datuk Seri maharaja Indra Muhammad Yoeda, Lima Laras, pada pukul 2.30-3.30am, 30 Mei 2007, Di Rumahnya Dekat Istana Kerajaan Melayu Batubara.

¹⁸² Pengertian suku disini bukan bermakna etnis, tetapi menurut istilah Melayu adalah bahagian.

¹⁸³ *Majalah Bias* (Edisi Januari 2007), No. 99 Tahun Ke-IV, h. 2.

untuk mewakili Kerjaan Siak, maka ditunjuklah Bendahara yang mewakili Datuk-datuk di seluruh daerah Batubara secara turun-temurun.

3.7.2. Kerjaya Masyarakat Batubara

Iklim wilayah Batubara beriklim tropis, dengan temperatur udara antara 23 – 27 C dan curah hujan rata-rata 1.702 mm setiap tahun. Ketinggiannya dengan permukaan laut antara 0 – 80 m. Permukaan bumi rata-rata datar dan landai, permukaan semacam ini disebabkan wilayahnya berada pada wilayah tepi pantai. Dengan iklim tersebut, maka wilayah Batubara merupakan wilayah atau daerah subur yang sesuai bagi pertanian.

Bahkan sebelum diasaskannya Kerajaan Melayu Batubara, iaitu pada abad ke-16 lagi, masyarakat Batubara sebahagian besar berkerjaya sebagai petani dan nelayan. Selain berkerjaya sebagai petani, masyarakat Batubara pada masa itu sebahagiannya lagi berkerjaya sebagai pedagang. Tradisi kerjaya semacam itu, diwariskan secara turun-temuran hingga berabad-abad lamanya.¹⁸⁴

Mengikut Nek Ingah¹⁸⁵ mengatakan bahawa Batubara merupakan daerah yang iklim dan cuacanya bagus bagi bercocok tanam atau bertani. Ini merupakan suatu anugerah daripada Allah s.w.t. bagi masyarakat Batubara. Sejak daripada dahulu lagi, masyarakat Batubara majoritinya bertani dan nelayan sebagai kerjayanya, sebahagian yang lain berdagang. Pada masa mula diasaskannya

¹⁸⁴ *Ibid.* h. 2-3.

¹⁸⁵ Temu bual dengan Nek Ingah Pada Pukul 11.30-13am, Pada 7 juni 2007 Di Rumahnya Medan Sumatera Utara.. Beliau merupakan saksi hidup tentang Kerajaan Melayu Batubara. Beliau sekarang berusia 121 Tahun. Ketika penulis temu bual dengan beliau, menanyakan tentang nama pedagang tempatan yang bekerjasama dengan pedagang Arab, beliau menjawab tak ingat nama pedagang tersebut.

kerajaan Melayu Batubara para pedagang tempatan melakukan kerjasama dengan para pedagang luar di Sumatera, Jawa, Pattani dan Semananjung Tanah Melayu, terutamanya Melaka dan Pulau Pinang, bahkan dengan pedagang Arab.¹⁸⁶

3.7.3. Sistem Pemerintahan Kerajaan Batubara

Sistem pemerintahan pada Kerajaan Melayu Batubara pada masa ini adalah Kerajaan Datuk-Datuk dan Bendahara. Menurut Datuk Muhammad Azmin¹⁸⁷ gelaran Datuk di Batubara tidak sama dengan gelaran Datuk ditempat lain oleh kerana Datuk di Batubara adalah seorang Raja yang mempunyai kekuasaan mutlak dikerajaanya sebagaimana Raja-raja atau Sultan ditempat lain, ini adalah *siasah* atau *strategi* Sultan Siak bahawa Raja Batubara itu di bawah kuasa Baginda, jika Batubara pun memakai gelaran Sultan nampak menyamai kedudukan Beliau.

Adapun Datuk-Datuk yang menjadi raja di Batubara mereka ikut dalam pentadbiran Kerajaan Siak, mereka dilantik menjadi Orang Besar Kerajaan Siak bagi menganggotai *Dewan Kerajaan* sebagai pelaksana pemerintahan dan penasihat utama Sultan. Orang-Orang Besar itu adalah:

¹⁸⁶ Pada masa sekarang ini, masa yang serba canggih dan moden, terdapat pada wilayah Batubara beberapa sektor industri daripada Jepun seperti kilang aluminium di Kuala Tanjung, yang merupakan kilang yang terbesar di wilayah Asia Tenggara. Oleh itu, penduduk tempatan selain berkerjaya sebagai petani, nelayan dan berdagang juga berkerjaya sebagai kerani industri, perkebunan dan sebagainya.

¹⁸⁷ Temu bual dengan Datuk Azman Syah Ibni al-Marhum Datuk Abdul Ghani, Lima Laras, Tanjung Tiram, Pada 21 Mei 2007.

Datuk Lima Puluh.

Datuk Tanah Datar.

Datuk Pesisir .

Datuk Lima Laras.

Oleh kerana, Kerajaan Batubara dibawah kekuasaan Kerajaan Siak, maka Kerajaan Siak mengangkat Bendahara sebagai wakilnya yang ditugaskan pada Kerajaan Melayu Batubara. Sedangkan dibawah Bendahara terdapat sebuah Dewan yang anggota-anggotanya dipilih oleh Datuk-datuk. Untuk mengisi jawatan sebagai: *Syahbandar*, *Jurutulis*, *Mata-mata* dan *Penghulu Batangan*.

Adapun kedudukan masing-masing anggota tersebut sebagai berikut:¹⁸⁸

1. *Syahbandar*. Syahbandar ini dipilih dari orang yang berasal daripada suku Tanah Datar.
2. *Juru Tulis*. Juru tulis ini dipilih dari orang yang berasal daripada suku Lima Puluh.
3. *Mata-mata*. Mata-mata ini dipilih dari orang yang berasal daripada suku Lima Laras.
4. *Penghulu Batangan*. Penghulu Batangan ini dipilih dari orang yang berasal daripada suku Pesisir.

¹⁸⁸ Majalah Bias (2007), *op. cit.*, h. 2.

Menurut catatan John Anderson, seorang utusan dari Gabenor Inggris di Pulau Pinang ketika mengunjungi Batubara pada tahun 1823, mengatakan: kedudukan Datu-Datuk Batubara adalah raja mutlak di wilayah kekuasaannya. Walaupun para Datuk dan wilayah Batubara dibawah perintah Sultan Siak tetapi mereka seolah-olah negeri merdeka. Mereka menerima cukai *import* dan *eksport*, mereka membuat perjanjian dagang sendiri dengan Inggris dan menghukum serta membuat undang-undang sendiri untuk rakyat mereka.¹⁸⁹

Sedangkan gelaran Datuk Batubara yang disahkan oleh Sultan Siak adalah, sebagai berikut:

1. Datuk Lima Puluh, dengan gelaran, “*Sri Bejuangsa*”.
2. Datuk Tanah Datar, dengan gelaran, “*Sri Pekerma Raja*”.
3. Datuk Pesisir, dengan gelaran, “*Maharaja Semu Wangsa*”.
4. Datuk Lima Laras, dengan gelaran, “*Laksamana Raja Di Laut*”.

3.7.4. Sistem Pentadbiran Kerajaan Batubara

Setelah Islam berkembang pada Kerajaan Melayu Batubara, perubahan demi perubahan telah berlaku ke atas kerajaan ini, terutama daripada aspek sistem pentadbiran kerajaan. Kerajaan Melayu Batubara merupakan kerajaan yang di bawah kuasa Kerajaan Siak, maka sistem pentadbiran Kerajaan Melayu Batubara adalah sama dengan Kesultanan Siak iaitu berbentuk konfederasi. Konfederasi adalah gabungan dari beberapa

¹⁸⁹ *Ibid.*, h. 4.

negara yang dibentuk untuk mengatur kepentingan bersama atau gabungan beberapa kelompok atau organisasi.¹⁹⁰

Setiap negeri yang wujud adalah merupakan negara bahagian yang diketuai oleh raja setempat secara turun-temurun, sedangkan yang menjadi pusat pemerintahan berkedudukan pada raja yang paling tua di antara raja-raja yang wujud. Bagi pemegang kedudukan ini disebut sebagai Pandewa Lima.¹⁹¹

Bagi kerajaan Melayu Batubara, kedudukan raja bukan sahaja sebagai ketua pemerintahan atau ketua adat, akan tetapi juga sebagai pemimpin agama Islam atau Ulul Amri atau Khalifatullah.¹⁹² Oleh kerana kedudukan raja sebagai ketua agama, maka ianya didampingi oleh seorang ulama yang terkemuka di dalam negerinya yang bertindak sebagai Qadi atau Mufti serta penasihat bagi Raja. Di antara mufti kerajaan Batubara yang terkenal adalah Tuan Syeikh Muhammad Zain Nuruddin (Tasak), Tuan Syeikh Abdurrahman (Silau) dan Tuan Syeikh Al-Haj Muhamad Nur dlln.

Dalam sistem pemerintahan Batubara, raja adalah sebagai pemimpin tertinggi yang merangkap sebagai pemimpin agama dan ketua adat di seluruh wilayah kerajaannya. Raja dan para pembesar dalam pemerintah adalah sebagai tonggak atau pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan terhadap Allah SWT, dan terhadap rakyat yang diperintahannya, sama ada

¹⁹⁰ Bambang Marhiyanto(t.t.),**Kamus Lengkap Bahasa Indonesia**.Surabaya:Media Centre,h. 324.

¹⁹¹ Tengku Adamsyah (t.t), **Butir-Butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur**. Medan: Yayasan Karya Budaya Nasional, h. 20.

¹⁹² Lukman Sinar (1973), **Sejarah Kebudayaan Suku-Suku Di Sumatera Utara**. Medan: Satgas Mabmi, h. 15.

mengenai masalah keagamaan, adat, budi pekerti, akhlak mahupun masalah kecerdasan.

Kerajaan Melayu Batubara merupakan kerajaan Islam aliran *ahlussunnah wal jama'ah* yang bermazhab Syafie. Ianya yang mengutamakan muafakat dalam menjalankan pemerintahan sehari-hari. Dalam konsep ini raja dianggap sebagai “*Zillullah Fil Ard*”, iaitu sebagai wakil Allah SWT di dunia. Oleh itu, raja dianggap sebagai ketua pemerintahan atau penguasa Islam dan penguasa adat. Pemberontakan terhadap raja dianggap sebagai perosak dan menderhaka terhadap pemerintahan Islam. Oleh sebab itu, perosak dan penderhaka boleh dikenakan hukuman yang berat daripada pihak yang berkuasa, iaitu raja.¹⁹³

Mengikut Yohanan Bahar¹⁹⁴ mengatakan Kerajaan Melayu Batubara sebagai sebuah kerajaan Islam, rakyat diberikan kebebasan untuk membantah ke atas kezaliman yang dilakukan oleh raja atau sultan. Perkara ini harus diterima dan didengarkan oleh pihak penguasa agar keadilan terhadap rakyat dapat terlaksana dengan baik. Cara seperti ini telah termaktub di dalam pepatah berikut: “*Raja adil Raja disembah, Raja zalim Raja disanggah*”. Pepatah ini memperlihatkan, bahawa masyarakat Melayu Batubara mempunyai kebebasan hak daripada kerajaan dan hal ini merupakan suatu asas bagi pemerintahan Islam.

¹⁹³ *Ibid.*, h. 18.

¹⁹⁴ Temu bual dengan Bapak Yohanan Bahar Pada Pukul 9.15am-11am Pada 10 Ogos 2008 Di Pejabat Wilayah Pendidikan Dan Kebudayaan Sumatera Utara. Beliau merupakan bekas pengerusi bahagian kebudayaan Sumatera Utara.

Raja sebagai seorang yang memimpin dan mengatur urusan pemerintahan, tidak bertindak sebagai seorang penguasa yang diktator. Akan tetapi, beliau lebih kepada perbincangan dan permesyuaratan sesuai seperti yang dijalankan sesebuah pemerintahan Islam. Raja atau Sultan sangat rapat dengan para pengetua agama dan adat, jika beliau ingin menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan masalah agama, maka beliau perlu berbincang dengan para ulama, sedangkan jika masalah itu berkaitan dengan masalah adat, maka sultan perlu berbincang dengan lembaga adat seperti Datuk Empat Suku.

Pelaksanaan seperti tersebut di atas, sejalan dengan ciri-ciri pemerintahan Islam yang berasaskan kepada mesyuarat dan perbincangan bagi memecahkan suatu masalah, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran, sebagai berikut:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣٨﴾

Surah al-Shura (42): 38.

Maksudnya:

“Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang Yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang Dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya”.¹⁹⁵

Dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman dalam al-Quran, iaitu:

¹⁹⁵ Abdullah Bin Muhammad Basmi (t.t.), **Tafsir Al Rahman**. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, h. 132

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا
 مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا
 عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

surah Ali- 'Imran (3):159

Maksudnya:

“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan Yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila Engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya”.¹⁹⁶

3.8. Perkembangan Kerajaan Melayu Batubara Dari Masa Awal Sampai

Menjelang Tahun 1945

Pada permulaan bagi penempatan orang-orang Melayu di Batubara sebagai penduduk asal (*pribumi*) dan sebelum ditubuhkan Kerajaan Melayu Batubara, didapati bahawa masyarakat tempatan telah terpengaruh dengan anutan serta fahaman animisme dan dinamisme. Fahaman ini merupakan satu-satunya fahaman yang mempengaruhi masyarakat tempatan. Sehingga mencampur adukkan dalam sistem kehidupan sehari - harian di daerah ini. Fahaman ini terus berkembang turun-temurun daripada satu generasi ke generasi berikutnya. Fahaman semacam

¹⁹⁶ *Ibid.* h. 1062.

ini bukan setakat di daerah Sumatera sahaja, akan tetapi hampir di seluruh wilayah kepulauan Nusantara.¹⁹⁷

Pada perkembangan selanjutnya, dengan wujudnya perdagangan antarabangsa khususnya antara kepulauan nusantara Alam Melayu dan India, maka terjadilah proses percampuran budaya.¹⁹⁸ India sebagai negara yang masyarakatnya beragama Hindu dan Budha, mereka selain berdagang juga menyebarkan agamanya pada masyarakat Sumatera pada khususnya dan masyarakat yang berada di gugusan kepulauan Nusantara.

Pengaruh ajaran Hindu dan Budha memberikan kesan yang tersendiri kepada masyarakat Sumatera, khususnya kepada golongan atasan seperti raja-raja, keturunan bangsawan dan pembesar istana, mula terpengaruh dan menjadikannya adat istiadat agama tersebut. Hal ini memberikan pengaruh terhadap sistem kerajaan, iaitu sistem beraja mengikut budaya Hindu. Pengganti raja dipilih berdasarkan kepada keturunan anak lelaki yang sulung.¹⁹⁹

Setelah kerajaan Siak menjadikan agama Islam sebagai teras dalam pentadbiran kerajaannya dan ia juga merupakan kerajaan yang berkuasa pada kerajaan Batubara, tentunya segala perkembangan yang berlaku pada kerajaan Siak sudah tentu akan mempengaruhi juga terhadap perkembangan kerajaan Batubara. Dalam sejarah diasaskannya kerajaan Siak, seluruh raja-raja yang

¹⁹⁷ Lihat: Marwati Djoened Poesponegoro & Nugroho Notosusanto (1984), **Sejarah Nasional Indonesia I**. Jakarta: Balai Pustaka, h. 1-34.

¹⁹⁸ Lihat: Edi S Ekadjadi (1975), **Penyebaran Agama Islam Di Pulau Sumatera**. Jakarta: P.T. Sanggabuana, h. 7.

¹⁹⁹ Wan Abdul Kadir (1973), **Beberapa Aspek Masyarakat Dan Budaya Melayu**. Petaling Jaya: Masfahmi Enterprise, h. 117.

berkuasa adalah beragama Islam. Selama kekuasaanya, masjid dan surau banyak diasaskan di kawasan Riau, Batubara dan sekitarnya. Tidak ada satupun tempat ibadah agama lain yang berdiri di kawasan Riau, Batubara dan sekitarnya, selain daripada masjid. Dengan itu, maka nampaklah bahawa perkembangan Islam pada masa itu sangat memberangsangkan..

3.8.1. Kerajaan Batubara Pada Masa Penjajahan Belanda

Pada tahun 1865 M, kerajaan Melayu Batubara dipimpin oleh Datuk Haji Muhammad Djakfar sebagai Raja yang ke-10. Beliau dinobatkan oleh raja kerajaan Siak, iaitu Sultan al-Sayid al-Syarif Kasim I Abdul jalil Syaifuddin. Datuk Haji Muhammad Djakfar merupakan seorang raja yang ditakuti Belanda. Ketakutan Belanda terhadap Datuk Haji Muhammad Djakfar disebabkan tidak mahu bekerjasama dengan Belanda, dan mengatakan bahawa Belanda adalah penjajah dan kafir.

Pada masa pemerintahan beliau pernah terjadi perlawanan dengan pasukan Belanda. Disepanjang pantai wilayah kerajaan Batubara selalu dipancang atau dipasang bendera Inggeris untuk menakuti Belanda. Belanda jelas tidak mahu berkonflik atau bergaduh secara terbuka dengan Inggeris. Pada tahun 1883 M, beliau mangkat dan digantikan oleh anaknya, iaitu Datuk Muhammad Yoeda.²⁰⁰

²⁰⁰ **Majalah Ummat**, (8 Julai 1996), No. I Thn. II. h. 54.

Sejak tahun 1883 M, kerajaan Melayu Batubara dipimpin oleh Datuk Muhammad Yoeda sebagai raja yang ke-11. Beliau dinobatkan oleh raja kerajaan Siak, iaitu Sultan al-Sayid al-Syarif Kasim I Abdul Jalil Syaifuddin. Datuk Muhammad Yoeda sebelum menjadi raja, beliau suka berbisnes atau berdagang ke Semenanjung. Selepas menjadi raja, beliau tetap berdagang terutamanya ke Malaysia. Beliau berdagang rempah-rempah dan kayu balak.

Ketika Datuk Muhammad Yoeda mahu pergi berdagang ke Johor atau tempat-tempat lainnya di kepulauan semenanjung, beliau berniat jika dapat untung besar, beliau akan membangun Istana. Akhirnya niat beliau terkabul, berdagang ke kepulauan semenanjung mendapatkan keuntungan yang besar dan kemudian kembalinya ke Batubara, pada tahun 1907 M, beliau minta sokongan rakyat untuk membangun Istana Lima Laras²⁰¹ dan ada 50 orang pakar membantu membangun istana tersebut. Istana Lima Laras merupakan bangunan unik dan menarik sebagai peninggalan sejarah dan ianya adalah aset yang berharga bagi Umat Melayu Batubara khususnya.²⁰² Pada masa sekarang istana Lima Laras dijadikan sebagai objek wisata atau pelancongan..

Selanjutnya, 50 orang lelaki itu dibantu 5 orang turunan China pakar bangunan daripada Malaysia dan juga cina tempatan daripada Tanjung Tiram dan Tanjung Balai untuk membantu pembinaan Istana Lima Laras, sedangkan semua ukiran dan desain istana dibuat sendiri oleh Datuk Muhammad Yoeda. Menurut Datuk Muhammad Azmin Syah.²⁰³ Tujuan Raja ngumpulkan rakyat

²⁰¹ Ismail bin Tahir (t.t), **Lintasan Sejarah Batu Baro**. Kuala Lumpur, Malaysia 1956 -1997, h.12

²⁰² **Surat Kabar Waspada**, 2 Oktober 2010

²⁰³ Hasil temu bual dengan Datuk Azman Syah pada, 21 Mei 2007 Di Istana Kerajaan Batubara.

jelata adalah untuk membuat ukiran-ukiran sesiapa yang paling cantik ukirannya, ukiran dibuat dipelepah batang rumbia, mengikut kepakaran masing-masing, setelah itu ditapis dan dipilih antara ukiran-ukiran yang menarik dan cantik sesuai cita rasa Raja, kemudian dipindahkan kepada kain putih untuk ditebuk. Tukang ukir yang pakar ketika itu diketuai oleh Tuk Ingah Lombik (dinobat sebagai tukang ukir Istana).

Pada tahun 1912 M, istana Lima Laras²⁰⁴ siap dibangun. Pembangunan istana tersebut memerlukan masa lima tahun untuk siap. Istana Lima Laras ini bangunan yang cantik dan unik. Seluas 100 X 100 M. bangunan bersaiz 30 X 60 M. terbuat daripada kayu pilihan dari Malaysia, memiliki 14 bilik, bertingkat 3. tingkat 1 terdapat 3 bilik untuk pegawai dan gudang. Tingkat 2 terdapat 9 bilik untuk anak dan istrinya, sedangkan tingkat 3 terdapat 2 bilik untuk tetamu. Ditingkat 3 terdapat sebuah ruang pertemuan rutin Datuk Muhammad Yoeda dengan para pembantunya, iaitu: Datuk Inderapura (berkedudukan di Inderapura, 30 km dari Lima Laras), Datuk Lima puluh (di Lima Puluh, 20 km dari Lima Laras), Datuk Pesisir (di Batubara, 10 km), dan Datuk Tanah Datar (di Tanah Datar, 15 km). Istana Lima Laras diperkukuh dengan 63 tiang batu berjari-jari 80 cm dan tinggi 3 m. tiang tersebut tak pakai konkrit, hanya batu-batu yang tersusun. Kemudian di setiap dinding dan bilik dihiasi ukir-ukiran cantik, yang dibuat sendiri oleh Datuk Muhammad Yoeda.

Menurut Ibrahim Noni bahawa ukiran yang terdapat pada bangunan istana Lima Laras bermotifkan ukiran corak Melayu dan Islam. Ditambah pula

²⁰⁴ Lihat, Majalah Ummat (1996), *op. cit.* h. 54.

sedikit ukiran-ukiran didinding istana dengan motif perpaduan budaya, seperti Malaysia dan Siam (Patani).

Bersamaan dengan pembangunan istana, Datuk Muhammad Yoeda juga membangun sebuah masjid di sebelah istana itu. Beberapa tahun kemudian, masjid itu dipindahkan dan dibangun lagi berhadapan dengan istana Lima Laras, di sebelah jalan. Masjid ini lebih besar dari yang pertama dan diutamakan demi kemaslahatan umat Islam. Bagi tetamu yang datang atau orang kenamaan yang dijemput Datuk Muhammad Yoeda, sebelum masuk istana, mestilah singgah ke masjid itu terlebih dulu.

Melihat kemajuan kerajaan Melayu Batubara penjajah Belanda mulai mendekati Datuk Muhammad Yoeda, tetapi beberapa kali beliau menolak kerjasama. Beliau berkata, "*Rakyat kami tak mahu tunduk dengan orang kafir seperti Belanda. Kami hanya ikut perintah Sultan Siak*". Menurut Rahmah ketika Datuk Muhammad Yoeda memimpin kerajaan Melayu Batubara kehidupan rakyatnya cukup makmur. Sebulan sekali, rakyat dijemput ke istana, setelah lebih dahulu berkumpul di masjid. Selepas makan bersama, mereka dibagi nasihat oleh Datuk Muhammad Yoeda tentang perlunya melawan kafir penjajah Belanda. Selepas itu, beliau memberikan wang dan bahan makanan serta buku-buku Islam.²⁰⁵

Mengikut Datuk Azman Syah mengatakan bahawa ketika kerajaan Melayu Batubara dipimpin oleh Datuk Muhammad Yoeda, rakyat hidup aman

²⁰⁵ *Ibid.* h. 55-56.

dan makmur, sehingga terjalin kemesraan antara raja dan rakyatnya. Akan tetapi kemesraan tersebut tidak berlangsung lama, sebab pada 3 Juni 1919 M, beliau mangkat. Baginda menjadi raja selama 36 tahun, walau hanya memimpin selama 36 tahun pengaruhnya cukup hebat dan ditakuti Belanda. Belanda menyebut Istana Lima Laras dengan gelaran istana Merah.²⁰⁶

Datuk Muhammad Yoeda yang mendapatkan gelaran, “*Raja Sri Diraja*” mempunyai 12 anak, 9 lelaki dan 3 perempuan. Anak-anaknya tersebut adalah: Datuk Abdul Ghani, Datuk Abdul Rahman, Datuk Abdul Rasyid, Datuk Muhammad Danil, Datuk Abdul Jamil, Datuk Muhammad Saleh, Datuk Muhammad Ilyas, Datuk abdullah Halim, Datuk Ahmad, Cik Alang Sofia, Cik Zuteh dan Cik Nor. Mereka semua telah meninggal dunia.

Selepas Datuk Muhammad Yoeda mangkat, dinobatkanlah anak sulungnya sebagai Putera Mahkota bagi pewaris takhta iaitu Datuk Abdul Ghani. Namun kebencian Belanda terhadap ayahandanya Datuk Muhammad Yoeda yang tidak mahu bekerjasama dan mengkafirkan Belanda, pihak Belanda berusaha menghalangnya untuk dinobatkan sebagai pewaris istana dengan alasan bahawa Datuk Abdul Ghani adalah anak raja yang derhaka kepada Belanda.

Maka Datuk Abdul Ghani diganti oleh Datuk Suku Dua sebagai raja yang ke-12. Beliau dinobatkan oleh raja kerajaan Siak, iaitu Sultan al-Sayid

²⁰⁶ Temu bual dengan Datuk Azman Syah Ibni al-Marhum Datuk Abdul Ghani Ibni al-Marhum Datuk Sri Diraja Muhammad Yoeda, Kisaran, pada 21 Mei 2007.

al-Syarif Kasim II Abdul Jalil Syaifuddin. Sebagai raja terakhir, Datuk Suku Dua meneruskan kepemimpinan Datuk Muhammad Yoeda, dengan kebijakan tak mahu berkerjasama dengan penjajah Belanda. Kebijakan semacam itu, merupakan perintah daripada Raja Siak, iatu Sultan Kasim II, sebagai raja yang berkuasa pada kerajaan Melayu Batubara.

Pada masa penjajahan bangsa Jepun, Sultan Kasim II membuat tindakan berani, iaitu berusaha menegah rakyat Siak, Batubara dan sekitarnya dibawa kerja paksa oleh Jepun dan berjaya menyelamatkan rakyatnya daripada kerja paksa.²⁰⁷

3.8.2. Kerajaan Batubara Menjelang Tahun 1945

Ketika Indonesia mengisytiharkan kemerdekaannya pada, 17 Ogos 1945 M. Pada bulan November 1945 Sultan Kasim II mengirim utusannya kepada presiden Republik Indonesia, iaitu Soekarno menyatakan kesetiaannya kepada pemerintah Republik Indonesia.

Sultan Kasim II menyumbang harta kepada Republik Indonesia untuk biaya Revolusi Kemerdekaan. Sumbangan tersebut adalah: sebuah mahkota kerajaan dari emas yang bertahtakan batu permata, sebuah pedang kerajaan, sebuah kereta sedan, dan barangan perhiasan dari emas, intan dan batu permata yang semuanya harganya kira-kira Ned. F. 13.000.000. (13 juta golden).

²⁰⁷Muhammad Syamsu AS (1996), **Ulama Pembawa Islam Di Indonesia Dan Sekitarnya**. Jakarta: Penerbit Lentera, h. 30-31.

Dengan demikian terlihat bahawa Sultan Kasim II telah mempercepat proses kemerdekaan dan kesatuan wilayah Republik Indonesia secara ikhlas dan sadar akan erti kemerdekaan bagi bangsa Indonesia. Sampai akhir hayat Sultan Kasim II, sebagai Sultan Siak terakhir. Selepas menyerahkan Kerajaan Siak pada wilayah Republik Indonesia, maka berakhirlah kerajaan Siak, kerajaan Melayu Batubara dan yang lainnya.²⁰⁸

²⁰⁸ *Ibid.*, h. 31-32.

BAB IV

PENGARUH ISLAM TERHADAP KERAJAAN MELAYU BATUBARA

4.1. Agama Islam Dan Pengaruhnya Dalam Kehidupan

Mengikut Elizabeth K. Notingham bahawa agama bukan suatu yang dapat difahami melalui definisi, pengertian mahupun gambaran. Agama berhubungan dengan usaha-usaha manusia untuk mengukur makna daripada kewujudan diri sendiri dan kewujudan alam semesta. Agama dapat membangkitkan kebahagiaan batin dan perasaan takut. Agama tertuju pada dunia yang kekal abadi, iaitu akhirat, namun agama juga melibatkan diri dalam kehidupan sehari-hari di dunia.²⁰⁹

Untuk lebih memahami inti agama, penulis akan mengungkapkan pengaruh agama dalam kehidupan yang merangkumi: Agama Islam dan pengaruhnya dalam kehidupan individu, masyarakat dan negara. Sesuai kajian yang telah dijalankan, penulis dapat melihat bahawa terdapat beberapa pengaruh Islam di dalam kerajaan Melayu Batu Bara, baik dari sudut pegangan Aqidah dan agama, pemerintahan, sistem kemasyarakatan, pendidikan dan perundangan. Untuk lebih jelasnya penulis akan menghuraikan perkara tersebut satu persatu secara terperinci.

²⁰⁹ Elizabeth K. Notingham (1971), **Religion: A Sociological View**. USA: Kingsport Press inc, h.6-7.

4.1.1. Pengaruh Islam Dalam Kehidupan Individu

Agama dalam kehidupan individu berfungsi sebagai sistem nilai yang memuat aturan-aturan tertentu. Aturan-aturan itu bersifat mengikat pada bentuk tingkah laku yang mesti dilakukan dan yang mesti di tinggalkan. Mengikut Mc. Guire , diri manusia memiliki sistem nilai tertentu. Sistem nilai ini merupakan sesuatu yang dianggap dapat mendatangkan manfaat bagi dirinya. Sistem ini diperoleh melalui belajar dan proses sosialisasi. Keadaan keluarga, kawan, institusi pendidikan dan masyarakat sangat mempengaruhi perkembangannya.²¹⁰

Selanjutnya Mc. Guire menyatakan bahawa informasi yang diperoleh seseorang daripada hasil belajar dan sosialisasi akan meresap dalam dirinya. Sejak daripada itu, nilai-nilai akan menjadi sistem yang menyatu dan membentuk identiti seseorang. Mc. Guire berpendapat bahawa sistem nilai yang membentuk dalam diri individu adalah agama.

Nilai adalah daya pendorong dalam hidup yang memberikan makna kesahihan pada tindakan seseorang. Dengan itu nilai menjadi penting dalam kehidupan seseorang, sehingga tidak jarang pada tahap tertentu, orang bersedia mengorbankan hidup mereka demi mempertahankan nilai. Dalam hubungannya dalam kehidupan beragama misalnya, kita melihat konsep syahid dalam Islam. Dalam konteks ini, kita melihat kesediaan berkorban secara ikhlas demi mempertahankan nilai yang sudah menjadi perinsip dalam suatu keyakinan.

²¹⁰ Meredith B. Mc Guire (1981), **Religion: The Social Context**. California:Wardworth Inc, h.24.

Nilai mempunyai dua segi, iaitu; segi intelektual dan emosional. Gabungan kedua-dua aspek ini akan mempengaruhi nilai dalam kehidupan. Kedua-duanya sama penting, sehingga kalau satu segi sahaja yang berkembang akan melahirkan individu yang tidak stabil.

Dalam diri manusia telah ada sejumlah potensi yang akan memberi arah kepada kehidupan manusia. Potensi tersebut adalah: *Hidāyat al-gharīziyyāt* (naluriah), *hidayāt al-hissiyyat* (inderawi), *hidāyat al-'aqliyyat* (akal) dan *hidāyat al-dīniyyāt* (agama).²¹¹ Diantara potensi tersebut, salah satu sudut terpenting dalam kehidupan manusia adalah agama.²¹²

Motivasi agama mendorong seseorang untuk berkarya, berbuat kebaikan dan bersedia untuk melakukan pengorbanan. Nilai etika mendorong kepada seseorang untuk berlaku jujur, menepati janji, menjaga amanat dan sebagainya. Sedangkan harapan mendorong seseorang untuk melakukan amal secara ikhlas, menerima dugaan, dan memohon kepada Tuhan (berdo'a). oleh itu motivasi, nilai etika dan harapan akan semakin mendalam pada diri seseorang kalau kesemuanya dihubungkan dengan sumber ajaran agama.

²¹¹ Jalaluddin (1998), **Psikologi Agama**. Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 229.

²¹² Pengaruh agama dalam kehidupan individu adalah memberikan kemantapan batin, rasa bahagia, rasa terlindung, rasa berjaya dan rasa puas. Perasaan positif ini akan menjadi pendorong pada diri manusia untuk terus melakukan aktiviti dalam kehidupan. Agama berfungsi sebagai motivasi untuk mendorong individu berbuat sesuatu, perbuatan yang dilakukan kerana latarbelakang agama dinilai mempunyai unsur kesucian serta ketaatan. Agama juga mempunyai nilai etika, nilai ini menunjukkan kepada seseorang perbuatan yang boleh dilakukan dan mesti dijaui. Selain itu, agama juga memberikan harapan kepada pemeluknya. Semua orang yang melakukan suatu perbuatan tentu mempunyai harapan dan matlamat yang di cita-citakan. Begitu pula dalam agama, seseorang yang melakukan ajaran agama tentu berharap untuk mendapatkan cinta dan kasih sayang daripada Tuhannya.

4.1.2. Masyarakat

Masyarakat adalah gabungan kelompok individu yang terbentuk berdasarkan sistem atau susunan sosial tertentu.²¹³ Sistem sosial pada masyarakat dapat dilihat daripada tiga segi, iaitu: kebudayaan, sistem sosial dan keperibadian. Oleh sebab itu permasalahannya adalah sejauh mana pengaruh agama dalam memelihara susunan sosial yang merangkumi kebudayaan, sistem sosial dan keperibadian.

Mengikut Elizabeth K. Notingham hubungan agama dengan masyarakat terbahagi menjadi tiga bahagian, iaitu:

1. masyarakat yang terkebelakang dan nilai-nilai sakral.²¹⁴
2. masyarakat pra-industri yang sedang berkembang. Dalam masyarakat jenis ini, agama memberi erti dan ikatan kepada sistem nilai. Misalnya dalam kehidupan sosial masih dilakukan upacara-upacara keagamaan, tetapi pada aktiviti-aktiviti kehidupan sehari-hari ajaran agama tidak sepenuhnya dilaksanakan.²¹⁵
3. Masyarakat Industri sekuler. Pada masyarakat jenis ini, organisasi keagamaan sudah terpecah-pecah dan bersifat majemuk.²¹⁶ Hal ini dilihat pada masyarakat masa kini yang mana ikatan antara organisasi keagamaan

²¹³ *Ibid.* h. 229.

²¹⁴ Jenis masyarakat ini merupakan kumpulan yang tidak ramai dan terkebelakang. Anggota masyarakatnya mempunyai agama yang sama. Agama sebagai sumber penyatuan di kalangan masyarakat. Oleh itu agama mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam memasukkan nilai-nilai terhadap masyarakat, sama ada dalam bidang hukum (perundangan), ekonomi, politik, pendidikan mahupun kekeluargaan. Lihat: Elizabeth K. Notingham (1971), *op. cit.* h. 33-35.

²¹⁵ Nilai keagamaan dalam masyarakat jenis ini, menempatkan fokus utamanya pada tingkah laku individu dan pembentukan peribadi. Elizabeth berpendapat bahawa walaupun tidak setaat masyarakat pada jenis pertama, dalam masyarakat ini agama masih difungsikan dalam kehidupan masyarakat, namun ada kecenderungan peranan agama sudah mulai bergeser. Lihat: *Ibid.* h. 35-40

²¹⁶ *Ibid.* h. 40

dengan urusan dunia tidak ada langsung. Oleh itu, agama cenderung dilihat sebahagian daripada kehidupan manusia yang berhubungan dengan akhirat sahaja.

Pendapat Elizabeth diatas berdasarkan hasil penelitiannya pada masyarakat Amerika pada tahun 1950-an. walaupun kebenaran teori ini masih perlu dipertanyakan dan diuji kembali pada masyarakat kelompok yang lain. Tetapi sekurang-kurangnya penulis dapat mengambil kesimpulan bahawa dalam kategori masyarakat apapun agama masih tetap merupakan perkara yang penting dalam kehidupan manusia.

Agama tidak mungkin dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia, kerana memang agama sangat diperlukan dan mempunyai fungsi penting dalam kehidupan masyarakat. Mengikut Jalaluddin,²¹⁷ secara lebih spesifik agama berperanan sebagai berikut:

1. Berperanan untuk mendidik.²¹⁸
2. Berperanan untuk penyelamat.²¹⁹
3. Berperanan sebagai ketenangan batin.²²⁰

²¹⁷ Jalaluddin (1998), *op. cit.* h. 233-236.

²¹⁸ Para penganut agama berpendapat bahawa ajaran agama yng mereka anut memberikan ajaran-ajaran yang harus dipatuhi. Ajaran agama berfungsi suruhan dan larangan. Dalam Islam kita mengenal konsep takwa, iaitu melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangannya. Kedua-dua unsur suruhan dan larangan ini mempunyai latarbelakang mengarahkan bimbingan agar peribadi penganutnya menjadi baik dan terbiasa hidup bersesuaian dengan ajaran agama.

²¹⁹ Setiap manusia menginginkan dirinya selamat walau dimanapun dia berada. Keselamatan meliputi bidang yang luas , keselamatan yang diberikan oleh agama kepada penganutnya ialah keselamatan yang abadi dan hakiki, iaitu dunia dan akhirat. Dalam mencapai matlamat itu Islam mengajarkan kepada pemeluknya untuk sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.

²²⁰ Melalui agama seseorang yang bersalah atau berdosa dapat mencapai kedamaian melalui tuntutan agama, rasa bersalah akan menjadi hilang dengan bertaubat dan mengingat Tuhan. Dalam Islam kita diingatkan oleh allah SWT. dalam firmanNya surah al-Ra'du ayat 28, yang bermaksud: “Ketahuilah, dengan zikrullah itu, tenang tentramlah hati manusia”. Ketenangan batin merupakan sesuatu yang sangat berharga bagi manusia. Manusia boleh melakukan apa sahaja untuk mencari

4. Berperanan sebagai *social control*.²²¹
5. Berperanan untuk kreatif.²²²
6. Berperanan sebagai pemupuk rasa untuk bersatu padu.²²³

4.1.3. Bernegara

Allah SWT. mengutus nabi Muhammad s.a.w. dengan membawa risalah Islam keseluruh dunia.²²⁴ DijadikanNya beliau menjadi Rasul terakhir serta membawa syari'at Islam yang terakhir pula. Islam diturunkan sebagai ajaran yang sempurna dan *komprehensif* (menyeluruh) bagi kehidupan. Dalam ajaran Islam megandung akidah, akhlak, ibadah, ekonomi, sosial, pendidikan, sistem pemerintahan negara, politik dan hubungan luar dan sebagainya.

Berhubungkait dengan masalah negara. Negara bererti suatu wilayah tertentu yang diatur oleh kekuasaan tertinggi yang sah dan ditaati rakyat.²²⁵

Pemimpin negara, iaitu presiden, perdana menteri atau raja mempunyai

ketenangan batin, tetapi pada hakikatnya pada agamalah yang mampu memberikan ketenangan kepada manusia.

²²¹ Penganut agama mempunyai keterikatan batin dengan tuntutan ajaran agama, sama ada secara individu mahupun secara kelompok. Ajaran agama mengandungi norma yang berfungsi mengawasi setiap langkah dan perbuatan yang dilakukan oleh pemeluknya.

²²² Ajaran agama mendorong dan mengajak pemeluknya untuk bekerja secara produktif, bukan sahaja untuk kepentingan dirinya sendiri, bahkan juga untuk kepentingan orang lain. Dalam Islam, kita dituntut untuk terus berusaha menuju matlamat hidup yang sebenar, bahkan juga untuk kepentingan orang lain.

²²³ Para penganut agama mempunyai ikatan jiwa dengan penganut yang sama, mereka merasa memiliki persamaan dalam kesatuan, iaitu iman dan kepercayaan. Rasa kesatuan ini akan melahirkan sikap bersatu padu sama ada dalam kelompok mahupun perseorangan. Dalam Islam, kita mengenal bahawa sesama muslim ialah bersaudara. Rasulullah s.a.w. menggambarkan persaudaraan dalam Islam seperti satu tubuh badan, jika sebahagian daripada badan ini sakit, maka seluruh badan akan merasa sakit. Ini bererti bahawa Islam sangat mengutamakan perpaduan diantara pemeluknya. *Ibid.* h. 236.

²²⁴ Lihat, dalam al-Quran surah Saba' (34): 28.

²²⁵ Bambang Marhiyanto (t.t), **Kamus Lengkap Bahasa Indonesia**, Surabaya: Media Centre, h. 422.

peranan penting dalam menerapkan ajaran Islam dalam kekuasaannya.

Mengikut Mukti Ali bahawa agama mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembangunan negara.²²⁶ Ada dua *fungsi* agama dalam pembangunan negara, iaitu:

1. Sebagai panduan.²²⁷

2. Sebagai motivasi.²²⁸

Peranan-peranan positif ini, perlu dikembangkan dalam kehidupan bernegara, terutamanya bagi pemimpin atau penguasa sesebuah negara untuk dapat memberikan fasiliti yang dapat mempermudah pengembangan agama. sehingga agama Islam sebagai agama yang sempurna dapat memberi warna dan pengaruh dalam kehidupan bernegara.

²²⁶ Jalaluddin (1998), *op. cit.*, h. 236.

²²⁷ Maksudnya bahawa agama mempunyai pengikut seseorang atau masyarakat jika diyakini dan dihayati secara mendalam mampu memberikan suatu susunan nilai moral dalam hidup bernegara. Selanjutnya nilai moral tersebut, akan memberikan garis-garis panduan tingkah laku dalam bertindak, sesuai dengan ajaran agama. Segala bentuk perbuatan yang dilarang oleh agama dijaui dan begitu juga sebaliknya. Selalu siap menerapkan perintah agama, sama ada dalam kehidupan peribadi mahupun demi kepentingan orang ramai. Penerapan agama lebih mengarah kepada perbuatan yang bernilai akhlak mulia. Segala bentuk perbuatan individu ataupun masyarakat selalu berada pada garis yang sesuai dengan peraturan agama dan akhirnya akan terbentuk suatu kebiasaan yang sesuai dengan ajaran agama.

²²⁸ Ajaran agama yang sudah menjadi keyakinan yang mendalam akan mendorong seseorang atau kelompok untuk mengejar tingkat kehidupan yang lebih baik. Pengalaman ajaran agama terpancar daripada peribadi yang berperanan dalam meningkatkan mutu kehidupan, tanpa mengharapkan ganjaran yang berlebihan. Keyakinan akan balasan Tuhan terhadap perbuatan yang baik telah mampu memberikan ganjaran batin yang mampu mempengaruhi seseorang untuk berbuat sesuatu tanpa mengharapkan ganjaran duniawi. Balasan daripada Tuhan berupa pahala bagi kehidupan akhirat lebih diinginkan oleh penganut agama yang taat *Ibid.* h. 238.

4.2. Pengaruh Islam Terhadap Kerajaan Melayu Batubara

4.2.1. Pengaruh Islam Dalam Aspek Kepercayaan

Kedatangan Islam pada kerajaan Melayu Batubara telah banyak memberikan perubahan terhadap sistem kehidupan masyarakat tempatan, terutama dalam bidang kepercayaan.²²⁹

Setelah Islam bertapak pada kerajaan Melayu Batubara sedikit demi sedikit, fahaman animisme, dinamisme dan kepercayaan Hindu-Budha dapat dikikis dengan baik dan perlahan. Jika diperhatikan perjalanan sejarah adat resam dan budaya masyarakat Melayu Batubara, sebahagian adat resam mereka yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Akan tetapi digunapakai

²²⁹ Pada awal mulanya, penduduk tempatan di pengaruhi oleh fahaman animisme dan dinamisme. Animisme adalah suatu kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai jiwa atau roh yang bersifat bebas daripada manusia tetapi mencampuri urusan manusia.²²⁹ Sedangkan dinamisme adalah setiap benda mempunyai jiwa atau roh yang mempunyai daya kekuatan atau tenaga. Dalam fahaman ini, masyarakat Melayu Nusantara dan Melayu Batubara ada yang berpegang pada empat perkara yang dianggap sebagai pegangan hidup, iaitu: Makhluk-makhluk yang sudah mati, rohnya akan mempengaruhi manusia yang masih hidup. Oleh itu, roh tersebut harus dipuja supaya tidak menimbulkan keburukan. Semua yang ada dalam dunia ini, mempunyai "*daya hidup*" yang wujudnya serupa dengan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Selain daripada mempunyai roh, manusia juga mempunyai semangat yang mempunyai pengaruh tersendiri yang wujud dalam tubuh manusia. Dewa-dewa, Jin, pokok-pokok besar dan alam ghaib dapat mempengaruhi kehidupan manusia. Demikianlah kepercayaan masyarakat Melayu ketika itu, tidak dinafikan juga masyarakat Melayu Batubara, sebelum kedatangan Islam. Selepas itu, begitu pula kedatangan India sehingga dalam perkembangannya masyarakat tempatan terpengaruh pula dengan fahaman yang dianut oleh Hindu-Budha. Agama Hindu-Budha dibawa dan diperkenalkan ke Kepulauan Nusantara pada permulaan abad pertama Masihi, yang dibawa oleh orang-orang India yang beragama Hindu-Budha memperkenalkan agama tersebut pada masyarakat Melayu Nusantara / Batubara, melalui Selat Melaka. Selat Melaka merupakan wilayah penting laluan perdagangan, sejak zaman Purba lagi sebagai sentral atau pusat lalu lintas dari Timur ke Barat. Hindu-Budha membawa doktrin trimurti iaitu kepercayaan kepada adanya tiga dewa yang utama iaitu: Dewa Brahma (Dewa Pencipta), Dewa Vishnu (Dewa Pemelihara) dan Dewa Siva (Dewa Pemusnah).²²⁹ Walaupun masyarakat tempatan tidak menganut agama baru Hindu-Budha, tetapi ianya tidak pula meninggalkan kepercayaan nenek moyang mereka. Sehingga wujud apa yang disebut dengan sinkretisme atau percampuran dimana kedua-dua kepercayaan India itu dianuti bersama-sama dengan kepercayaan nenek moyang mereka.

dalam kehidupan harian mereka, sedangkan adat resam yang bercanggah dengan ajaran Islam ditinggalkan.²³⁰

Mengikut Datuk Muhammad Imin Syah²³¹ mengatakan, setelah kedatangan Islam masyarakat Melayu Nusantara, bahawa Agama Islam telah menjadi amalan dan tradisi dalam kehidupan harian mereka sehingga ke hari ini. Islam menjadi sehati dengan kehidupan masyarakat Melayu, sehingga lahirlah suatu pepatah dalam masyarakat pada masa itu, iaitu: “*Masyarakat Melayu adalah masyarakat Islam dan sesiapa yang berbangsa Melayu bererti beragama Islam*”. Pepatah ini bukan setakat slogan dimulut sahaja, akan tetapi merupakan suatu realiti, kerana seluruh masyarakat Melayu adalah beragama Islam.

Agama Islam dijadikan sebagai pegangan hidup masyarakat Melayu Batubara turun temurun sehingga berkurun lamanya, namun demikian tidak dapat pula dinafikan bahawa ada sebahagian masyarakat Melayu Batubara yang masih mengamalkan adat resam peninggalan turun temurun mereka terhadap fahaman animisme dan dinamisme.²³²

²³⁰ Adamsyah (t.t.), *op. cit.* h. 45

²³¹ Temu bual dengan Datuk Muhammad Imin Syah pada 29 Julai 2008 di rumahnya dekat istana Kerajaan Batubara. Beliau merupakan cucu daripada Datuk Muhammad Yoeda.

²³² seperti pemujaan terhadap benda-benda ghaib yang dianggap mempunyai kuasa seperti menjamu laut setahun sekali, membela puaka dengan menghidangkan saji-sajian, membuat air wangi-wangian dalam gebuk (tempayan kecil), menghias lancang kuning dan menghanyutkannya bersama limas kelaut dan memelihara ayam tua-tua atau ayam jamuan iaitu ayam putih kenantan cuci, ayam biring besi, ayam biring kuning, ayam tiga warna disembelih setahun sekali, acara *melenggang* iaitu setiap hamil tua bagi kelahiran anak yang pertama, memakai batu cincin yang sudah berisi iaitu dianggap sudah ada kekuatan padanya dan pembakaran kemenyan semasa upacara tertentu yang bukan pada tempatnya. Semua ini adalah tradisi kuno yang masih diamalkan sebahagian masyarakat Melayu Batubara, walaupun mereka sudah beragama Islam. Dengan demikian dapat dinyatakan bahawa pada sebahagian masyarakat Melayu Batubara masih berlaku apa yang disebut dengan *talbis* iaitu percampuran antara yang hak (kebenaran) dengan yang batil (kesalahan).

Pada perkembangan selanjutnya, ketika kerajaan Melayu Batubara dijajah oleh Belanda mereka mahu menyebarkan agama Kristian didaerah kerajaan Melayu Batubara. Masyarakat tempatan tidak menerimanya, bahkan melawan. Penjajah Belanda pernah mencuba mengasaskan sebuah gereja pada masyarakat Melayu Batubara, tetapi rancangan ini mendapat bantahan dari pihak masyarakat tempatan, sehingga hasrat ini tidak terlaksana.

Hal ini tidak sahaja berlaku pada masyarakat Melayu Batubara, bahkan di Kesultanan Deli, satu utusan "*Missionari Rhgeische Mission*" dari Barmen Jerman, Lodwing I Nomensen (1834-1918) sebagai ketua Zending di daerah Batak Karo pedalaman Sumatera, hanya diizinkan melawat sahaja ke Medan, sebagai ibu negeri kerajaan Kesultanan Melayu Deli, tidak mendapat sambutan untuk singgah di daerah itu, dan tidak dibenarkan samasekali oleh Sultan Deli untuk mengasaskan Gereja pada bandar Medan.²³³

Melihat keyakinan masyarakat Melayu batubara itu menunjukkan tidak terpengaruh dengan misi Kristian Belanda, hal ini disebabkan pengaruh Islam terhadap masyarakat Melayu Batubara sangat kuat, sehingga tertanam rasa fanatik yang luar biasa terhadap diri mereka pada akidah Islam. Bahkan apabila ada seseorang yang menuduh dan mengatakan bahawa seseorang itu bukan lagi beragama Islam, maka ia sanggup berkelahi untuk memepertahankan keislamannya.²³⁴

²³³ Majlis Ulama Indonesia (1982), **Sejarah Dakwah Islamiyah di Sumatera Utara**. Medan: MUI Sumatera Utara, h. 74

²³⁴ Oleh itu, Islam bukan setakat sebagai slogan sahaja, akan tetapi sudah dilaksanakan pada kehidupan harian mereka. Pemahaman masyarakat Batubara tentang aqidah dan rukun Islam sudah

Hal ini dapat dibuktikan dengan terdapat beberapa masjid di Batubara, bahkan mesjid mesti ada setiap wilayah kekuasaan Penghulu beserta Balainya,²³⁵ begitu juga setiap istana raja mesti ada masjidnya. Ini dapat dilihat Masjid Istana yang diasaskan pada tahun 1907 M, oleh Datuk Muhammad Yoeda. Sehingga sampai masa ini, masjid tersebut masih tetap digunakan.

Selain daripada masjid tersebut, masih banyak masjid-masjid yang lain dan juga suaru-surau. *Fungsi* masjid tersebut, selain digunakan untuk ibadah juga digunakan untuk memperdalam ilmu pengetahuan tentang Islam, demi untuk mengembangkan dakwah Islamiyah pada generasi berikutnya, sehingga diharapkan Islam pada masyarakat Batubara akan tetap wujud dan semakin kukuh dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

4.2.2. Pengaruh Islam Dalam Sistem Perundangan

Daripada aspek perundangan pula, hukum Islam telah dijadikan sebagai hukum hidup pada masyarakat Melayu Batubara. Keputusan pengadilan dipengaruhi oleh hukum adat dan hukum Islam. Bagi masyarakat Melayu Batubara, hukum adat adalah sangat penting, kerana dengan wujudnya hukum adat masyarakat Melayu Batubara mempunyai adat resam tersendiri dan sebagai kekayaan budaya tempatan. Walau bagaimanapun hukum adat

dipahami dengan baik. Rukun Islam yang mengandungi: syahadat, solat, zakat, puasa dan haji, sepertimana yang penulis huraikan pada landasan teori pada bab dua, telah direalisasikan pada kehidupan mereka.

²³⁵ *Penghulu* : ialah seseorang yang dilantik menjalankan pemerintahan yang berada dibawah kuasa Raja/Datuk, biasanya gelaran yang diberikan ialah: OK (Orang Kaya) diraja atau Wan . Balai ialah suatu tempat bagi pentadbiran seseorang Penghulu seperti menghukum,menta'zir

yang dilaksanakan pada kebiasaannya tidak boleh bercanggah dengan hukum Islam dan ianya haruslah mendapat persetujuan daripada ketua adat setempat.

Jika seorang ingin memperolehi sesuatu keputusan yang bersifat keagamaan, mereka perlu merujuk kepada Mufti, Qadhi, Ulama setempat atau Imam Masjid setempat yang akan memberi petunjuk kepada mereka. Jika masalah mereka tidak dapat diselesaikan, hal ini perlulah diajukan kepada sultan atau raja melalui Penghulu atau ketua daerah sebagai wakil raja yang dilantik. Jika permasalahan masih belum selesai maka perkara tersebut akan disampaikan pula kepada Mufti kerajaan yang dilantik khas sebagai penasihat raja dalam urusan agama.²³⁶

Para mufti pada Masyarakat Melayu Batubara hampir semuanya tamatan penuntut di Masjid al-Haram Mekah al-Mukarramah. Para mufti banyak membuat perubahan dan menukar adat resam masyarakat setempat yang tidak sesuai dengan hukum Islam, sedangkan yang sesuai dengan syarak akan dikekalkan adat resam tersebut. Hal ini berdasarkan, kaedah Fiqh:

العادة محكمة

(adat resam boleh dijadikan hukum).

Sedangkan kalau dilihat daripada segi hukum keluarga. Hukum keluarga pada masyarakat Melayu Batubara telah mengikut hukum Islam dan sudah menjadi adat resam dalam kehidupan harian mereka. Dalam kehidupan berumah tangga masyarakat Melayu Batubara telah diatur mengikut hukum Islam. Dengan itu, maka masyarakat Melayu Batubara dalam kehidupan

²³⁶ Lukman Sinar (1991), **Sejarah Medan Tempo Doeloe**. Medan: Satgas Mabmi, h. 38.

keluarga menjadi aman dan tenteram. Apabila terjadi pergaduhan antara suami dan isteri dalam sebuah keluarga, maka perkara tersebut akan dicarikan jalan penyelesaian dengan cara damai, iaitu dengan menghadirkan keluarga kedua belah pihak sebagai hakim. Dengan adanya pelaksanaan sistem semacam itu, maka kehidupan berumah tangga yang sedang bergaduh kembali menjadi harmoni.

Selain itu pula, hukum Islam juga telah dijalankan dalam masalah penyelesaian harta pusaka yang diagihkan menurut hukum *faraidh*, sesuai menurut bahagian masing-masing tanpa ada unsur berat sebelah yang boleh menimbulkan pertelagahan dalam sesebuah keluarga. Ilmu *faraidh* sebelum kedatangan Islam, dulunya dikenali sebagai *bagi gotok-gotok*.

Mengikut Nek Ingah²³⁷ mengatakan bahawa hukum Islam pada masyarakat Batubara sebagai hukum hidup yang digunapakai dalam kehidupan mereka. Hukum-hukum yang tak sehati dengan ajaran Islam ditukar. Pada masa itu wujud slogan adat yang berbunyi: “*Biar mati anak asal jangan mati adat*”. Oleh para ulama slogan tersebut ditukar sesuai dengan ajaran Islam, iaitu, “*Biar mati adat asal jangan mati anak*”. Hal ini sesuai berdasarkan hadith Nabi Muhammad s.a.w. bahawa anak adalah pewaris setelah kematian kedua ibu bapanya. Seorang ulama yang dikenali tegas dan garang, Tuan Syeikh Al-Haj Muhammad Nur, Mufti Diraja Datuk Lima

²³⁷ Temu bual dengan Nek Ingah pada 21 Ogos 2008, *op. cit.*,

Puluh, Batubara²³⁸, beliau dikenali berani menentang hukum adat yang bertentangan dengan hukum syarak ketika itu seperti *Adat Tanah Datar*.²³⁹

Menurut catitan Anderson dalam kunjungannya ke kerajaan Melayu seperti Deli pada tahun 1823 M. Hukum Islam telah berlaku pada masyarakat Batubara dan juga Deli. Anderson berkata, bagi orang yang melakukan zina mereka akan dihukum rejam dan bagi pembunuh pula adalah hukum mati, bahkan kes pencurian juga boleh membawa kepada hukuman mati.²⁴⁰ Dalam undang-undang Islam, hukuman seperti ini disebut sebagai qisas, iaitu pembelaan atau penebusan terhadap darah mangsa yang telah dibunuh. Sedangkan yang berhak menjalankan hukuman tersebut adalah seorang hakim yang telah dilantik oleh kerajaan Islam.

Hukuman tersebut dilakukan dengan cara mengikat dua tangan penjenayah dan memasukkannya kedalam sebuah lubang, lalu ditikam dengan sebatang tombak sampai mati dan langsung dikuburkan dalam lubang tersebut, kecuali apabila diampunkan oleh sultan maka hukumannya boleh di ringankan atau dimaafkan. Dengan terlaksananya hukuman Islam seperti ini, maka kes-kes jenayah jarang sekali berlaku, kerana hukuman tersebut membuat masyarakat tempatan menjadi gerun. Hukuman seperti ini, berlangsung selama beberapa waktu lamanya pada kerajaan Melayu Sumatera Timur termasuk Batubara.

²³⁸ Beliau adalah seorang ulama yang berani dan garang. Beliau adalah tamatan Masjid al- Haram Mekah al-Mukarramah, pernah dilantik jadi Imam Pendamping Masjid al-Haram sebagai penghargaan kerana dianggap orang Jawi (Melayu) terpasih ketika itu.

²³⁹ Temu bual dengan Nek Hj. Halimah Pada 3.15-4.15am, Pada 2 Ogos 2008 di rumahnya dekat bandar Medan Sumatera Utara. Beliau keturunan daripada Tuan Syekh Muhammad Zain Nuruddin atau dikenali juga Tuan Syekh Muhammad Zain Tasak.

²⁴⁰ Lukman Sinar (1991), *op. cit.* . h. 39.

Menurut Nek Hjh.Halimah,²⁴¹ masa itu anak-anak perempuan tidak boleh berjalan sendirian di jalan-jalan melainkan keluar bersama ayah, keluarga atau ditemani oleh saudara mahramnya seperti abang atau adik lelakinya dengan memakai kain selendang atau kain kurung untuk menutupi tubuh badan dan kepala nya, namun generasi sekarang, itu dianggap sebagai adat sudah ketinggalan zaman dan kuno, tidak tahu bahawa itu adalah menutup aurat sesuai kehendak syariat, kesal Nek Hjh.Halimah.

Pada tahun 1900 M, hukuman ta'zir menjadi kuasa penghulu. Kuasa penghulu untuk memutuskan hukuman ta'zir bagi seseorang yang melakukan kesalahan adalah atas nasihat ulama setempat yang diiktiraf atau atas nasihat mufti. Pada kebiasaannya penghulu akan mengumumkan hukuman-hukuman itu setiap hari Jumaat di Masjid. Kebiasaan semacam ini berlaku sehingga tahun 1945 M.²⁴²

4.2.3. Pengaruh Islam Dalam Aspek Pendidikan

Islam merupakan agama yang sangat memperhatikan dan mementingkan masalah pendidikan dan ilmu pengetahuan.²⁴³ Perhatian Islam terhadap ilmu pengetahuan tidak dapat dinafikan lagi, kerana ianya adalah merupakan asas pembinaan insan serta tamadunya. Demikian itu ilmu

²⁴¹ Temubual dengan Nek Hjh. Halimah pada 2 Ogos 2008, *op. cit.*, .

²⁴² *Ibid.* h. 40.

²⁴³ Lihat, surah al-'Alaq (96): 1-5. Lihat, al-Fahru al-Razi (t.t.), **Al-Tafsir al-Kabir**. Jilid-32. Tehran: Dar al-Kutub al- 'Alamiyah, h. 13-25.

pengetahuan juga merupakan suatu alat yang penting bagi mencapai kemajuan dan kebahagiaan, baik daripada segi rohani mahupun jasmani.²⁴⁴

Sebelum agama Islam masuk ke alam Melayu, tidak pernah terdengar orang-orang cerdik pandaipun yang menulis serta mengarang kitab dalam bahasa Melayu. Hanya di Palembang (Sumatera Selatan) pernah dijumpai sebuah karangan yang ditulis dalam bahasa Melayu kuno yang bercampur dengan bahasa Jawa dan Sanskret. Tetapi setelah datangnya Islam, ramailah penulis-penulis Melayu tampil dengan karya-karya yang agung seperti Tun Seri Lanang, Hamzah Fansuri, Samsudin al-Sumatrani, Amir Hamzah, Abdullah Munsy dan lain-lain.²⁴⁵

Mereka adalah merupakan orang-orang Melayu pertama yang muncul sebagai pujangga dan sasterawan yang berperanan penting dalam pengembangan ilmu pengetahuan terhadap masyarakat Melayu. Mereka juga telah menghasilkan berpuluh-puluh karya yang bersifsat keagamaan mahupun kesusasteraan. Gaya penulisan mereka juga telah dipengaruhi dengan gaya Islam, iaitu dengan menyebutkan “*Bismillah*” kemudian “*Alhamdulillah*” serta diikuti dengan “*Selawat*” keatas Nabi Muhammad s.a.w. pada mukaddimah karangan mereka.²⁴⁶

Pada zaman penjajahan Belanda sistem pendidikan dibahagi dua, iaitu pendidikan umum dan pendidikan agama, pendidikan umum ialah hanya

²⁴⁴ Abdul Halim Hj.Mat Diah (1989), **Islam Dan Demokrasi Pendidikan**. Kuala Lumpur: ABIM, h. 13.

²⁴⁵ Lah Husny (1986), **Butir-Butir Adat Budaya Melayu Pesisir Sumatera Timur**. Medan: Satgas Mabmi, h. 36

²⁴⁶ *Ibid.* h. 38.

akademik sahaja sedangkan pendidikan agama ialah bidang Islam sahaja. Yang dijalankan Belanda adalah sistem pendidikan akademik umum dengan sistem barat. Sistem pendidikan seperti ini, diperuntukkan bagi golongan bangsawan serta orang-orang kaya sahaja, sedangkan bagi mereka yang dikategorikan sebagai rakyat jelata dan miskin tidak dapat sekolah semacam ini. Oleh itu, bagi rakyat jelata mereka mendapatkan pendidikan agama di surau dan masjid, iaitu khas mendapatkan pendidikan Islam.

Pada peringkat awal, sistem pendidikan Islam yang diperkenalkan di Alam Melayu secara amnya dan khususnya pada masyarakat Melayu Batubara adalah belajar al-Quran. Al-Quran merupakan sumber hukum Islam yang utama dan pertama. Pada peringkat awal belajar membaca al-Quran dengan betul, iaitu berasaskan kaedah tajwid. Pembelajaran al-Quran ini, biasanya dikendalikan oleh seorang ustaz yang sedia mengajar para murid-muridnya di masjid dan surau atau dikediamannya. Lazimnya ustaz, selain mengajar al-Quran juga mengajar tentang asas-asas fardu 'ain, seperti hukum bersuci, cara-cara berwuduk, solat dan sebagainya.²⁴⁷

Kemudiannya sistem pendidikan Islam semakin maju dan tidak terhad kepada al-Quran dan fardu 'ain sahaja, akan tetapi berkembang kepada pelajaran menulis dan membaca kitab. Pendidikan seperti ini memudahkan bagi masyarakat Melayu Batubara untuk memahami lebih mendalam tentang seluk-beluk agama Islam. Dengan berbekalkan ilmu ini, masyarakat Melayu Batubara mempunyai ilmu agama yang mencukupi.

²⁴⁷ *Ibid.* h. 39.

Pada tahun 1900 M, ulama masyarakat Melayu Batubara, iaitu: Tuan Syeikh Muhamad Zain Nuruddin²⁴⁸ ikut berperanan dalam menyebarkan Islam dalam memajukan pendidikan pada masyarakat tempatan, dengan membuka pengajian-pengajian di Masjid mahupun di Madrasah,serta membuka pondok untuk mendidik generasi muslim bagi semua peringkat umur, ramai murid beliau yang menjadi ulama. Beliau juga mempunyai sistem tersendiri dalam berdakwah seperti mendidik orang tua-tua melalui sistem tariqat dan orang-orang muda dengan cara membaca kitab kuning. Sekembalinya dari menuntut ilmu dari Makkah beliau diangkat menjadi mufti diraja, justeru peluang ini adalah memudahkan baginya untuk dakwah. Kitab karangan beliau seperti: Fawaid al-Zain fi 'Ilm al-'Aqaid Ushul ad-Din, Miftah ash-Shibyan fi 'Aqaid al-Iman, Qathru al-Laban dan lain-lain diajarkan dipondok, surau, mesjid dan lapisan masyarakat lainnya. Begitu juga seperti Tuan Syeikh Muhammad Nur²⁴⁹ seorang ulama yang berani,garang dan fasih al-Qur'an mampu menakluki penuntu-penuntut ilmu sihir dan santau dalam dakwahnya. Beliau menggunakan kaedah pengajaran seperti melatih sepuluh orang murid hingga fasih dan setiap seorang mesti mengajar untuk sepuluh orang murid hingga fasih,kemudian murid-murid ini akan disemak oleh beliau. Beliau diangkat menjadi mufti diraja kerajaan Lima Puluh Batubara. Adalah banyak ulama-ulama yang lain lagi tidak disebutkan dalam tulisan ini. Bahkan ada dikalangan mereka yang mengasaskan pusat-pusat pengajian bagi memudahkan sistem pembelajaran. Setiap seorang daripada ulama itu

²⁴⁸ Nama lengkap.Tuan Syeikh Muhammad Zain Nuruddin bin Tuan Imam Syeikh Abbas bin Haji Muhammad Lashub bin Haji Abdul Karim bin Tuan Faqih Negeri.

²⁴⁹ Beliau pernah diangkat menjadi Imam pendamping Mesjid al-Haram Makkah sebagai penghargaan kefasihan beliau dari penuntut bangsa Jawi (Melayu) ketika itu. Dan diangkat menjadi mufti diraja.

mempunyai surau atau mesjid tempat mendidik ummah, pusat pengajian ilmu agama seperti belajar kitab kuning, ilmu faraidh dll. Seperti cendawan tumbuh dimusim hujan. Para penuntutnya ada yang datang bersuluh daun kelapa tiap-tiap malam kerumah tuan guru. Ketika itu Batubara dikenali ditempat-tempat lain seperti di kerajaan Langkat Babussalam, Bukit Martajam Pulau Pinang (Penang) dan Mekah al- Mukarrah semasa Abdurrahman al-Batubarawi.²⁵⁰

Pada tahun 1930 M, diasaskannya institusi “*al-Jam’iyah al-Washliyah*”. Yang bermazhabkan Syafi’i sebagai organisasi keagamaan. Pendiri-pendirinya untuk Batubara adalah para ulama tersebut. Merekalah yang bertungkus lumus mendirikan “*al-Jam’iyah al-Washliyah*”diperingkat daerah, membawa masyarakat dan murid-murid mereka yang belajar disurau-surau, mesjid dll serta yang belajar kitab kuning, tasawuf, tariqat dlln ke madrasah agar lebih tersusun lagi, semua ulama melibatkan diri kerana masyarakat Melayu Batubara ketika itu seratus peratus bermazhabkan Syafi’i. Pada masa ini, Sekolah-sekolah agama banyak dibangunkan oleh wang infaq,wakaf,sedeqah sehingga dibentuklah amil-amil zakat kehadiran al-Jamiyah al-Washliyah mendapat tempat dihati masyarakat dan penguasa ketika itu. Di bawah pengurusan al-Washliyah ini menambahkan lagi peningkatan ilmu pengetahuan pada masyarakat, kerana ianya merupakan salah satu usaha yang ingin memajukan pemikiran dan pengetahuan rakyat tentang Islam.

²⁵⁰ Temu bual dengan Tuan Imam Usman, Tasak Kuala Tanjung, pada 2 Ogos 2008. Op.cit,

Berkat daripada peranan penting para ulama dalam mengembangkan ilmu pengetahuan, institusi yang diasaskan tersebut telah banyak mengeluarkan para alim ulama yang meneruskan perjuangan mereka. Institusi ini sekarang merupakan pusat pendidikan Islam terbesar di Sumatera Utara, bahkan institusi ini telah memiliki cawangannya di seluruh Indonesia. Selain al-Jam'iyah al-Washliyah terdapat pula beberapa buah maktab serta pusat pengajian Islam yang ikut serta menyumbangkan peranannya dalam penegembangan ilmu pengetahuan.

Mengikut Prof. Tengku Luckman Sinar SH,²⁵¹ mengatakan bahawa masyarakat Melayu pada amnya dan khususnya masyarakat Melayu Batubara cinta terhadap ilmu pengetahuan. Mereka belajar dengan ulama atau ustaz tentang agama Islam. Setelah mereka mempunyai ilmu yang mencukupi dan merasa belum berpuas hati menuntut ilmu di negeri sendiri, sehingga mereka pergi merantau jauh ke negeri Arab seperti ke Mekah, Madinah dan Mesir. Setelah tamat belajar mereka akan kembali dan berkhidmat untuk mengembangkan dakwah Islamiah melalui pendidikan. Mereka inilah sebagai penyambung misi ulama-ulama terdahulu yang telah menyebarkan agama Islam pada masyarakat Melayu Batubara.

4.2.4. Pengaruh Islam Dalam Aspek Kebudayaan

Menurut kajian bahawa sistem kemasyarakatan orang-orang pesisir Sumatera Utara asasny adalah sama, iaitu merupakan kesatuan hukum

²⁵¹ Temu bual dengan Prof Tengku Luckman Sinar SH Pada 15 Ogos 2008, *op. cit.*,.

yang berlandaskan kepada kesatuan ikatan wilayah atau kawasan kepada dua sistem, khasnya masyarakat Melayu Batubara iaitu:

1. Ikatan keturunan, iaitu sistem *parental* (persamaan kedudukan antara keturunan pihak bapa dan keturunan pihak ibu).
2. Ikatan umum kemasyarakatan.

Kedua-dua ikatan diatas masing-masing diperkuat oleh ikatan kekerabatan dan ikatan hukum adat, peraturan diraja dan pantang larang. Dari sudut kehidupan pula masyarakat Melayu Sumatera Utara khususnya masyarakat Batubara berlandaskan kepada beberapa tujuan penting seperti berikut:²⁵²

1. Penghidupan, iaitu sesuatu yang berkaitan dengan masalah makanan, minuman dll.
2. Persaraan hidup, iaitu masalah yang berkaitan dengan masalah kehidupan.
3. Perlindungan hidup, iaitu masalah pemeliharaan terhadap hidup dan kehidupan.

Kedudukan masyarakat Melayu Batubara ketika itu di Batubara, terdiri daripada dua golongan masyarakat yang berbeza, iaitu golongan *bangsawan* dan *awam*, adapun golongan awam ialah golongan rakyat biasa yang lebih dikenali sebagai *orang kebanyakan*. Untuk golongan bangsawan biasanya diberikan gelaran-gelaran sebagai tanda keutamaan dan kelebihan pada diri seseorang menurut tingkat dan martabat masing-

²⁵² *Ibid.* h. 20.

masing, sehingga dapat membezakan seseorang itu bangsawan atau orang kebanyakan.

Zaman kejayaan kerajaan Melayu Batubara gelaran-gelaran seperti itu adalah sangat penting, sistem ini berterusan dari masa kesemasa, pemberi gelaran-gelaran ini adalah dari raja yang sedang berkuasa. Gelaran tersebut adalah seperti berikut:

1. Tengku, yang berhak menerima gelaran ini adalah putera dan puteri sultan dan juga keturunannya dari anak lelaki atau cucu sultan daripada puteranya. Namun sekitar tahun 1857 M. kerajaan Siak telah memperakui juga istilah gelaran *tengku* dapat diertikan juga sebagai pemimpin atau mahaguru dalam hal agama dan adat.²⁵³
2. Raja, gelaran ini diberikan kepada seorang pemimpin dari kerajaan lain dan berkhawin dengan anak perempuan yang bergelar Tengku, maka anak hasil dari perkhawinan keduanya berhak memakai gelaran Raja.
3. Datuk, iaitu seseorang raja yang mempunyai kuasa otonomi mutlak, dibawah naungan sultan, *datuk* mempunyai wilayah jajahannya sendiri, kekuasaannya sama dengan seorang raja atau sultan mereka mempunyai kuasa mutlak. Datuk-Datuk yang dimaksudkan

²⁵³ *Dokumen Lama, op cit.h.7*

adalah Datuk Lima Suku, Suku Lima Laras, Suku Tanah Datar, Suku Pesisir/ Bogak, Suku Lima Puluh dan Inderapura. Pada asalnya gelaran *datuk* adalah gelaran yang dianugerahkan oleh Sultan Aceh terhadap pembesar-pembesar kerajaan Deli semasa dibawah taklukannya.

4. Wan, jika seorang lelaki dari keturunan datuk atau orang kaya diraja (OK) ataupun orang kebanyakan berkhawin dengan wanita yang berketurunan Tengku, maka anak yang lahir dari kedua pasangan tersebut diberi gelaran *wan* atau *megat*.
5. OK, adalah singkatan dari *orang kaya* iaitu orang kaya diraja, gelaran diberikan kepada orang-orang tertentu oleh raja ataupun datuk. Dalam Islam gelaran seperti ini hanyalah sebagai simbolik sahaja.²⁵⁴

Pada hakikatnya manusia adalah sama di sisi Allah SWT. iaitu sama-sama dituntut untuk mematuhi perintah Allah dan menjauhi laranganNya. Sebab itu di dalam agama Islam manusia itu adalah *khalifah* dimuka bumi ini, dalam Islam tidak terdapat sistem kehidupan berkasta. Kehidupan masyarakat disesuaikan dengan ajaran Islam yang terdiri di atas kesamaan dan persaudaraan tanpa ada perbezaan antara satu dengan yang lain melainkan ketakwaan seseorang itu kepada Allah SWT.

²⁵⁴ *Ibid*,.h.8

Oleh kerana itu kehidupan masyarakat Melayu Batubara dapat disesuaikan dengan kehendak ajaran Islam, terutama dalam hal-hal yang berhubung kait dengan kehidupan bermasyarakat dan berumah tangga. Seperti halnya apabila terjadi salah faham antara suami dan isteri, maka ahli keluarga kedua belah pihak akan dipanggil untuk mendamaikan kedua-duanya. Demikian pula apabila terjadi salah faham dalam masalah pembahagian harta pusaka, maka ianya akan dapat diselesaikan dengan memperkenalkan kepada mereka sistem warisan yang telah ditetapkan oleh Islam. Dalam Masyarakat Batubara pembahagian pusaka dikenali dua cara iaitu secara *faraidh* dan secara *bagi gotok*, maksud bagi gotok ialah pembahagian harta pusaka dengan cara mufakat, berbincang serta bertolak ansur secara ikhlas dari hati kehati sesuai dengan keadaan masing-masing keluarga. Kedua-dua cara seperti ini adalah sesuai dengan kehendak ajaran agama.

Hal ini sejalan dengan ajaran Islam bagi menyelesaikan masalah yang timbul dalam sesebuah keluarga, sebagaimana yang dijelaskan di dalam firman Allah di dalam surah al-Nisa' sebagai berikut:

وإن خفتم شقاق بينهما فابعثوا حكما من أهله وحكما من أهلها
يريدا صلحا يوفق الله بينهما إن الله كان عليما خبيرا

(surah al-Nisa' ayat 35)

Maksudnya:

“Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara berdua (suami-isteri), maka lantiklah orang tengah (untuk mendamaikan mereka, iaitu seorang

dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua orang tengah itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuannya.”²⁸⁴

Bagi masyarakat Melayu Batubara ketika itu kehidupan bermasyarakat adalah sangat penting, kerana dengan adanya kehidupan bermasyarakat maka kehidupan manusia akan lebih teratur dan dapat membentuk manusia akan lebih teratur dan dapat membentuk manusia madani yang beradab dan berbudaya. Kehidupan bermasyarakat juga mendidik manusia untuk tidak membiasakan diri dengan sifat buruk seperti angkuh dan sombong, bersikap kasar dan sebagainya. Untuk menjaga agar kehidupan bermasyarakat tetap terjalin dengan baik, maka di dalam setiap Tungkat atau perkampungan masyarakat Batubara biasanya dilengkapi dengan beberapa kemudahan seperti:

1. Balai, masing-masing penghulu di Batubara mempunyai balai kerana adalah penting bagi melaksanakan kegiatan-kegiatan pemerintahan diperingkat sesebuah kampung yang dilaksanakan oleh penguasa setempat iaitu Penghulu, Penghulu adalah sebagai raja kecil di sesebuah kampung yang juga mempunyai kuasa pemutus sebagai wakil Raja (Datuk). Dibawah jajahan kekuasaan Raja (Datuk) Lima Puluh mempunyai enam orang Penghulu mereka langsung dilantik oleh Raja / Datuk. Masyarakat yang dipimpin oleh Penghulu disebut sebagai *sanak* (kerabat,kaum keluarga), Raja mempunyai *rakyat* dan Penghulu mempunyai

²⁸⁴ Al-Quran Dan Terjemahnya, Departmen Agama RI, h.123

sanak. Penghulu ada kuasa memutuskan hukuman, menta'zir dan mempenjarakan dengan istilah tahanan luar atau lain-lain. Balai biasanya digunakan juga sebagai tempat bermesyuarat dan untuk kepentingan-kepentingan yang berkaitan dengan masyarakat. Setelah merdeka sebahagian balai-balai itu di jadikan sekolah-sekolah atau sebagai balai desa yang dipimpin oleh seorang kepala Desa yang tidak mempunyai kuasa seperti penghulu.

2. Masjid dan madrasah (Surau), rumah ibadah ini dilengkapi dengan seorang imam dan khatib. Masjid baru boleh didirikan di sebuah kampung apabila penduduknya melebihi empat puluh orang, iaitu had yang membolehkan untuk didirikan Solat Jumaat. Adapun istilah madrasah ketika itu ialah surau, kerana disitulah tempat sembahyang dan juga kegiatan-kegiatan bidang keagamaan dilaksanakan, seperti silat beladiri dlln. namun di era merdeka sekarang ini istilah itu bertukar dengan sebutan musholla.
3. Bilal, biasanya di setiap kampung terdapat dua orang bilal, seorang bilal khusus muazzin di masjid atau surau dan seorang lagi bilal yang khusus menangani masalah jenazah, disamping itu terdapat pula seorang bilal wanita yang bertugas khas untuk jenazah wanita.
4. Telangkai, iaitu seorang yang dilantik sebagai penghubung rasmi bagi masyarakat yang ingin menjodohkan atau mengkhawinkan

anak mereka. Tugas pak telangkai adalah sebagai wakil pihak lelaki untuk mengadakan risikan, pinangan dan sebagainya. Telangkai adalah bermaksud penghubung.²⁸⁵

5. Tanah wakaf iaitu tanah atau padang untuk kegunaan masyarakat awam mengadakan aktiviti, juga bermaksud perkuburan, perkuburan ini disediakan untuk masyarakat umum yang beragama Islam.²⁸⁶

Pemilihan terhadap imam, bilal dan pak telangkai adalah melalui mesyuarat kampung yang di pimpin oleh penghulu yang diadakan di balai. Balai adalah sebuah bangunan yang dibina khas untuk tempat bermesyuarat dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan juga sebagai tempat penginapan bagi musafir yang perlu bermalam dan tidak mendapat tempat tinggal.²⁸⁷

Selain daripada itu untuk membina sebuah rumah juga perlu dusesuaikan dengan ajaran Islam. Letak ruangan lelaki hendaklah terpisah dari ruangan perempuan.²⁸⁸ Bagi mereka yang sudah berkhawin adakalanya memilih untuk mempunyai rumah tangga sendiri, rumah untuk keluarga ini biasanya didirikan berdekatan tempat tinggal keluarga suami, kerana pada umumnya masyarakat Melayu menggunakan dasar keturunan patrilineal (keturunan bapa) bukan matrilineal (keturunan ibu).

²⁸⁵ *Ibid*, h.10

²⁸⁶ *opcit*

²⁸⁷ *Ibid*

²⁸⁸ Lah Husny (1986), Butir-Butir Adat Budaya Melayu Pesisir Sumatera Timur, *op.cit*, h.65

Menurut Nek HjH Halimah, ada lagi adat masyarakat ketika itu ialah mengaji kerumah-rumah tok guru setiap malam selepas solat mahgrib pergi dengan bersuluh (*daun lelapa kering yang diikat*) hampir semua rumah orang Melayu ketika itu mesti ada menyediakan suluh, pertanda bahawa anak mereka mengaji. Adalah malu jika seseorang yang menikah tidak ada acara khatam al-Qur'an.

Adat resam Batubara, adalah suatu adat istiadat Melayu yang terdapat di Batubara, seperti : adat perkahwinan, adat mengayun anak dan mencukur, adat berkhatam al-Qur'an, Adat bersunat rasul.

Adat Perkahwinan, seseorang yang mahu berkahwin mestilah terlebih dahulu melakukannya sebagai berikut:

1. Adat merisik, seseorang diutus (sebagai telangkai) oleh pihak lelaki kerumah pihak perempuan untuk menanyakan perihal anak dara mereka, sama ada sudah bertuan atau pun belum, semua ini diucapkan dengan kata-kata sindiran kiasan sahaja, sebagai orang yang beradat.
2. Adat meminang, biasanya beberapa orang utusan pihak lelaki datang kerumah pihak perempuan dengan berpakaian Melayu serta membawa beberapa tepak sirih yang sudah dihias dengan penuh simbolik bersama seorang pemantun atau tukang karutnya, sedangkan pihak perempuan juga menyediakan seorang pemantun atau tukang karutnya untuk menjalankan acara peminangan, kemudian penyerahan cincin emas tanda jadi sebagai pengikat.

3. Adat menetak hari, sebulan sebelum berkahwin kedua-dua pihak mestilah menetapkan hari pernikahan kedua belah pihak, dahulunya seorang tukang ilmu langkah dijemput hadir bagi menentukan hari bulan dan hari-hari apa sahaja yang sesuai.
4. Adat naik belanja, maksudnya pihak lelaki menghantar sejumlah wang untuk belanja nikah kahwin kepada pihak perempuan, termasuklah wang untuk membeli katil, tilam, bantal serta semua peralatan yang diperlukan dalam perkahwinan tersebut.
5. Adat berinai, dahulu tiga hari sebelum acara pernikahan, perempuan calon pengantin tidak boleh keluar rumah kerana dianggap *berdarah manis*, ertinya takut terjadi apa-apa kepada perempuan calon pengantin tersebut sehinggalah malam ketiga perempuan itu dihiasi dengan inai.
6. Adat berendam, adalah persolekan yang dilakukan oleh mak andam atau dikenali juga sebagai *bidan pengantin* seperti mengikis dan mengasah gigi dan lain-lain
7. Adat akad nikah
8. Adat berkhatam, biasanya khatam al-Qur'an adalah suatu kemestian dalam acara nikah kahwin terutama pengantin perempuan. Seorang guru dan rombongan mendengarkan bacaan-bacaan, kemudian diarak keliling kampung dengan balai-balai yang telah dihiasi pulut kuning, ayam, telur dll.
9. Adat bersimpuh, setelah sah keduanya menjadi suami isteri selepas diijab kabul, maka pengantin lelaki dan perempuan

datang berjumpa (istilah tempatan, datang menyembah) kedua orang tua mereka minta keampunan, keberkatan kerana ibu bapa perempuan bersedia melepaskan anaknya untuk hidup baru bersama sang suami.

10. Adat berarak, dahulunya perarakan mesti dibuat sekalipun rumah lelaki dan perempuan berdekatan, pengantin lelaki diarak kira-kira satu batu bersama rombongan penghantar dengan berpakaian adat Melayu.
11. Adat bersilat, silat dibuat dihadapan kedua-dua pengantin dan diperlihatkan oleh semua tetamu jemputan.
12. Adat berbalas pantun, biasanya pengantin lelaki tidak boleh masuk kerumah pengantin perempuan sebelum bertanya sesuatu, kabar, nama, berkenalan dan sebagainya semua ini diucapkan dengan berpantun, jika pemantun pihak lelaki tidak dapat menjawab sepenuhnya atau kurang mahir membalas pantun maka pengantin lelaki serta rombongan belum boleh masuk kerumah tersebut, sebagai hukuman beradat
13. Adat bersanding, pengantin lelaki dan perempuan dihiasi dengan pakaian pengantin oleh bidan pengantin (mak andam) biasanya pakaian ini selalunya mendedahkan aurat kerana cara hiasan adalah untuk memperlihatkan kecantikan tubuh badan, bentuk tubuh, kulit dll.
14. Adat tepung tawar, dikenali juga dengan istilah *setawar sedingin*, adalah acara merenjis

15. Adat nasi pengantin, makan nasi pengantin dengan penuh simbolik

16. Adat mandi hias

17. Adat meminjam pengantin

Kesenian Masyarakat:

18. Pencaksilat, debus, zikir bardah, zikir saparenam, senandung malam iaitu, senandung Batubara atau senandung Asahan, qasidah, berzanji dan marhaban.

4.3. Peranan Kerajaan Melayu Batubara Dalam Menyebarkan Islam di Sumatera Utara

Islam telah merubah kehidupan masyarakat Batubara. Nilai Islam telah memberikan kekuatan dan semangat hidup mereka. Islam telah meletakkan kerajaan Melayu Batubara sebagai kerajaan Islam. Atas dasar Islam mereka mampu melaksanakan konfrontasi terhadap penjajah asing. Mereka tidak takut berdepan maut demi mempertahankan Islam.²⁵⁵ Bagi mereka tidak ada perundingan dengan penjajah.

Bangsa Belanda mahupun Jepun tidak mampu mempengaruhi dan merubah semangat keislamannya. Mereka menyebut penjajah adalah kafir. Haram hukumnya bekerjasama dengan bangsa kafir. Perkataan kafir sangat difahami oleh masyarakat Melayu sebagai kata-kata yang dibenci disisi agama, apabila kalimat

²⁵⁵ Amran Zamzani (1990), **Jihad Akbar Di Medan Area**. Jakarta: Gunung Agung, h. 121.

kafir dilabelkan keatas orang Batubara, Ianya akan mendatangkan pergaduhan dan permusuhan yang bahaya, kerana sebutan kafir terhadap orang lain bermakna ia telah menganggap orang itu musuh dan hina.

Tidak ada kehidupan yang bererti bagi mereka kalau tanpa Islam. Islam bagi mereka adalah agama, politik, pendidikan dan adat resam. Fanatik mereka terhadap Islam membuat mereka cukup marah apabila ada yang menghina Islam. Demi Islam mereka sanggup berkorban untuknya.

Faktor agama merupakan faktor utama dalam proses perkembangan dan kemajuan kerajaan Melayu Batubara. Oleh itu, seluruh rakyat kerajaan Melayu Batubara seratus peratus beragama Islam. Tidak ada agama lain selain agama Islam, adapun unsur animisme, dinamisme, Hindu dan Budha dapat dikikis pada masa kerajaan Melayu Batubara. Hal ini, tidak terlepas daripada peranan kerajaan Melayu Batubara dan para ulama.

Pada peringkat awal perkembangannya, ulama Arab mempunyai peranan yang penting dalam menyebarkan dan mengembangkan dakwah Islam. Pada tahun 1900an M, kerajaan Melayu Batubara yang dipimpin oleh Datuk Muhammad Yoeda. Beliau sebagai seorang pemimpin yang menolak kerjasama ekonomi dengan Belanda, hal ini disebabkan kerana Belanda merupakan bangsa penjajah dan kafir.²⁵⁶

²⁵⁶Muhammad Syamsu AS (1996), *op. cit.*, h. 28.

Pada masa itu, Belanda cuba mendekati dan merayu mengajak beliau untuk berbaik-baik dengan Belanda, tetapi beliau beberapa kali selalu menolak ajakan Belanda untuk kerjasama. Datuk Muhammad Yoeda berkata dengan pendirian tegasnya bahawa, “*Rakyat kami tak mahu tunduk dengan orang kafir seperti Belanda. Kami hanya ikut perintah Sultan Siak*”.²⁵⁷

Mengikut Datuk Azman Syah berkata bahawa Datuk Muhammad Yoeda sebagai seorang raja yang mempunyai sifat keras dan tegas. Beliau tak mahu bekerjasama atau tolak ansur dengan Belanda. Selama beliau memimpin kerajaan Melayu Batubara menggunakan pendekatan Islam kepada rakyatnya. Prinsip beliau yang paling terkenal adalah, “*Adat kami adalah syarak, syarak berpandukan Kitabullah*”.²⁵⁸

Dengan prinsip beliau semacam itu, maka Belanda sebagai bangsa yang kafir merupakan musuh utama yang harus dilawan dan ditentang habis-habisan. Untuk menentang dan melawan Belanda, beliau buktikan dengan mengundang rakyatnya sebulan sekali ke istana. Pada saat rakyat berkumpul dan makan-makan di istana, beliau memberikan nasihat pada rakyatnya mengenai perlunya melawan penjajah kafir seumpama Belanda.²⁵⁹

²⁵⁷ Pada masa itu, tahun 1990 M, kerajaan Siak dipimpin oleh Sultan al-Sayid al-Syarif Kasim II Abdul Jalil Syaifuddin. Lihat: *Ibid.*, h. 28.

²⁵⁸ Temu bual dengan Datuk Azman Syah Pada 26 Julai 2008 Di istana kerajaan Batubara Sekarang. Beliau merupakan cucu pertama daripada Datuk Muhammad Yoeda.

²⁵⁹ Majalah Ummat (1996), *op. cit.* h. 55.

Mengikut Nek Ingah²⁶⁰ mengatakan bahawa Datuk Muhammad Yoeda merupakan seorang pemimpin yang bencikan Belanda. Pada masa kepimpinannya, setiap jumaat beliau selalu memperingatkan pada rakyatnya. Sebelum khatib membacakan khutbah jumaat, maka beliau akan naik mimbar untuk memberi nasihat pada rakyatnya agar selalu berhati-hati dengan Belanda, kerana mereka penjajah dan kafir.

Selain Datuk Muhammad Yoeda yang secara konsisten dan terus-menerus menentang Belanda. Mufti yang wujud pada kerajaan Melayu Batubara juga ikut aktif menyuarakan hal semacam itu. Pada masa itu seorang mufti dan ulama terkenal, iaitu: Tuan Syeikh Muhammad Zain Nuruddin²⁶¹ atau dikenali sebagai Tuan Syeikh Muhammad Zain Tasak. Memberikan fatwa bahawa Belanda adalah bangsa kafir, oleh sebab itu sesiapa sahaja melawan penjajah kafir adalah wajib dengan balasan syahid dan surga.

Dengan wujudnya situasi dan keadaan seperti itu, Datuk Muhammad Yoeda selalu memperingatkan rakyatnya untuk melawan Belanda dan mufti mengeluarkan fatwa wajib hukumnya melawan Belanda. Maka secara keseluruhan pihak istana, mufti dan ulama serta rakyat berkeyakinan yang sama melawan penjajah Belanda. Dengan itu, maka bersama-sama ulama, raja, masyarakat dan

²⁶⁰ Temu bual dengan Nek Ingah Pada Pukul 11.30-13am, Pada 7 Jun 2007 Di Rumahnya Medan Sumatera Utara.. Beliau merupakan saksi hidup tentang Kerajaan Melayu Batubara. Beliau sekarang berusia 121 Tahun.

²⁶¹ Beliau lama menuntut ilmu di Mekah al-Mukarramah, yang menguasai banyak ilmu-ilmu agama dan masyarakat meyakini bahawa beliau mempunyai karomah. beliau adalah: Tuan Syeikh Haji Muhammad Zain Nuruddin bin al-'alim Tuan Imam Haji Abas bin Haji Muhamad Lasub bin Haji Abdul Karim bin al 'allanah Tuan Faqih Negeri. Beliau adalah termasuk salah seorang Ulama Nusantara dan sebagai Ulama Agong Batubara, beliau adalah anak Melayu Jati Batubara kelahiran Pesisir Dahari Selebar, ayah dan datuk beliau juga adalah seorang ulama dan moyang beliau adalah ulama dan orang yang sangat disegani semasa beliau di Minangkabau Payah Kumbuh dengan gelar Fakih Nagori yang berdarah Melayu Pattani dan Arab.

rakyat menjadi padu untuk menentang Belanda. Tidak ada tempat dihati mereka merasa kasih ataupun sayang dengan Belanda melainkan kebencian belaka.

Oleh sebab begitu padunya masyarakat Melayu Batubara dalam menentang Belanda, maka peluang Belanda untuk menyebarkan agama Kristian kepada penduduk tempatan sama sekali tidak berjaya, bahkan beberapa kali keinginan pihak Belanda mengasaskan sebuah gereja di bumi Batubara tidak dapat menjadi *realiti*.

Kedekatan raja dengan ulama dengan diam-diam slogan: “*Belanda Kafir*”, berjalan terus. Slogan ini disambut baik oleh rakyat dan masyarakat, kerana datangnya daripada lisan-lisan, raja, ulama dan mufti pada kerajaan Melayu Batubara. Pada masa itu, hampir setiap pemerintahan daerah diketuai oleh apa yang disebut dengan istilah Tungkat atau Penghulu.²⁶² Yang masing-masing dipimpin oleh seorang ketua Tungkat dan ulama untuk memberikan fatwa agama bila-bila masa.

Ulama yang mendampingi ketua Tungkat atau Penghulu kebanyakan ulama yang lama menuntut ilmu di Mekah yang diiktiraf oleh Masjid al-Haram akan ilmunya. Kewujudan para ulama merupakan suatu kekuatan dakwah Islamiah, kerana para ulama ini akan mendampingi para penguasa, iaitu raja. Kedudukan para ulama, mempunyai kedudukan yang tinggi dan sangat dihormati dan disanjung, raja sangat mengutamakan kemajuan Islam di dalam negerinya. Sehingga hubungan antara raja dan ulama sangat harmoni, raja berperanan sebagai

²⁶² Penghulu adalah mempunyai kuasa penuh untuk mentadbir daerah tersebut sebagai ganti raja, sebuah kerajaan ada dalam 4 atau 6 Penghulu sahaja.

fasilitator sedangkan ulama sebagai penyampai dan mengembangkan ajaran Islam. Dengan demikian, kedua-duanya antara raja dan ulama mempunyai peranan yang penting dalam menyebarkan agama Islam.

Mengikut Prof Tengku Luckman Sinar SH,²⁶³ mengatakan bahawa peranan Datuk Muhamamd Yoeda dan ulama pada masa itu sangat signifikan dalam mengembangkan ajaran Islam pada kerajaan Melayu Batubara. Datuk Muhammad Yoeda telah membangun masjid istana yang berdekatan dengan Istana Lima Laras. Di masjid itulah beliau selalu mengingatkan pada rakyatnya untuk melawan kaum kafir Belanda pada setiap hari jumaat.

Peranan Kerajaan Melayu Batubara dalam mengembangkan agama Islam di daerah Sumatera Utara, khususnya Batubara bukan hanya setakat itu sahaja, akan tetapi berlanjut sampai sekarang. Pada masa sekarang pengiriman pelajar-pelajar keluar negeri seperti ke Mekah al-Mukarramah, Madinah al-Munawwarah, al-Azhar Mesir dan Timur Tengah yang lain, termasuklah Riyadh, Syria, Yaman dan Jordan. Terus berlaku hingga ke hari ini.

Pada tahun 1945 M, kerajaan Siak memutuskan secara rasmi untuk bergabung dengan NKRI (Negara Kesatuan Republik Indonesia) berakhirnya kerajaan ini seiring dengan ikrar sultan terakhirnya, Sultan Syarif Kasim II untuk bergabung dengan negara kesatuan Republik Indonesia. Ketika Indonesia merdeka dari jajahan Belanda, Sultan Syarif Kasim II sangat benci dengan penjajah Belanda. Beliau lebih rela menyerahkan kekuasaan kerajaannya kepada

²⁶³ Temubual dengan Prof. Tengku Luckman Sinar SH, Pada Pukul 11-12am, Pada 15 Ogos 2008 Di Pejabat Jabatan Sejarah Di Universiti Sumatera Utara, Medan.

Soekarno serta sanggup turun takhta dan meninggalkan istana diraja. Selepas itu beliau pindah dan menetap di Jakarta.²⁶⁴

Sejak itulah, kerajaan Siak menjadi bahagian Indonesia, dari keluhurannya itu beliau diangkat sebagai pahlawan Nasional, Kerajaan Melayu Batubara pun mengikuti langkah yang sama turut serta bergabung dengan Indonesia. Kewujudan kerajaan Batubara bukan hanya diakui oleh penjajah Belanda, tetapi juga diakui oleh negara Republik Indonesia.

Pengakuan ini setelah pemerintah pusat mengeluarkan surat rasmi pembentukan Kabupaten Batubara sebagai otonomi daerah yang baru daripada Kabupaten Asahan. Ini adalah hasil usaha keras dan gigih oleh masyarakat Batubara untuk mendapat status otonomi daerah yang diperjuangkan semenjak tahun 1950 M lagi.²⁶⁵ Nama Batubara sebagai peninggalan sebuah kerajaan Melayu dan Islam telah berjaya diangkat semula. Kata-kata Panglima Melayu Batubara, Panglima Nyang Gindo, *“Batubahara Tanah Melayu Yang Bertuah.”* Ada hikmahnya.

²⁶⁴ Muhammad Syamsu As (1996), *op. cit.* h. 31.

²⁶⁵ Majalah Bias (2007), *op. cit.* h. 3.

BAB V

KESIMPULAN

5.1. Kesimpulan

Proses perkembangan Islam di Nusantara adalah dengan melalui beberapa faktor sehingga Islam tersebar di seluruh wilayah gugusan pulau-pulau Nusantara Alam Melayu. Ada beberapa faktor penyebaran Islam ini yakni: *pertama* faktor perdagangan. Pantai Timur Sumatera merupakan kawasan yang strategik bagi para pedagang Arab untuk menyebarkan Islam pada masyarakat Sumatera, khususnya masyarakat Batubara. Para pedagang Arab ini selain berdagang mereka juga berdakwah pada masyarakat tempatan. Ulama ini termotivasi menyebarkan agama Islam daripada ajaran Islam itu sendiri, yang terdapat pada surah al-Imran ayat 104.

Kedua faktor perkahwinan. Melalui ikatan perkahwinan antara pedagang Arab dengan penduduk tempatan, dapat mengeratkan hubungan tali persaudaraan dan kekeluargaan lebih ikhlas dan hormoni, ini memudahkan lagi bagi pendakwah Islam menyampaikan dakwah dikalangan keluarga sendiri seperti dakwah *bilhal, tarbiah* dan sebagainya bahkan hal semacam ini dapat mempercepatkan lagi proses penyebaran agama Islam.

Ketiga faktor perlumbaan dalam penyebaran agama. Kedatangan bangsa-bangsa Eropah ke kawasan Nusantara, khususnya Indonesia yang datang untuk menjajah dan menyebarkan agama Kristian pada masyarakat tempatan yang sudahpun beragama Islam. Namun pihak penjajah melihat bahawa ramai lagi

dikalangan orang-orang Islam yang kurang memahami sepenuhnya ajaran agama Islam konon untuk dapat menjadi pengikut mereka. Penduduk yang kebanyakan tinggal dikawasan pegunungan, lebih dikenali ketika itu sebagai orang-orang Batak masih ramai berfahaman animisme yang belum mempunyai agama. Dengan itu, maka wujudlah perlumbaan dalam menyebarkan agama antara Islam dan Kristian.

Keempat faktor pendakwah Arab dan ulama Sufi. Para pendakwah ulama-ulama Arab ini mereka dikenali sebagai orang-orang *sufi* mempunyai akhlak yang mulia, penyabar, lemah lembut, penuh hikmah dalam berdakwah dan sopan santun sehingga masyarakat tempatan sangat tertarik hati menerima Islam, mereka adalah orang-orang yang sangat bertakwa kepada Allah dan berakhlak mulia. Dengan pengorbanan mereka dalam menyebarkan Islam di daerah tersebut menjadikan golongan raja-raja, para pembesar negeri serta rakyat jelata menyukai Islam. Islam dapat diterima dengan baik dalam usaha mempercepatkan lagi proses penyebaran agama Islam. Kerajaan Melaka, Aceh Demak dan Siak misalnya, ulama-ulama Sufi mempunyai pengaruh dalam bidang politik dan mempunyai kedudukan yang sangat istimewa serta ikut dalam pentadbiran kerajaan. seperti Sheikh Ismail, Syed Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Maulana Ishak, Maulana Yusuf, dan Sidi Arab, kerajaan Melaka. Hamzah fansuri, Shamsudin al-Sumaterani, Nurudin al-Raniri, Abdul Rauf Singkil di Aceh.

Pada zaman kerajaan Demak (1475-1550), ulama sufi yang menguruskan strategi politik, adalah golongan wali sembilan iaitu: Sheikh Maulana Malik Ibrahim, Sunan Ampel, Sunan Bonang, Sunan Derajat, Sunan Giri, Sunan Kalijaga, Sunan Gunung Jati, Sunan Kudus, Sunan Muria.

Kelima faktor kerajaan Melayu Batubara dalam menyebarkan Islam di Sumatera Utara. Bahawa kerajaan Melayu Batubara mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam menyebarkan agama Islam di Sumatera Utara. Dalam hal ini raja dan ulama sebagai penggerak yang menentukan terhadap maju dan mundurnya perkembangan agama Islam itu sendiri. Raja kerajaan Melayu Batubara, iaitu Datuk Muhammad Yoeda dalam kepimpinannya sangat mengambil berat terhadap pengembangan agama Islam dan bencikan terhadap penjajah Belanda yang kafir itu. Hal ini dibuktikan beliau selama kepimpinannya selalu memberikan nasihat pada rakyatnya agar selalu berhati-hati terhadap penjajah kafir Belanda.

Keenam faktor ulama tempatan dan mufti juga mempunyai peranan yang cukup penting dalam menyebarkan agama Islam pada masyarakat Batubara. Dengan fatwanya yang selalu mengatakan *syahid dan surga* bagi sesiapa yang melawan penjajah yang kafir seperti Belanda, membuat rakyat semakin bencikan belanda dan tiada tempat dihati masyarakat. Sehingga terwujudlah perpaduan antara raja, ulama dan rakyat melawan Belanda. Dalam sejarah kerajaan Melayu Batubara tidak ada satupun gereja dapat diasaskan pada kerajaan tersebut, melainkan setelah mardeka,jika adapun rumah ibadah seperti Kuil dan Gereja di era mardeka ini, itu adalah mereka pendatang dari daerah luar mendirikan rumah ibadah mereka. Hal ini, disebabkan perlawanan yang sangat hebat yang dilakukan kerajaan Melayu Batubara. Oleh kerana ini merupakan suatu cabaran bagi kerajaan Melayu Batubara untuk tetap memegang teguh dan tidak terpengaruh dengan agama Kristian. Realitinya agama Kristian tidak pernah wujud pada masyarakat Melayu Batubara.

Adapun pengaruh Islam dan keberhasilan kerajaan Batubara dalam mengamalkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat Batubara adalah sebagai berikut: *pertama* Aspek Kepercayaan. Selepas Islam bertapak pada masyarakat Batubara, fahaman animisme dan dinamisme serta fahaman Hindu-Budha dapat dikikis habis dengan cara baik-baik dan perlahan. Agama Islam telah menjadi amalan dan tradisi dalam kehidupan harian mereka, adat istiadat dan kebudayaan dapat selari dengan kehendak Islam iaitu tidak bercanggah dengan syariat. Sehingga muncul pepatah pada masyarakat tempatan: *“Tak dikatakan Melayu kalau tidak Islam”*. Sesiapa yang berbangsa Melayu bererti beragama Islam.

Di Batubara didapati surau-surau, madrasah-madrasah, tempat-tempat ibadah, tidak terdapat satupun juga tempat ibadah agama lain selain tempat peribadatan Islam. Masjid –masjid ada setiap kampung atau di kawasan kekuasaan dibawah kekuasaan penghulu. Setiap istana iaitu istana kerajaan terdapat masjid iaitu masjid istana sebagai mercu tanda bahawa ajaran Islam telah direalisasikan dalam kehidupan masyarakat Batubara. Di Istana Niat Lima Laras terdapat sebuah masjid yang cantik bersebelahannya namun kemudian dipindah keseberang jalan depan istana tersebut, ini suatu tanda keagungan Islam wujud pada zaman kegemilangan kerajaan Melayu Batubara.

Kedua, Aspek Pentadbiran Kerajaan. Pada kerajaan Melayu Batubara, raja dianggap sebagai ketua pemerintahan, ketua agama dan ketua adat. Oleh yang demikian, raja sebagai ketua agama didampingi oleh seorang ulama, mufti dan kadi sebagai penasihat raja. Raja sebagai seorang yang memimpin dan mengatur urusan pemerintahan, dalam mentadbir pemerintahannya melakukan pendekatan

perbincangan dan permesyuaratan. Pendekatan semacam ini, menepati ciri-ciri yang terdapat dalam ajaran Islam.

Ketiga, Aspek Sistem Perundangan. Hukum Islam dijadikan sebagai hukum hidup pada masyarakat Melayu Batubara. Segala keputusan pengadilan berasaskan hukum Islam. Seperti contoh, dalam hukum keluarga. Apabila terjadi pergaduhan antara suami dan isteri, maka perkara tersebut diselesaikan mengikut Islam, dengan cara menghadirkan keluarga kedua belah pihak sebagai pengadil. Begitu juga dengan harta pusaka bermula daripada *bagi gotok-gotok* beralih kesistem (*Fara'idh*) sebagaimana yang diatur dalam Islam.

Keempat, Aspek Pendidikan. Pada peringkat awal pendidikan Islam pada masyarakat Batubara terdapat dalam masjid dan surau sahaja. Mereka belajar asas-asas agama Islam, seperti belajar membaca al-Quran, asas-asas fardu 'ain seperti hukum bersuci, cara-cara wuduk, solat dan sebagainya. Kemudian Islam semakin maju maka kaedah belajar agama Islam lebih dalam lagi iaitu menulis dan membaca kitab kuning. Setelah mereka mempunyai ilmu yang mencukupi mereka akan belajar ke Mekah, Madinah dan Mesir dan kawasan Timur Tengah yang lain. Selepas mereka tamat belajar di Mekah, mereka akan kembali lagi pada masyarakat Batubara dan mengembangkan dakwah Islamiyah melalui dakwah dan pendidikan.

5.2. Cadangan

Dalam kajian ini, penulis mempunyai beberapa saranan, bagi menjaga sejarah ketamadunan Islam kerajaan Melayu Batubara, agar tidak luntur dan hilang ditelan zaman, bak kata pepatah Melayu lama, "tidak lekang oleh panas dan tak berkarat kena hujan". Saranan-saranan tersebut adalah seperti berikut:

1. Batubara adalah sebagai salah satu mercu tanda tamadun Islam di Alam Melayu khususnya di wilayah Sumatera Utara. Oleh kerana itu, kerajaan ini memiliki potensi besar terhadap perkembangan Islam di Sumatera Utara. Dalam kesempatan ini penulis ingin memberikan saranan kepada masyarakat Melayu Sumatera secara umum dan kepada pihak berkuasa tempatan secara khasnya, supaya sentiasa mengadakan tinjauan serta penyelidikan yang serius terhadap kerajaan Melayu Batubara agar ia tetap hidup di dalam lembaran sejarah.
2. Penulis mendapati bahawa betapa sedikitnya pakar sejarah yang mengambil berat tentang penulisan sejarah kerajaan Melayu Batubara. Oleh sebab itu, penulis sangat sukar sekali untuk mendapatkan data, fakta dan maklumat mengenai kerajaan Melayu Batubara. Dalam hal ini penulis berharap kepada para pakar sejarah, cerdik pandai serta media cetak dan khususnya pemerintahan daerah Sumatera Utara, supaya dapat menerbitkan lebih banyak lagi bahan-bahan bertulis mengenai kerajaan Melayu Batubara.

3. Penulis sangat berharap kepada pihak berkuasa di Sumatera Utara dan di seluruh Alam Melayu, agar tetap memberikan perhatian serta pemeliharaan terhadap peninggalan-peninggalan bersejarah terutamanya yang berunsurkan Islam.

5.3. Penutup

Penulisan disertasi ini adalah merupakan salah satu usaha kajian, untuk menyelidiki serta mempelajari sejarah kerajaan Melayu Batubara. Pada suatu ketika dahulu, kerajaan Melayu Batutara telah tegak sebagai lambang tamadun Islam, khususnya di daerah Sumatera Utara dan umumnya pada negara Indonesia. Dengan wujudnya proses berlakunya perubahan zaman yang disertai dengan revolusi sosial, maka dengan sendirinya kerajaan Melayu Batubara menjadi hilang di dalam ingatan masyarakat Melayu itu sendiri.

Dewasa ini, kita hanya dapat membaca lembaran sejarah yang menceritakan tentang kemajuan daerah Sumatera Utara di zaman kerajaan Melayu Batubara. Kewujudan Istana Lima Laras adalah salah satu peninggalan kejayaan ketamadunan kerajaan Melayu Batubara. Istana Lima Laras pada masa ini dijadikan sebagai objek wisata atau pelancongan sebagai bangunan peninggalan sejarah, namun pemerintah setempat atau pemerintahan daerah (pemda) diharap dapat mengangkat mercu tanda keagungan kerajaan Islam ini kesuatu peringkat yang bermartabat dengan menggali dan mempamerkan bahawa suatu ketika dahulu hanya satu-satunya kerajaan Islam sahaja yang telah wujud di daerah Batubara.

Harapan penulis kepada seluruh masyarakat Islam, masyarakat Melayu Sumatera dan masyarakat Sumatera Utara, atau lebih khusus lagi masyarakat Batubara supaya kembali mempelajari serta mentelaah sejarah kegemilangan kerajaan Melayu Batubara, serta kerajaan-kerajaan Islam lainnya, dengan berusaha untuk memajukan kembali seperti zaman kejayaannya dahulu. Kerana ia adalah suatu aset bagi ummah ini untuk maju ke hadapan yang lebih bermakna dan bermartabat, dengan mengambil iktibar dan pengajaran, terhadap faktor-faktor kejayaan masa lampau.

Akhirnya penulis bersyukur kepada Allah Yang Maha Kuasa, kerana dengan rahmat dan kurniaNya, penulis dapat menyelesaikan penulisan disertasi ini. Selain itu pula, penulis tidak lupa mengucapkan terima kasih pada semua pihak yang telah memberi bantuan serta tunjuk ajar kepada penulis baik secara langsung atau tidak. Penulis berharap agar hasil penyelidikan ini bermanfaat khususnya bagi penulis secara peribadi dan umumnya bagi mereka yang cintakan ilmu pengetahuan, terutamanya dalam bidang sejarah dan tamaddun Islam sehingga tidak lapuk ditelan zaman dan tiada lupa dalam ingatan.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran/ Tafsir

Abi Ja'far Muhammad bin al-Hasan al-Tusy (t.t.), *Al-Tibyān fī Tafsīr al-Qur'ān*. Jilid.4. Baiur: Dar Ihya' al-Turas al-Arabi.

Al-Fahru al-Razi (t.t.), *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Jilid. 32. Tehran: Dar al-Kutub al-Alamiyah.

Al-Sayid Muhammad Husain al-Tabatabaiy (t.t.), *Al-Mizān fī Tafsīr al-Qur'ān*. Jilid. 3. Bairut: Al-Matba'ah al-Tijarah.

Imam Abi al-Fidak Isma'il ibn Katsir (t.t.), *Tafsīr Ibn Kathir*. Damsik: Maktabah Zahran.

Imam abi al-Su'ud Muhammad bin Muhammad al-Amari (1999), *Tafsir abi al-Su'ud*. Jilid. 5. Bairut: Dar Ihya' al-Turas al-Arabi.

Muhammad Jawad al-Balaghi al-Najfi (t.t.), *Al-Rahman fī Tafsīr al-Qur'ān*. Bairut: Dar Ihya' al-Turas al-Arabi.

Rujukan Berbahasa Arab

Hamid 'Usman (t.t), *Al-Muslimūn fī al-Ālam*. Troli: Manshuratu Kulliyatu Da'wah Islamiyyah.

Muhamad Ghassan al- Jabban (1996), *Al-Daurah al- Ta'hiliyah al-Rābi'ah*, Damsyiq: Mujamma' Abu al-Nur al-Islami.

Muhamad Sa'id Ramadan al-Buti(1991), *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah*, c. 10, damsyyiq: Dar al-Fikr.

Muhammad Zein Nuruddin ibnu Tuan Haji Imam Abbas, *Fawā'id al-Zain 'ilm al-Aqā'id al-Uṣūluddin*. Pineng: Penerbit Namrah.

Muhammad Zein Nuruddin (t.t), *Miftāh al-Ṣibyān Fī al-Aqā'id al-Iman*. Medan: Percetakan Imbalau.

Muhammad Zein Nuruddin, (1379 H), *Fatr al-Laban Fi 'Aqāid al-Imān*. Medan: Medan: Percetakan Imbalau.

Mustafa al-Bugha (1997), *Al-Wāfi*. c.9. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.

Wahbah al-Zuhaili (1991), *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Syari'ah wa al-Minhaj*. Jilid. 24. Bairut: Dar al-Fikr.

Rujukan Berbahasa Inggeris

Anthony Reid (1968), *The Contest For North Sumatera: 1858-1898*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.

Bogdan & Tylor (1975), *Introduction to qualitative research in Education: A Phenomenological approach to social science*. New York: John Wiley.

B.R. Kishore (t.t.), *Hinduism*. New delhi: Diamond pocket Books.

Edwin M Loeb (t.t), *Sumatera Its History And People*. New York: Oxford University Press.

J. Francis Rummel (1964), *An Introduction to Research Procedures in Education*. C.2. New york: Harper & Row Publishers.

Katherine Marshal & Rosman (1995), *Design Qualitative Research*. California: Sage Publication.

Lecomte & Goetz (1984), *Ethnography and Qualitative Design in education Research*. London: Academic Press Inc.

Marsden (1986), *The History Of Sumatera*. New York: Oxford University Press.

M.B. Hooker (1978), *a Concise Legal History of South-East Asia*. Oxford: Clarendon Press.

Peter a. Angeles (1981), *A Dictionary of Philosophy*. London: Harper and Row Publishers.

R.O. Winstedt (2003), *A History of johore*. Selangor: the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Thomas arnold (1979), *The Preaching of Islam*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.

W.F. Wertheim (1956), *Indonesian Society in Transition*. Bandung: Sumur.

Yvonna S. Lincoln & Egon G. Guba (1985), *Naturalistic Inquiry*. Beverly hills: Sage Publication.

Rujukan Berbahasa Melayu/ Indonesia

Abdul Halim Bin Hj. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: ABIM.

Abdullah Bin Muhammad Basmeh (1989), *Tafsir Pmpinan al-Rahman*. c.9, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Abdul Rahman Abdullah (2000), *Sejarah dan Tamaddun asia Tenggara Sebelum dan sesudahnya Pengaruh Islam*. Kuala lumpur: Utusan publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbit Pena Sdn.Bhd.

----- (t.t), *Sejarah Dan Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Pena Sdn. Bhd.

Adamsyah, Tengku (t.t), *Butir-butir Sejarah Suku Melayu Pesisir Sumatera Timur*. Medan:Yayasan Karya Budaya Nasional.

Abdul Ishak (1990), *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*. Kuala Lumpu: al-Rahmaniah.

----- (t.t), *Peranan Budaya Melayu Sebagai Sub Kultur Kebudayaan Nasional*. Medan: Yayasan Karya Budaya Nasional.

Abdul Rahman, Senu et al (1971), *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.

----- (1989), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara : Sejarah Dan Pemikirannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Amran Zamzami (1990), *Jihad Akbar di Medan Area*. Jakarta: Gunung Agung.

A. Hasymi (1993), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam Di Indonesia*. Bandung: Al-ma'arif.

Arfin Omar (1999), *Revolusi Indonesia Dan Bangsa Melayu: Runtuhnya Kerajaan-kerajaan Kerajaan Melayu Sumatera Timur Pada Tahun 1946*. Pulau Pinang:USM.

Boris Parnickel (1995), *Perkembangan Sastera Nusantara Serumpun, Abad Ke 7 – Ke 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Edi S. Ekadjati (1975), *penyebaran agama Islam di Pulau Sumatera*. Jakarta: PT Sanggabuana.
- Endang Saifuddin Anshari (1983), *Wawasan Islam pokok-pokok Pikiran Tentang Islam dan Ummatnya*. Bandung: pustaka.
- Hall, D.G.E (1972), *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hamka (1982), *Dari Perbendaharaan Lama*. c.2. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ibnu Hajar (1999), *Dasar-Dasar Metodologi Penelitian Kualitatif Dalam Pendidikan*, Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Imam Barnabib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP.
- Ismail Hussein, P-B. Lafont PO Dharma (1995), *Dunia Malayu Dan Dunia Indochina*. Kuala Lumpu: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ismail bin Tahir (t.t.), *Lintasan Sejarah Batu Baro*. Kuala Lumpur, Malaysia 1956-1997.
- Jalaluddin Rahmat (1985), *Metode Penelitian Komunikasi*. Bandung: Remadja Karya.
- Joginder Singh Jessy (1975), *Malaysia Singapura dan Brunai 1400-1965*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn.Berhad.
- J.S. Badadu & Prof Sutan Mohammad Zain (1994), *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Kamus Dewan* (1996), Kuala Lumpur: Dewan Bahas dan Pustaka.
- Koentjaraningrat ed (1977), *Metodfe-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Gramedia.
- Lah Husny. T.M (t.t), *Butir-Butir Adat Budaya Melayu Pesisir Sumatera Timur*. Medan: Bp. Lah Husny.
- (t.t), *Lintasan Sejarah Peradaban Dan Budaya Penduduk Melayu Pesisir, Deli Sumatera Timur 1612-1950*. Medan: Bp. Lah Husny.
- Lexy J. Moeloeng (2000), *Metode Penelitian Kualitatif*. Bandung: Rosda Karya.
- Lukman Sinar Basyarsyah II, Tuanku (1986), *Sari Sejarah Serdang 2*. Medan: Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan.

- (1991), *Sejarah Medan Tempo Doeloe*, Medan: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- (1994), *Adat Perkhawinan Dan Tata Rias Pengatin Melayu*. Medan: Lembaga Pembinaan Dan Pengetahuan seni Budaya Melayu (Satgas-MABMI).
- Mahadi (1978), *Sejarah perkembangan Hak-hak Suku Melayu atas Tanah di Sumatera Timur (19800-1975)*, Bandung: Penerbit Alumni.
- Mahayudin Haji Yahaya (2001), *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpu: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Majalah Bias*, (Edisi Januari 2007), No. 99 Tahun ke-IV.
- Surat kabar Waspada, (Edisi Oktober 2004)
- Majalah Dwimingguan UMMAT* (Julai 1996), No. 1/thn. II/ 8 Julai 1996. 22 Safar 1417 H.
- Marwati Djoened Poesponegoro & Nugroho Notosusanto (1984), *Sejarah Nasional Indonesia I,II,III, &IV*. c.3, Jakarta: Balai Pustaka.
- Mazlan bin abdullah (1979), *Sejarah Tanah melayu 1400-1965*. c.5. Kuala Lumpur: Pustaka Sistem Pelajaran Sdn. Bhd.
- Moh. Nazir (1999), *Metode Penelitian*. c.4, Jakarta: Galia Indonesia.
- Mohd Jamil Mukmin (2004), *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Mohd. Yusof Hasan (1991), *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad Syamsu As (1996), *Ulama Pembawa Islam di Indonesia dan sekitarnya*. Jakarta: Penerbit Lentera.
- Nasution (1985), *Penelitian Kualitatif Naturalistik*. Bandung: Jemmars.
- Ridin Sofwan dkk, (2000), *Islamisasi di Jawa Walisongo Penyebar Islam di Jawa menurut Penuturan Babad*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Shaharom Husain (1995), *Sejarah Johor Kaitannya dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Suharsimi Arikuno (1985), *Prosedur Penelitian*. Jakarta: Bina Aksara.
- Suwardi Mohammad Samin (1970), *Peranan Kerajaan Siak dalam sejarah Nasional Indonesia*. Pekan Baru: Universitas Riau.

Timbul Sir (1980), *Sejarah Kota Medan*, Medan. Y.A.S. Pembina Jiwa Pancasila.

Wan ahmad D.S. (t.t.), *Sejarah islam di Indonesia*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah.

W.J.S. Poerwadarminta (1982), *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.

Temu bual

Datuk Azman Syah, Kisaran, 26 Julai 2008. Beliau adalah merupakan pewaris takhta, keturunan Datuk Diraja Muhammad Yoeda, Raja ke-11 kerajaan Melayu Batubara. nama lengkapnya adalah Datuk Azman Syah ibni al-Marhum Datuk Abdul Ghani ibni al-Marhum Datuk Muhammad Yoeda.

Datuk Muhammad Imin Syah, Lima Laras, 30 Mei 2007. Nama lengkap beliau adalah Datuk Muhammad Imin Syah ibni al-Marhum Datuk Abdul Ghani Ibni al-Marhum Datuk Seri maharaja Indra Muhammad Yoeda ibni al-Marhum Datuk Muhammad Djakfar. Beliau ini adalah merupakan adik daripada Datuk Azman Syah, penjaga istana dan penyimpan barang-barang peninggalan istana.

Nek Hj. Halimah, Pesisir Dahari Selebar. Kecamatan: Talawi. Kabupaten Batubara, pada 17 April 2007. Berusia 96 tahun sebagai saksi hidup. Keturunan Tuan Syeikh Muhammad Zain Nuruddin Tasak (ulama agung Batubara)

Nek Ingah Pada Pukul 11.30-13am, Pada 7 juni 2007 Di Rumahnya Medan Sumatera Utara.. Beliau merupakan saksi hidup tentang Kerajaan Melayu Batubara. Beliau sekarang berusia 121 Tahun

Tuan Imam Usman, Tasak Kuala Tanjung, 2 Ogos 2008. Beliau adalah imam mesjid al-Mua'allim, mesjid Tuan Syeikh Muhammad Zain Nuruddin Tasak dan cucu daripada ulama Agung Batubara.

Prof. Tengku Luckman Sinar SH, Medan, pada 15 Ogos 2008. Beliau adalah Pensyarah di USU (Universitas Sumatera Utara) dan merupakan pakar sejarah.

Tuk Abdul, Pada Pukul 4.30-5.30pm Pada 7 Juni 2007 Di Kediannya Di Bandar Medan Sumatera Utara. Beliau berusia 98 merupakan dari kalangan tua masyarakat Batubara yang mengetahui tentang sejarah Kerajaan Melayu Batubara.

Yohanan Bahar pada 10 Ogos 2008. Beliau merupakan bekas pengerusi bahagian Kebudayaan di Sumatera Utara. Sebagai pakar sejarah.

